

**PAMPASAN KEPADA MANGSA ROGOL
DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH**

ROZILAWATI BINTI MAT YACOB

**JABATAN SYARIAH & UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2010

**PAMPASAN KEPADA MANGSA ROGOL
DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH**

ROZILAWATI BINTI MAT YACOB

**JABATAN SYARIAH & UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2010

**PAMPASAN KEPADA MANGSA ROGOL
DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH**

ROZILAWATI BINTI MAT YACOB

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2010

ABSTRAK

Peningkatan kes-kes rogol di Malaysia sejak tahun 2000-2006 dilihat sangat ketara. Senario ini begitu membimbangkan kerana ada di kalangan mangsa dibunuh dengan kejam selepas dirogol. Kejadian rogol pula pastinya meninggalkan pelbagai impak kepada mangsa. Disertasi ini mengupas tentang undang-undang berkaitan kesalahan rogol dan peruntukan mengenai pampasan di Malaysia, beberapa buah negara Barat serta perundangan Islam. Objektif utama kajian ini pula bertujuan mencadangkan satu sistem pampasan mangsa rogol mengikut acuan syariah untuk diamalkan di Malaysia. Dari segi metodologi kajian pula, metod kajian kepustakaan dan temubual digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Manakala kaedah analisis deskriptif, komparatif serta pendekatan analisis kritikal pula digunakan di dalam metod penganalisaan data. Hasil kajian ini mendapati bahawa peruntukan mengenai pampasan terhadap mangsa rogol sememangnya telah wujud di dalam sistem perundangan negara ini. Walaupun peruntukan tersebut tidak menyebut jenayah ‘rogol’ secara spesifik tetapi perkataan ‘rogol’ itu sendiri sudah termasuk di dalam kategori jenayah yang melayakkan mangsa menuntut pampasan. Kesimpulannya, sistem pampasan mangsa rogol di negara ini sangat diperlukan. Justeru, kewujudannya yang berpandukan asas-asas syariah pula amat relevan dengan komuniti negara ini yang pelbagai.

ABSTRACT

The statistic of rape cases in Malaysia is obviously increasing since the year 2000-2006. This phenomenon is becoming more serious over these years particularly with increasing incidents of rape and murder cases. The rape tragedy definitely left the victim with many effects. It is timely to make a research about rape as a brutal crime and also the compensation for victims in Malaysia. The main objective of this research is to suggest a rape compensation system to be practiced in Malaysia, by looking at the principles laid down by Islam as well as by looking to the practices in Western countries. The suggestion is based on the principle of Islamic compensation system. For data collection, the library research and interview are used. The analysis process adopts the descriptive, comparative and critical analysis method. This research finds that provisions for criminal compensation is available under the procedural law in this country. Although the provisions is not meant for rape victims specifically, the provision can be used to address the issue. What is needed is the interpretation and also the general application for rape victims. As a conclusion, the rape compensation system is really needed as a symbol of justice for rape victims in this country. The compensation system in Islam can be used to model the system in our country.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, maka disertasi ini dapat diselesaikan. Meskipun sering dihujani dengan pelbagai halangan dan dugaan, segalanya telah dapat diatasi berkat pertolongan dariNya. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dan para Sahabat Baginda.

Penulis dengan berbesar hati ingin mengucapkan setinggi-tinggi perhargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia, Dr. Siti Zubaidah Ismail yang banyak membantu penulis merancang rangka disertasi ini sejak dari awal penulisan. Beliau bukan sahaja menyelia disertasi ini, malahan banyak memberi dorongan dan galakan sehingga penulis berjaya menyiapkan penulisan ini. Ribuan terima kasih juga dirakamkan kepada semua pensyarah di Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur iaitu Prof. Ahmad Hidayat Buang, Dr. Raihanah Abdullah, Dr. Ruzman Mohd Nor, Dr. Siti Mashitoh Mahamood, Pn. Narizan Abd. Rahman dan Pn. Zalina Zakaria. Tidak dilupakan juga bekas pensyarah di jabatan ini, Dr. Suwaid Tapah yang telah mencerahkan ilmu perundangan kepada penulis sejak penulis di peringkat Ijazah Sarjana Muda sehingga di peringkat Ijazah Sarjana Ini.

Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang setia membantu dan memudahkan urusan penulis sejak permulaan kursus Sarjana ini terutamanya Al-Azifah Sapie, Siti Fatimah Azzura, Wan Hasnida Wan Hussein, Indera Shahril Mohd Shahid dan Mohd Firdaus Arshad, terima kasih di atas bantuan dan sokongan kalian. Tidak dilupakan sahabat karib yang paling setia, Norhayati Hasbullah yang sentiasa bersedia mendengar luahan hati penulis serta berkongsi suka duka dalam semua perkara. Penghargaan ini juga dirakamkan kepada Pn. Irniza Rasdi, yang pernah menjadi rakan sebilik di Kolej Kediaman Ke-Empat, Universiti Malaya yang juga pensyarah Kesihatan Umum, Universiti Putra Malaysia serta En. Mohd Wazir, Pegawai Kesihatan Umum, Hospital Selayang yang banyak berkongsi idea dan pengalaman serta membantu penulis mendapatkan bahan-bahan berkaitan. Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada P/ASP Suraini Hussain, ASP di Jabatan Siasatan Khas (D9B), Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman, Prof. Madya Datin Noor Aziah Hj. Mohd Awal, pensyarah Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, En Rahman b. Mokri dan Pn Ros Aniza bt. Zakaria, Pekerja Khidmat Sosial di Jabatan Kebajikan Perubatan, Hospital Selayang yang sudi meluangkan masa untuk ditemubual oleh penulis.

Kepada suami tercinta, Muhammad Jimmy b. Muhammad Azlin yang begitu prihatin terhadap penulis, sentiasa bersedia menghulurkan bantuan dan berkongsi

segala masalah, suka duka bersama penulis. Terima kasih yang tidak terhingga kerana sentiasa menyedarkan penulis tentang kebolehan dan potensi yang ada di dalam diri ini, setiap kali penulis hampir berputus asa untuk menyiapkan disertasi ini.

Ucapan terima kasih penuh kasih sayang dan paling istimewa buat Abah, Mat Yacob b. Hassan dan Ma, Makiah bt. Mat Dris yang sentiasa mendoakan keselamatan dan kesejahteraan penulis di rantauan. Buat adik beradik, Mohd Rostam sekeluarga, Rosmaniza sekeluarga, Mohd Azan sekeluarga, Rosmaini, Norsyuhada dan Mohd Saiful yang sentiasa memberi kasih sayang dan semangat untuk penulis mengukir kejayaan dalam setiap bidang yang diceburi. Mereka adalah pembakar semangat penulis. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada keluarga mertua, Abah (Muhammad Azlin @ Colin Cristie Pareira) dan Ummi (Junaidah bt. Ahmad al-Haj) sekeluarga. Terima kasih di atas segalanya.

Rozilawati Mat Yacob
Pembinaan M.Y,
Kg. Banggol Stol,
17000 Pasir Mas, Kelantan.
(012-9817908 / 019-6695380)

25 April 2010
(10 Jamadil Awal 1431H)

SENARAI STATUT

Perlembagaan Malaysia

Akta Had Masa (Akta 254)

Akta Umur Majoriti 1960

Kanun Keseksaan (Akta 574)

Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)

Criminal Justice Act 1988 Chapter 33 (Northern Ireland, UK)

Criminal Injury Compensation Act [RSBC 1996] Chapter 85 (British Columbia, Canada)

Criminal Injuries Compensation Act 1997 (Rhode Island, US)

Criminal Justice Act 1988, Chapter 33 (United Kingdom)

Criminal Justice Order 1994, (Northern Ireland)

The Offence of Zina (Enforcement of Hudood) Ordinance 1979 of Pakistan

The British Sexual Offences Act 2003

The Victims of Crime Act R.S.A 2000, V-3 (Alberta, Canada)

The Victims of Crime Act 1984 (VOCA)

SENARAI KES

Brabakaran lwn. Pendakwaraya [1966] 1 MLJ 64

Ch'ng Lian Eng lwn. Pendakwaraya [1983] 1 MLJ 424

Cole & Turner (1704) 90 ER 958

Collins v Wilcock [1984] 1 WLR 1172

Mohamed Johan Mutualib lwn. Pendakwaraya [1978] 1 MLJ 213

Norman Gantis lwn. Pendakwaraya, Kes Rayuan Jenayah No. K 42-05-93,
Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, sabah.

Pendakwaraya lwn. Low Lu Keng Kes Rayuan Jenayah No. 42-8-1990,
Mahkamah Tinggi Muar.

Pendakwaraya lwn. Ng Tiak Chuan [1948-49] Supp. 159

Regina lwn. Joseph Lines (1944) 1 C & K 393

Tiong Pik Hiong lwn. Wong Siew Gieu [1964] 30 MLJ 181

Wilson v. Pringle [1987] QB 237

SENARAI KEPENDEKAN

Abd.	Abdul
ALL E.R	All England Report
a.s	<i>'alaihi as-salam</i>
AS	Amerika Syarikat
ATM	Angkatan Tentera DiRaja Malaysia
AWAM	All Women's Society
A&E	Accident and Emergency
b.	bin
Bil.	Bilangan
bt.	Binti
cet.	Cetakan
CICB	Criminal Injuries Compensation Board
CICS	Criminal Injuries Compensation Scheme
CT	Chlamydia Trochomatis
ed.	Editor
En.	Encik
ER	England Report
et. al	Et alia. Dan pengarang-pengarang lain
HPV	Human Papilloma Virus
HSV	Herpes Simplex Virus
Ibid.	<i>Ibidem</i> . Dalam karya yang dirujuk secara berturutan
IUCD	Intrauterine Contraceptive Device
Jld.	Jilid
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
Juz.	Juzuk
Ltd.	Limited
lwn.	Lawan
MLJ	Malayan Law Journal
M.s.	Muka surat
MSW	Medical Social Worker
Mohd./Muhd.	Muhammad
No.	Nombor
op. cit.	<i>opera citato</i> . Dalam karya yang dirujuk sebelumnya
OSCC	One Stop Crisis Centre
O&G	Obstetrics and Gynaecology
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
Pn.	Puan
s.a.w	<i>salla al-Lāhu 'alaihi wa-sallam</i>
SCAN	Sexually Child Abuse and Neglect
Sek.	Seksyen

Sing. LR	Singapore Law Journal
SIS	Sister's In Islam
STD	Sexually Transmitted Diseases
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
s.w.t	<i>subḥānahu wa-ta`āla</i>
t.t	tanpa tarikh
TV	Trichomonas Vaginalis
UK	United Kingdom
U.S	United State
v.	Versus
VOCA	Victims of Crime Act
WAO	Women's Aid Organisation
WCC	Women's Centre for Change
WLR	World Law Record

SENARAI JADUAL DAN GRAF

JADUAL

- Jadual 4.1 : Statistik Kes Rogol Yang Dilaporkan Di Malaysia Dari Tahun 2000-2006
- Jadual 4.2 : Kesan dan Tindakbalas Terhadap Mangsa Akibat Jenayah Rogol
- Jadual 5.1 : Nilai Pampasan Bagi Kecederaan Badan di United Kingdom
- Jadual 6.1 : Formula Pengiraan Nilai Semasa Diyat
- Jadual 6.2 : Model Kuantum Pampasan Kepada Mangsa Rogol

GRAF

- Graf 4.1 : Kesan dan Tindakbalas Terhadap Mangsa Akibat Jenayah Rogol

SENARAI TRANSLITERASI

1) Konsonan

Huruf Arab Transkripsi

ء , ئ	(_') dan (A/a)
ب	B/b
ت	T/t
ث	Th/th
ج	J/j
ح	H/h
خ	Kh/kh
د	D/d
ذ	Dh/dh
ر	R/r
ز	Z/z
س	S/s
ش	Sh/sh
ص	Ş/ş
ض	D/d
ط	T/t
ظ	Z/z

ع	(‘_)
غ	Gh/gh
ف	F/f
ق	Q/q
ك	K/k
ل	L/l
م	M/m
ن	N/n
هـ	H/h
و	W/w
يـ	Y/y
ةـ	H/h

2) Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـ	A / a	الديـة	<i>al-Diyyah</i>
ـ	I / i	مسـلم	<i>Muslim</i>
ـ	U / u	حدـود	<i>hudūd</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا \ ای	Ā \ ā	جَانَى	Jinā'ī
ي	Ī \ ī	صَحِيحٌ	Sahīh
و	Ū \ ū	حُدُودٌ	hudūd

3) Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـ وْ	aw	قُولٌ	Qawl
ـ يْ	ay	خَيْرًا	Khayran
ـ وُ	uww	مَدْوَنَةٌ	Mudawwanah
ـ يُ	iy / i	عَرَبِيًّا	'arabiyy / i

SENARAI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
<i>ABSTRACT</i>	ii
PENGHARGAAN	iii
SENARAI STATUT	v
SENARAI KES	vi
SENARAI KEPENDEKAN	vii
SENARAI JADUAL & GRAF	ix
SENARAI TRANSLITERASI	x
SENARAI KANDUNGAN	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Latarbelakang Kajian.....	1
1.2 Objektif Kajian.....	9
1.3 Persoalan Kajian.....	10
1.4 Metodologi Kajian.....	11
1.5 Kepentingan Kajian.....	16
1.6 Hipotesis Kajian.....	17
1.7 Sorotan Penulisan Lepas.....	17

BAB 2 PERUNTUKAN JENAYAH ROGOL DAN SISTEM PAMPASAN DI MALAYSIA

2.1 Pendahuluan	24
2.2 Peruntukan Mengenai Kesalahan Rogol Dan Hukuman Terhadap Perogol	24

2.2.1	Kanun Keseksaan (Akta 574)	24
	-Seksyen 375. Rogol	25
	-Seksyen 376. Seksaan Bagi Rogol	30
2.3	Sistem Pampasan Sedia Ada Di Malaysia	35
2.3.1	Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)	36
	-Seksyen 426	36
2.4	Kesimpulan	39

BAB 3

PENGURUSAN MANGSA ROGOL DI MALAYSIA

3.1	Pendahuluan	41
3.2	Laporan Polis	41
3.3	Pengurusan Hospital	44
3.3.1	Pemeriksaan Fizikal	45
	3.3.1.1 Peringkat Pertama	48
	3.3.1.2 Peringkat Kedua	48
	3.3.2.3 Peringkat Ketiga	50
3.3.2	Rawatan Psikologi dan Sesi Kaunseling	54
3.4	Rumah Perlindungan	56
3.5	Pengurusan Semasa Perbicaraan	59
3.6	Kesimpulan	60

BAB 4

PAMPASAN KEPADA MANGSA ROGOL: RASIONAL DAN JUSTIFIKASI

4.1	Pendahuluan	61
4.2	Rasional Dan Justifikasi Pampasan Kepada Mangsa Rogol	62
4.2.1	Peningkatan Kes-kes Rogol	62
4.2.2	Rogol Sebagai Tort serang Sentuh	65

4.2.3	Kesan Jenayah Rogol Ke Atas Mangsa	68
4.2.3.1	Kecederaan Fizikal	68
4.2.3.2	Risiko Jangkitan Penyakit Sebaran Seksual	71
4.2.3.3	Hamil	72
4.2.3.4	Trauma dan Gangguan Psikologi	73
4.2.4	Impak Terhadap Keluarga Mangsa	76
4.2.5	Mangsa Tanggung Kos Rawatan Sendiri	80
4.2.6	Aspek Tanggungjawab Negara Terhadap Keselamatan Rakyat	81
4.3	Kesimpulan	84

BAB 5

SKIM PAMPASAN MANGSA ROGOL DI BEBERAPA BUAH NEGARA BARAT

5.1	Pendahuluan	86
5.2	Skim Pampasan Mangsa Rogol Di Beberapa Negara Barat	86
5.2.1	United Kindom	86
5.2.2	Amerika Syarikat	90
5.2.3	Kanada	94
5.3	Dana Pampasan Mangsa Rogol	96
5.4	Nilai Pampasan Kecederaan Badan Di United Kindom	100
5.5	Kesimpulan	103

BAB 6

PAMPASAN KEPADA MANGSA ROGOL MENURUT SYARIAH: CADANGAN APLIKASINYA DI MALAYSIA

6.1	Pendahuluan	104
6.2	Jenayah Rogol Menurut Undang-undang Islam: Isu Istilah	105
6.2.1	<i>al-Jināyah `alā Rakibah al-Mar'ah</i>	107
6.2.2	<i>Ifdā'u al-Mar'ah</i>	107

6.2.3	<i>al-Ikrāh fī al-Zinā</i>	108
6.2.4	<i>Al-Ightiṣāb al-Unthā</i>	109
6.2.5	<i>Hirābah</i>	110
6.2.6	<i>Zinā bi al-Jabr</i>	111
6.3	Hukuman Terhadap Perogol Menurut Undang-undang Islam	112
6.4	Bentuk-bentuk Pampasan Kepada Mangsa Rogol Menurut Islam..	115
6.4.1	Kcederaan Utama	121
6.4.1.1	<i>Diyat</i>	121
6.4.1.2	<i>Arsh Dan Mahr Mithl</i>	122
6.4.2	Kcederaan Sampingan	123
6.4.3	Kematian	125
6.5	Aspek-aspek Yang Dinali Dalam Penentuan Jumlah Pampasan	125
6.5.1	<i>Darar Hakīkī</i>	126
6.5.2	<i>Darar Ma`nawī</i>	127
6.5.3	<i>Darar Mālī</i>	127
6.5.4	<i>Darar al-Mustaqbāl</i>	128
6.6	Penentuan Kadar <i>Diyat</i> Menerusi Nilai Semasa <i>Dinar</i> dan <i>Dirham</i> ..	129
6.7	Sumber Kewangan Pampasan Mangsa Rogol Di Malaysia	134
6.8	Pihak-pihak Yang Boleh Menuntut Pampasan	136
6.9	Kesimpulan	137

BAB 7

KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

7.1	Kesimpulan dan Analisis Umum Kajian Ini	139
7.2	Cadangan	147
7.3	Arah Tuju Kajian Masa Hadapan	151
7.4	Penutup	152

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latarbelakang Kajian

Fenomena kejadian rogol di Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini semakin berleluasa. Ia dapat dikesan melalui peningkatan kes-kes rogol yang dilaporkan kepada pihak berkuasa. Statistik yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia menunjukkan peningkatan kes-kes rogol dari setahun ke setahun. Buktinya pada tahun 2000, sebanyak 1,217 kes dilaporkan. Jumlah tersebut kemudiannya meningkat kepada 1,386 kes pada tahun berikutnya. Seterusnya, pada tahun 2002 dan 2003 jumlahnya semakin meningkat iaitu masing-masing kepada 1,431 dan 1,479. Begitu juga pada tahun 2004 hingga 2006 di mana turut menunjukkan peningkatan, iaitu sebanyak 1,760 kes (tahun 2004), 1,931 kes (2005) dan 2,431 kes pada tahun 2006. Faktor peningkatan ini telah mengundang banyak pandangan dan reaksi sehingga timbul pelbagai cadangan daripada pelbagai pihak mengenai kejadian kes-kes rogol, terutamanya cara menangani serta membanteras jenayah ini. Kebanyakan daripada pandangan dan cadangan yang dikemukakan lebih menjurus kepada dua perkara iaitu cara untuk mengelakkan jenayah rogol¹ serta hukuman yang patut dijatuhkan ke atas

¹ Cara-cara untuk mengelakkan jenayah rogol boleh dilihat di dalam artikel pada laman-laman web tertentu, antaranya artikel “Musim Rogol di Malaysia?” di <http://www.e-ummah.com>, akses pada 27 Disember 2007

perogol.² Rentetan daripada cadangan demi cadangan dan perdebatan mengenai senario itulah, maka berlakulah reformasi undang-undang melibatkan peruntukan berkenaan rogol. Diteliti daripada pindaan demi pindaan yang dibuat terhadap peruntukan berkenaan, ternyata ia lebih berfokus kepada hukuman yang perlu dikenakan ke atas perogol. Misalnya beberapa pindaan yang dilakukan terhadap Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574) terutamanya pindaan sehingga Januari 2008. Ia secara jelasnya dilihat hanya melibatkan pindaan terhadap hukuman ke atas perogol.

Dalam pada kesibukan membawa pembaharuan undang-undang berkaitan rogol, jarang sekali kita mendengar tentang perihal kebijakan dan pembelaan terhadap mangsa mahupun keluarga mereka terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan kematian mangsa. Paling jelas dapat diperhatikan adalah sekadar simpati terhadap mereka dengan pelbagai reaksi masyarakat terhadap kes-kes rogol yang disiarkan oleh media-media tempatan. Scenario ini pula diperhatikan hanya dalam tempoh masa yang singkat. Selang beberapa minggu atau bulan, masyarakat akan mula lupa mengenai kejadian terbabit. Sedangkan mangsa dan keluarga mereka pula kekal sebagai pihak yang paling teraniaya dan terkesan akibat jenayah ini. Penderitaan yang dialami mereka pula kelihatan seperti berpanjangan. Dalam perkara berkaitan, sama ada kita sedar atau tidak, ramai mangsa yang tidak

² Cadangan hukuman tersebut boleh dilihat di dalam “Memorandum on Laws Related to Rape (Proposal for Amendments)” oleh All Women’s Action Society (AWAM) dan lain-lain, pada September 2003. Memorandum tersebut boleh diperolehi di <http://www.wccpenang.org/RapeMemo%20Sept03.doc>, akses pada 13 Januari 2007.

berdosa terpaksa menanggung penderitaan akibat jenayah berkenaan, yang sememangnya tidak pernah diminta. Nasib malang ini pula tambah memeritkan apabila mereka sudah tidak dapat menjalani kehidupan seperti sedia kala, sebagaimana sebelum jenayah berkenaan berlaku, disebabkan oleh perasaan malu, trauma dan sebagainya sehingga mereka menyisihkan diri dari masyarakat. Ini berlaku ekoran daripada terlalu dihantui oleh kejadian hitam itu sehingga menimbulkan unsur-unsur kemurungan dan hilang keyakinan diri. Apatah lagi apabila dilihat kepada mangsa-mangsa rogol yang bukan sahaja melibatkan remaja dan wanita yang sudah berusia, malahan turut melibatkan kanak-kanak.³ Kejadian demi kejadian rogol yang didedahkan pula membuktikan bahawa jenayah rogol bukan sahaja dianggap sebagai satu pencerobohan terhadap diri dan fizikal mangsa, malahan merupakan satu kekejaman ke atas diri mereka kerana ada di antara mereka berakhir dengan kematian.

Ditinjau dari aspek pembelaan kepada mangsa pula, negara ini telah menyediakan satu sistem pengurusan mangsa rogol yang menyaksikan penglibatan beberapa pihak dan agensi tertentu. Manakala prosedur-prosedur yang ditetapkan juga saling berkait rapat di antara pihak dan agensi berkenaan. Jarang kita mendengar perbincangan yang membawa kepada satu penyelidikan

³ Misalnya kes rogol, Siti Nurliyana Shamimi (2 tahun), Nor Shuhada Borak (6 tahun), Siti Syazwani Ahmad Dusuki (9 tahun), Nurul Huda Abd. Ghani (10 tahun) dan Harirawati Saridi (10 tahun), sila lihat laporan akhbar Harian Metro mengenai “Kes Rogol dan Bunuh Membabitkan Kanak-kanak”, Khamis, 23 Disember 2004

khusus untuk mewujudkan satu sistem pampasan kepada mangsa rogol. Walaupun ada beberapa perbincangan tentang pemberian pampasan sebagai satu pembelaan kepada mangsa rogol di negara ini, namun perbincangan dan cadangan berkenaan tidak dikaji dan diteliti secara mendalam. Misalnya pada 1 Jun 2005, pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) ada mencadangkan supaya perogol dipertanggungjawabkan untuk membiayai kos rawatan mangsa.⁴ Kos rawatan tersebut merupakan suatu bentuk ”pengembalian keadilan” kepada mangsa rogol. Dari satu aspek, cadangan tersebut dilihat sebagai satu langkah wajar yang dapat membantu mangsa dalam membiayai kos rawatan kecederaan akibat dirogol. Tetapi, penderitaan yang dialami mangsa tidak terhad kepada kecederaan fizikal semata-mata. Ia turut melibatkan kecederaan psikologi di mana mangsa biasanya mengalami trauma dan pelbagai gangguan psikologi yang secara langsung mengganggu aktiviti sehariannya yang normal. Akibat daripada gangguan tersebut, kehidupan mangsa akan terjejas dan mengganggu kehidupan mereka pada masa hadapan. Tambahan pula, cadangan yang diutarakan oleh SUHAKAM masih di peringkat awal dan memerlukan banyak penelitian untuk diamalkan di negara ini. Begitu juga keadaannya apabila perkara ini dibahaskan di Parlimen yang menyaksikan ahli-ahli Parlimen tidak begitu menyokong sistem pampasan ini diwujudkan di negara ini.⁵ Akibat

⁴ <http://www.google.com.my/search?q=suhakam&hl=en&lr=&start=50&sa=N> akses pada 11 Julai 2007

⁵ Sila rujuk Jawapan-jawapan Mulut Bagi Pertanyaan-pertanyaan berkenaan Bil Pampasan Penjenayah dalam Perbahasan Parlimen Kesembilan, Penggal Ketiga, Mesyuarat Pertama, Jilid III Bil. 18, 24 April 1997 di <http://www.parlimen.gov.my/hindex/pdf/DR-24-04-1997.pdf> akses pada 30 Jun 2008.

daripada ketiadaan tindakan susulan berkenaan cadangan demi cadangan berkaitan pampasan tersebut, memberi satu hakikat bahawa setakat tahun 2009, belum wujud undang-undang mahupun sistem khusus yang memperuntukkan pemberian pampasan kepada mangsa rogol di Malaysia.

Dalam pada itu, dari segi undang-undang tort, remedi boleh dituntut untuk tort serang sentuh melalui tuntutan sivil. Sama ada kita sedar atau tidak, perbuatan rogol juga termasuk di bawah kategori perlakuan serang sentuh, yang melayakkkan mangsa diberikan sebarang bentuk remedи (termasuk pampasan). Salah satu daripada penyumbang kepada ketidakprihatinan terhadap perkara ini adalah disebabkan oleh undang-undang Malaysia lebih cenderung menafsirkan perbuatan rogol sebagai satu jenayah terhadap negara dan bukannya terhadap individu. Perkara ini jelas berdasarkan pindaan-pindaan yang dilakukan yang menjurus secara nyata kepada aspek hukuman ke atas perogol. Ekoran daripada itu, setelah perogol disabit dan dijatuhi hukuman di atas kesalahan tersebut, ia bagaikan sudah memadai untuk memberi keadilan kepada mangsa dan masyarakat secara keseluruhannya. Sedangkan hakikatnya, hukuman tersebut masih belum dapat diterjemahkan sebagai satu bentuk pembelaan menyeluruh yang sepatutnya merangkumi negara, masyarakat dan paling utama kepada mangsa sendiri.

Selain daripada isu yang disentuh sebelum ini, satu lagi perkara penting yang turut menarik perhatian mengenai jenayah ini ialah dari sudut pengistilahannya. Dilihat dari aspek istilah rogol itu sendiri di dalam perundangan sedia ada negara ini, undang-undang telah memberikan takrifan yang sempit terhadap jenayah rogol di mana rogol dikatakan berlaku hanya dengan kemasukan organ seksual lelaki ke dalam faraj perempuan. Scenario kes-kes rogol yang berlaku kebelakangan ini telah menunjukkan ada kemasukan berbentuk objek dan lain-lain selain daripada kemasukan zakar. Begitu juga halnya apabila berlaku kemasukan ke dalam dubur atau mulut mangsa yang diklasifikasikan sebagai persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabi'i,⁶ dan bukannya rogol. Takrifan ini sepatutnya sudah boleh diubah kepada takrifan yang lebih luas yang boleh memberi gambaran menyeluruh perihal pencerobohan diri mangsa khususnya bahagian kemaluan. Ini dapat dikesan dalam peruntukan Akta Kesalahan Seksual British 2003 (*Sexual Offences Act 2003*). Takrifan ini memperlihatkan peluasan takrifan perbuatan rogol itu sendiri kepada skop yang lebih luas dan menampakkan takrifan perbuatan yang menyeluruh, melibatkan pencerobohan terhadap diri dan kehormatan mangsa. Definisi baru ini telah mengiktiraf rogol bukan sahaja terhad kepada kemasukan zakar ke dalam faraj, tetapi juga termasuk perbuatan memasukkan zakar ke dalam dubur atau mulut mangsa. Satu lagi perkara yang ingin diketengahkan di sini adalah dari aspek tafsiran mengenai ‘mangsa’. Panduan dan rujukan mengenainya kepada *Criminal*

⁶ Sila lihat seksyen 377A Kanun Keseksaan (Akta 574)

Injury Compensation Act [RSBC 1996] chapter 85 (British Columbia, Canada),⁷ yang mendefinisikan ‘mangsa’ sebagai seseorang yang tercedera atau terbunuh di British Columbia akibat daripada perbuatan atau kesalahan orang lain. Kesalahan-kesalahan tersebut tersenarai di dalam Jadual bagi seksyen 2 Akta itu. Antaranya termasuklah kesalahan yang menyebabkan kematian atau kecederaan badan akibat kecuaian jenayah dan serangan seksual, sama ada dengan atau tanpa kekerasan. Manakala ‘mangsa’ menurut *Victim’s of Crime Act R.S.A 2000, V-3 (Alberta, Canada)*⁸ pula, ialah seseorang yang menderita fizikal dan emosi akibat daripada kesalahan yang dilakukan ke atasnya. Dalam erti kata lain, mangsa yang dimaksudkan di dalam peruntukan Akta berkenaan ialah mangsa utama atau *primary victim*. Jika mangsa itu meninggal dunia, sakit atau tidak berupaya membuat tuntutan, maka tafsiran ‘mangsa’ ini juga termasuk pasangannya, ibu bapa, penjaga atau sesiapa sahaja yang mempunyai hubungan dengan mangsa, atau lebih tepat *secondary victim*. Tafsiran ‘mangsa’ di dalam kedua-dua statut di Kanada ini mempunyai persamaan dengan tafsiran yang diberikan oleh akta lain di Amerika Syarikat.⁹ Selain itu, statut-statut¹⁰ yang

⁷ Akta ini diperolehi di http://www.qp.ov.bc.ca/statreg/stat/C/96085_01.htm, akses pada 5 Januari 2007

⁸ Akta ini diperolehi di <http://www.canlii.org/ab/laws/sta/v-3/20041104/whole.html>, akses pada 4 November 2006

⁹ Seksyen 1 (12-25-17) (10) dan (12-25-20) (1) dan (3) *Criminal Injuries Compensation Act 1997 (Rhode Island, US)*, http://www.vilin.state.vi.us/publiclaw/law_97/law97317.htm, akses pada 5 Januari 2007

¹⁰ Seksyen 109, *Criminal Justice Act 1988 chapter 33 (Northern Ireland, UK)*, http://www.legislation.hm80.gov.uk/acts/acts1988/ukpga_19880033_en_8.htm, 5 Januari 2007. *Criminal Injuries Compensation Act 1997 (Rhode Island, US)*, http://www.vilin.state.vi.us/publiclaw/law_97/law97317.htm, 5 Januari 2005 dan seksyen 1

memperuntukkan pemberian pampasan juga mentafsirkan 'kecederaan jenayah' (*criminal injury*) termasuk kecederaan akibat rogol dan kesan lain akibat perbuatan itu. Begitu juga peruntukan seksyen 1 *Criminal Injury Compensation Act [RSBC 1996] chapter 85 (British Columbia, Canada)* yang mendefinisikan *injury* atau *injured* sebagai kecederaan badan, termasuk mental, kejutan saraf dan hamil. Bagi mangsa yang mengandung dan melahirkan anak hasil rogol pula, mereka boleh memohon pampasan ini untuk mendapatkan nafkah bagi menyara anak tersebut. Ini diperuntukkan di dalam seksyen 2 (4) (d) akta yang sama. Tafsiran-tafsiran terhadap 'rogol', 'mangsa' dan 'kecederaan jenayah' dari beberapa buah negara barat ini memberikan implikasi besar dalam pendedahan mengenai aspek sebenar mengenai jenayah berkenaan, mangsa serta perihal kecederaan yang menyumbang kepada persoalan demi persoalan yang cukup relevan untuk dikupas dalam konteks negara ini.

Dalam pada itu, jika dilihat dari sudut kesalahan sivil Islam, sistem perundangan Islam telah menyediakan peruntukan khusus yang membolehkan mangsa kecederaan jenayah memperoleh sejumlah pampasan mengikut jenis-jenis dan tahap-tahap kecederaan termasuklah kecederaan akibat perbuatan rogol. Sepucuk surat yang ditulis oleh Rasulullah s.a.w kepada Gabenor di Yaman menjadi panduan penting dalam menentukan perihal pampasan kepada mangsa. Cuma

Criminal Injury Compensation Act [RSBC 1996] chapter 85 (British Columbia, Canada), http://www.qp.ov.bc.ca/statreg/stat/C/96085_01.htm, akses pada 5 Januari 2007

yang menjadi persoalannya hanyalah dari segi istilah jenayah rogol itu sendiri, di mana tiada istilah khusus yang digunakan bagi jenayah berkenaan di dalam perundangan Islam. Meskipun begitu, kedinamikan dan keflexibilitian undang-undang Islam membuktikan tiada satupun perkara di dalam dunia ini yang tidak disentuh olehnya. Bahkan perbincangan fuqaha' silam yang menggunakan beberapa istilah berbeza, namun menjurus kepada perlakuan jenayah rogol pada hari ini membuktikan bahawa Islam telah mengiktiraf perbuatan tersebut sebagai satu jenayah terhadap diri mangsa. Perbincangan para fuqaha' ini tidak terhenti hanya kepada istilah perbuatan berkenaan sahaja, malahan turut memberikan penjelasan dan panduan dalam menentukan kadar atau nilai pampasan yang boleh diperolehi mangsa. Oleh yang demikian, kajian ini membincangkan mengenai perkara ini dengan memberikan justifikasi tentang kewajaran mangsa atau keluarganya mendapatkan pembelaan dalam bentuk pampasan kewangan. Sementara sistem pampasan yang bakal diwujudkan di negara ini pula adalah berlandaskan asas-asas yang telah digariskan di dalam sistem perundangan Islam.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif-objektif tertentu. Objektif dan tujuan itu digariskan seperti berikut:

1. Meneliti peruntukan undang-undang mengenai rogol dan sistem pampasan sedia ada di Malaysia.

2. Mengupas bentuk-bentuk pembelaan terhadap mangsa rogol yang sedia ada serta justifikasi kepada pemberian pampasan kepada mangsa jenayah berkenaan di negara ini.
 3. Mengkaji sistem pampasan mangsa rogol yang diamalkan di beberapa buah negara barat serta peruntukan-peruntukan di dalam sistem perundangan Islam mengenai pemberian pampasan kepada mangsa rogol.
4. Mencadangkan satu sistem pampasan mangsa rogol yang beracuan syariah kepada mangsa rogol di Malaysia.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan berpandukan persoalan-persoalan tertentu. Persoalan-persoalan berkenaan dinyatakan sebagaimana berikut:

1. Apakah peruntukan undang-undang sedia ada mengenai kesalahan rogol dan pampasan di Malaysia?
2. Apakah remedи atau pembelaan yang sedia ada untuk mangsa rogol?

3. Apakah skim-skim pampasan mangsa rogol yang diwujudkan di negara-negara Barat, berserta justifikasinya?
4. Adakah undang-undang Islam mengiktiraf pampasan terhadap mangsa rogol?
5. Apakah peruntukan undang-undang Islam yang boleh diaplikasikan sebagai pampasan kepada mangsa rogol?
6. Bagaimanakah kadar penilaian pampasan mangsa rogol di dalam Islam boleh disesuaikan dengan situasi sesebuah negara?

1.4 Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif serta menjawab persoalan-persoalan yang telah digariskan di dalam kajian ini, beberapa metod kajian telah digunakan. Metodologi-metodologi tersebut terdiri daripada:

1.4.1. Metod Pengumpulan Data

Dalam usaha memperoleh data-data berkaitan kajian ini, dua kaedah pengumpulan data telah digunakan. Kaedah-kaedah berkenaan adalah seperti berikut:

i. Kajian Kepustakaan

Penulis menggunakan kaedah ini sebagai metod utama dalam memperolehi data-data kajian. Menerusi kaedah ini, penulis telah memperoleh data-data primer dan data sekunder. Data-data yang diperolehi adalah daripada statut, buku teks, buku kes, artikel, dan bahan-bahan daripada internet yang merangkumi laman-laman web agensi-agensi dan pihak-pihak berautoriti dalam isu yang dikaji. Turut dirujuk sebagai sumber rujukan utama adalah buku-buku dalam Bahasa Arab pelbagai mazhab. Data-data yang diperolehi merangkumi undang-undang berkaitan kesalahan rogol menurut undang-undang sivil dan undang-undang Islam. Melalui kaedah ini juga, penulis memperoleh artikel-artikel berkaitan yang dikarang oleh penulis-penulis dari dalam dan luar negara. Tidak ketinggalan juga maklumat-maklumat mengenai kes-kes rogol yang berlaku di negara-negara luar.

ii. Kaedah Temubual

Penulis juga turut menggunakan metod temubual dalam usaha untuk memperoleh data. Bagi tujuan itu, penulis telah membuat kunjungan ke lokasi-lokasi terpilih yang berkaitan secara langsung dengan kes-kes dan mangsa rogol. Kunjungan dilakukan sekurang-kurangnya sebanyak tiga kali. Kunjungan pertama khusus untuk membawa surat pengenalan diri dan pengesahan dari jabatan, bagi mendapatkan persetujuan dan tarikh temubual. Manakala kunjungan kedua pula adalah untuk mengadakan sesi temubual dengan pihak-pihak berkenaan.

Seterusnya kunjungan ketiga dilakukan bagi mendapatkan maklumat-maklumat lain yang diperlukan apabila maklumat sesi temubual pertama tidak mencukupi. Dalam perkara ini, penulis telah berpeluang menemubual ahli-ahli akademik yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah universiti yang terdiri daripada Prof. Madya Datin Noor Aziah bt. Hj. Mohd Awal dari Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pn. Irniza bt. Mohd Rasdi dari Fakulti Perubatan, Universiti Putra Malaysia. Selain itu, penulis juga telah menemubual seorang pegawai polis yang terlibat secara langsung di dalam kes-kes rogol, iaitu P/ASP Suraini bt. Hussain dari Jabatan Siasatan Khas (D9B), Ibu Pejabat polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Menerusi sesi temubual bersama beliau, penulis telah memperoleh statistik kes-kes rogol yang cukup membantu dalam kajian peringkat awal disertasi ini. Untuk lebih jelas mengenai pengurusan mangsa rogol di hospital, penulis juga telah berkesempatan menemubual pihak hospital yang berkenaan. Sesi temubual ini telah dijalankan bersama dua orang individu yang secara langsungnya berpengalaman dalam mengendalikan mangsa-mangsa rogol. Mereka terdiri daripada pekerja sosial perubatan (*medical social worker*) Hospital Selayang, iaitu En. Rahman b. Mokri dan Pn. Ros Aniza bt. Zakaria. Di samping itu juga, penulis turut menemubual pihak kedai emas bagi mendapatkan harga semasa emas bagi tujuan kaedah penilaian kadar pampasan. Kedai berkenaan adalah Kedai Emas Amran Ariffin yang bertempat di Arked Mara, Kota Bharu, Kelantan, di samping Habib Jewel yang terletak di pusat membeli belah Alamanda, Putrajaya serta Ampang. Temubual-temubual yang dijalankan

adalah secara formal dan tidak formal. Sesi temubual berkenaan turut dijalankan menerusi panggilan telefon bagi mendapatkan maklumat tambahan yang tidak sempat diperolehi semasa temubual secara bersemuka. Tujuan kaedah ini digunakan adalah untuk mendapatkan ulasan serta pandangan individu-individu tersebut terhadap perkara yang dikaji. Terbukti, daripada temubual-temubual yang dijalankan terhadap pihak-pihak terbabit, banyak maklumat yang sebelum ini tidak boleh didapati di mana-mana, berjaya diperolehi penulis bagi melengkapkan dan memantapkan hasil kajian ini.

1.4.2. Penganalisaan Data

Sepanjang proses analisis data kajian ini, beberapa pendekatan analisis digunakan. Pendekatan-pendekatan berkenaan diterangkan seperti berikut:

i. Analisis Deskriptif

Metod diskriptif digunakan dalam mengurai data-data yang diperolehi menerusi metod pengumpulan data sebelum ini. Kepelbagaiannya sumber data yang digunakan memerlukan penulis membuat huraian yang jelas mengenai setiap aspek. Ini bagi memastikan supaya ianya bertepatan dengan kehendak dan objektif kajian ini. Kepentingan metod ini dapat dilihat misalnya dalam memberi penghuraian serta penjelasan mengenai peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan rogol di Malaysia dan di dalam perundangan Islam. Begitu juga dalam

menghuraikan mengenai sistem pengurusan rogol di negara ini, justifikasi pampasan mangsa rogol serta huraian mengenai skim-skim pampasan di luar negara.

ii. Analisis Komparatif

Metod ini digunakan dalam usaha mencari perbandingan di antara skim-skim pampasan yang ada di luar negara. Perbandingan dibuat terhadap peruntukan-peruntukan tertentu di dalam setiap statut yang dipilih serta amalan yang sedia diamalkan di setiap negara terpilih. Metod ini penting dalam mencari persamaan dan perbezaan skim-skim pampasan yang terdapat di negara-negara terbabit. Ini kerana, skim-skim tersebut diwujudkan dengan tujuan yang sama, iaitu memberi pampasan kepada mangsa jenayah, khasnya mangsa rogol. Namun begitu, peruntukan undang-undang itu terutamanya dari segi prosedur adalah berbeza.

iii. Pendekatan Analisis Kritikal

Metod ini pula digunakan dalam menganalisis peruntukan dan amalan pampasan di luar negara yang bertepatan dengan syariah dan sesuai diamalkan di negara ini. Ia juga diadaptasikan dalam mencari alternatif terbaik terhadap peruntukan sedia ada di dalam perundangan Islam agar dapat disesuaikan dengan keadaan dan lokaliti negara ini. Kepentingan metod ini dapat dilihat dalam mengenalpasti peruntukan dan amalan di luar negara serta zaman Rasulullah s.a.w dan para

Sahabat, yang paling sesuai dijadikan panduan dalam mewujudkan sistem pampasan mangsa rogol negara ini.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat amnya dan mangsa rogol khasnya bahawa mereka sememangnya layak dan berhak memperoleh pampasan. Di samping itu juga, dapatan kajian ini mampu membantu pihak-pihak yang berkenaan untuk melakukan penambahbaikan dalam sistem pengurusan mangsa rogol. Hasil kajian ini juga boleh membantu pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam penggubalan sesuatu undang-undang untuk merangka satu kaedah atau peraturan bagi menyediakan satu skim atau sistem pampasan kepada mangsa rogol di negara ini. Kajian ini juga merupakan pemangkin dalam menguatkan lagi bukti bahawa sistem perundangan Islam turut dan telah mengiktiraf pemberian pampasan terhadap mangsa rogol. Ia juga menjadi bukti kepada kesyumulan dan keflexibilitian undang-undang Islam yang dapat disesuaikan dengan zaman semasa. Bukti yang paling jelas adalah melalui pelaksanaan kaedah bayaran *diyat* masa kini yang mengikut kadar dan nilai semasa emas dan perak.

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini turut dicetuskan oleh beberapa hipotesis tertentu berkaitan isu yang dibincangkan. Hipotesis-hipotesis berkenaan adalah terdiri daripada:

1. Di Malaysia, belum ada undang-undang mahupun sistem khusus yang memperuntukkan pemberian pampasan kepada mangsa atau keluarga mangsa rogol.
2. Terdapat undang-undang yang membolehkan mangsa serangan sentuh mendapatkan gantirugi. Peruntukan pampasan sedia ada ini turut termasuk pampasan kepada mangsa rogol. Tetapi, malangnya ia jarang digunakan.
3. Undang-undang Malaysia menganggap rogol sebagai satu jenayah terhadap negara dan bukan terhadap individu. Oleh itu, apabila perogol telah disabit dan dihukum, ia dianggap sudah cukup memberi keadilan kepada mangsa dan masyarakat secara keseluruhannya.

1.7 Sorotan Penulisan

Secara umumnya, terdapat banyak kajian di Malaysia yang membincangkan mengenai jenayah rogol. Penulisan-penulisan tersebut banyak memperkatakan tentang aspek-aspek tertentu berkaitan jenayah rogol. Ini bermula daripada keadaan-keadaan yang boleh dikategorikan sebagai rogol sehinggalah kepada

hukuman ke atas perogol. Antaranya ialah *The Rape Report: An Overview of Rape in Malaysia*, Alina Rastam (editor), (cet. 2002), *Shame, Secrecy and silence: Study of Rape in Penang* oleh Rohana Ariffin (editor), (cet. 1997) dan *Bekerjasama Dengan Survivor Rogol: Buku Panduan* hasil kajian Kumpulan Petugas Jaringan Pusat Krisis Wanita (cet. 2002). Ketiga-tiga penulisan ini membincangkan mengenai peranan dan fungsi yang dimainkan oleh pihak dan agensi terlibat yang terdiri daripada pihak polis, hospital, pusat-pusat bantuan wanita dan sebagainya. Karya-karya tersebut adalah hasil kajian terperinci pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (atau *Non-Government Organization* selepas ini ditulis NGO), yang kemudiannya diterbitkan kepada umum.

Melalui kaedah temubual pengkaji ketiga-tiga kajian itu ke atas pihak dan agensi terbabit, ternyata ada prosedur pengurusan rogol yang masih perlu diperbaiki. Kajian-kajian itu juga mendapati bahawa mangsa-mangsa rogol mengalami kesan-kesan tertentu akibat jenayah berkenaan. Melalui temubual yang dijalankan ke atas mangsa-mangsa rogol, para pengkaji tersebut berjaya mengesan beberapa kesan buruk yang dialami mangsa. kesan-kesan tersebut terdiri daripada kesan jangka pendek dan jangka panjang. Antara kesan jangka pendek adalah malu ketika dirawat, dipersalahkan oleh pihak-pihak yang menguruskan kes tersebut serta berhadapan dengan pandangan sinis masyarakat. Manakala kesan jangka panjang pula adalah trauma yang berpanjangan, menderita akibat kecederaan fizikal dan mental, hilang keyakinan diri, tertekan,

mengalami mimpi buruk dan sebagainya. Secara keseluruhannya, kajian-kajian tersebut hanya menitikberatkan cadangan untuk memperbaiki prosedur pengurusan rogol serta mengubah tanggapan buruk masyarakat terhadap mangsa. Ia tidak menyentuh mengenai pemberian pampasan kepada mangsa. Sedangkan perkara berkaitan pampasan tersebut amat perlu diberi perhatian serius. Ia lebih memerlukan kajian terperinci bagi menyediakan keadilan kepada mangsa jenayah rogol di negara ini.

Sementara itu, dalam penulisan Asifa Quraishi (2002), *Her Honour: An Islamic Critique of the Rape Provisions in Pakistan Ordinance on Zina* pula, isu kecederaan yang diakibatkan oleh jenayah rogol di dalam undang-undang sivil juga turut diiktiraf oleh undang-undang Islam. Ia adalah termasuk di bawah kategori kecederaan fizikal atau dikenali sebagai *jirāh*. Sebagaimana peruntukan di dalam undang-undang tort sivil, *jirāh* di dalam undang-undang tort Islam turut memperakukan kelayakan dan hak mangsa jenayah untuk menuntut pampasan. Perbincangan penulis ini di dalam karyanya banyak membantu dalam membuka mata golongan bijak pandai mengenai perkara yang berkaitan pertalian jenayah rogol dengan peruntukan *jirāh* di dalam Islam. Ini juga selaras dengan perbincangan penulis-penulis lain yang turut mengetengahkan isu jenayah, termasuk rogol di dalam Islam. Antara karya-karya terbabit adalah *Homicide in Islam: Legal Structure and the Evidence Requirements* tulisan Sayed Sikandar

Shah Haneef (cet. 2000), dan *Crimes and Punishment in Islam* tulisan Sharif, Muhammad (cet. 1972).

Dalam pada itu, ekoran daripada isu kecederaan fizikal akibat sesuatu jenayah yang dibincangkan di dalam kajian-kajian sebelum ini, ia menjadi pencetus kepada beberapa kajian lain di negara ini. Misalnya kajian yang dijalankan oleh Siti Zubaidah Ismail (2005) menerusi tesis PhD beliau. Tesis berkenaan yang bertajuk *Kecuaian dan Pampasan Terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-undang Tort Islam* adalah membincangkan berkenaan aspek kecederaan fizikal di dalam undang-undang tort Islam. Ia membincangkan mengenai elemen kecuaihan terhadap liabiliti pihak-pihak yang menyebabkan kecederaan fizikal terhadap pihak lain. Penulis itu telah memilih bidang perubatan, pekerjaan dan penggunaan jalan raya sebagai pilihan kajian beliau. Kajian tersebut mendapati bahawa terdapat peruntukan di dalam perundangan Islam yang membolehkan pihak-pihak yang mengalami kecederaan fizikal akibat daripada kecuaihan pihak-pihak di dalam bidang-bidang tersebut untuk memperoleh pampasan. Pampasan ini berdasarkan prinsip *diyat* dan *arsh*. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa terdapat kadar-kadar tertentu bagi pampasan setiap anggota badan yang tercedera. Kadar-kadar tersebut perlu dikira berdasarkan nilai emas semasa. Menerusi tesis ini, kadar pampasan bagi satu *diyat* di dalam Ringgit Malaysia adalah RM240,040.00 mengikut nilai emas pada masa itu. Walau bagaimanapun, nilai satu *diyat* di dalam tesis ini berbeza dengan nilai yang diperolehi menerusi

kajian yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik lain. Para penyelidik berkenaan mendapati bahawa nilai semasa bagi satu *diyat* adalah RM98,000.00. Nilai ini boleh dilihat menerusi dua buku hasil tulisan Mohd. Ma'sum Billah iaitu; *Shari'ah Standard of Quantum Damages in Insurance (Third Party Claim): A Handbook For Actuarise and Accountants* (cet. 2003) dan *Shari'ah Model of Quantum Damages in Takaful & Re-Takaful* (cet. 2001). Ketiga-tiga kajian ini menemui kaedah yang sama, iaitu kaedah pengiraan nilai *diyat* berdasarkan nilai semasa emas dan perak. Namun begitu, Jika dilihat kepada kedua-dua nilai semasa bagi satu *diyat* yang diperolehi melalui dua kajian oleh Mohd. Ma'sum Billah tersebut, bezanya amat ketara dengan kajian yang dihasilkan oleh Siti Zubaidah Ismail. Ini kerana terdapat perbezaan kiraan terhadap nilai berat satu gram emas pada kajian dua penulis berkenaan. Walau bagaimanapun, nilai semasa bagi satu gram emas yang dibawa di dalam penulisan tesis Siti Zubaidah Ismail itu lebih tepat kerana ia lebih menepati nilai berat bagi satu gram emas sebagaimana yang didapati daripada hadis-hadis Rasulullah s.a.w dan amalan para Sahabat.

Daripada sorotan penulisan-penulisan yang bersifat semasa yang dinyatakan sebelum ini, didapati kajian-kajian dan penulisan-penulisan mengenai jenayah rogol banyak menyentuh mengenai sistem pengurusan mangsa rogol di negara ini. Walaupun telah ada kajian mengenai pampasan terhadap kecederaan fizikal menurut undang-undang Islam, namun kajian-kajian itu tidak menyatakan sama

ada mangsa rogol layak menerima pampasan atau sebaliknya. Menerusi senarai kecederaan badan yang dinyatakan di dalam penulisan-penulisan tersebut, jelas bahawa kecederaan bahagian sulit mangsa rogol tiada di dalam senarai tersebut. Namun begitu, keunggulan dan kesyumulan sistem perundangan Islam tidak pernah keciciran daripada membahaskan isu ini. Perbincangan mengenai pemberian pampasan kepada mangsa rogol di dalam Islam telah pun wujud sejak sekian lama. Meskipun perbincangan mengenainya dinyatakan menerusi pelbagai istilah dan keadaan, namun ia masih merujuk kepada isu yang sama iaitu perihal jenayah atau kesalahan terhadap alat sulit kaum wanita. Misalnya istilah-istilah *al-jināyah* ‘alā rakibah al-mar’ah yang disebutkan di dalam buku karangan al-Shāfi`ī, *al-Umm* (cet.1993), *ifḍā’ al-mar’ah* yang dinyatakan di dalam buku *Rawḍāt al-Tālibīn* oleh al-Nawawī (t.t) dan *al-ikrāḥ fī al-zinā* di dalam *al-Mughnī* oleh Ibn Qudāmah (cet. 1999). Perbincangan-perbincangan mengenai kesalahan tersebut secara tidak langsung turut mengiyakan pemberian pampasan kepada mangsa rogol dalam Islam. Ini kerana, sesuatu kesalahan atau jenayah akan mewujudkan sesuatu liabiliti. Maka, jika perbuatan rogol diakui sebagai satu bentuk kesalahan atau jenayah terhadap mangsanya, sudah pasti pelakunya mempunyai liabiliti dalam memberi pampasan atau bayaran gantirugi di atas kesalahan yang dilakukannya. Meskipun perbincangan mengenai pampasan kepada mangsa rogol kurang diperbahaskan secara spesifik dan khusus, namun peruntukan-peruntukan mengenai *diyat*, *arsh*, *hukūmah* dan *ta’zīr* adalah sudah

cukup relevan dan boleh diaplikasikan dalam aspek pemberian pampasan kepada mangsa rogol.

Rentetan daripada sorotan penulisan yang dibuat setakat ini, jelas tebukti bahawa belum ada kajian atau penulisan yang membincangkan secara khusus mengenai pemberian pampasan kepada mangsa rogol di Malaysia. Walau bagaimanapun, hasil-hasil kajian itu telah banyak membantu penulis dalam menjalankan kajian terperinci mengenai perkara ini. Oleh yang demikian, kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai penyambung idea kepada cadangan dan cetusan idea penulis-penulis sebelum ini, ke arah mewujudkan satu sistem pampasan kepada mangsa rogol yang tersendiri di Malaysia. Meskipun sorotan penulisan ini banyak dibuat terhadap penulisan hasil kajian *survey* dan tesis, tetapi penulisan-penulisan inilah yang paling hampir dengan isu pokok kajian ini. Manakala penulisan-penulisan para fuqaha' terdahulu mengenai istilah-istilah yang dikaitkan dengan jenayah rogol amat berguna kepada penulis sebagai di antara asas berharga dan penting terhadap pengiktirafan Islam terhadap kewujudan kesalahan rogol serta pampasan kepada mangsa rogol. Justeru, kajian ini juga dilihat sebagai suatu kesinambungan kepada kajian-kajian mengenai aspek jenayah rogol serta pampasan kecederaan yang telah sedia ada pada masa kini.

BAB 2

Peruntukan Jenayah Rogol dan Sistem Pampasan di Malaysia

2.1 Pendahuluan

Sebagai permulaan, bab ini mengetengahkan beberapa peruntukan undang-undang khusus mengenai isu-isu kajian ini. Peruntukan-peruntukan tersebut melibatkan seksyen-seksyen 375 dan 376 Kanun Keseksaan (Akta 574). Kedua-dua peruntukan tersebut memperuntukkan mengenai kesalahan rogol serta hukuman terhadap perogol. Seterusnya, bab ini juga turut mengemukakan peruntukan seksyen 426 Kanun prosedur Jenayah (Akta 593). Peruntukan ini diketengahkan kerana ia merupakan asas kepada amalan pampasan kepada mangsa jenayah di negara ini. Selain daripada itu, di bawah ketiga-tiga peruntukan ini juga diuraikan beberapa isu penting berkenaan peruntukan-peruntukan tersebut supaya maksud setiap peruntukan itu lebih jelas.

2.2 Peruntukan Mengenai Kesalahan Rogol Dan Hukuman Terhadap Perogol

2.2.1 Kanun Keseksaan (Akta 574)

Kanun Keseksaan Malaysia memperuntukkan mengenai kesalahan rogol di bawah seksyen 375. Seksyen ini memperuntukkan keadaan-keadaan di mana

sesuatu perbuatan itu dikatakan sebagai rogol. Peruntukan-peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

Seksyen 375. Rogol¹¹

Seseorang lelaki adalah dikatakan melakukan ‘rogol’ jika ia, kecuali dalam hal ini dikecualikan kemudian daripada ini, bersetubuh dengan seseorang perempuan dalam keadaan yang termasuk di bawah mana-mana daripada perihal-perihal berikut:

- (a) bertentangan dengan kemahuan perempuan itu;
- (b) dengan tiada kerelaan perempuan itu;
- (c) dengan kerelaan perempuan itu manakala kerelaannya telah didapati dengan mendatangkan kepadanya atau mana-mana orang lain ketakutan mati atau cedera, atau telah didapati melalui salah tanggapan fakta dan lelaki itu tahu atau ada sebab untuk mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi akibat daripada salah tanggapan tersebut;
- (d) dengan kerelaan perempuan itu manakala lelaki itu mengetahui bahawa ia bukan suaminya, dan kerelaan itu diberi kerana perempuan itu percaya lelaki itu ialah seorang lelaki yang menjadi atau yang ia percaya menjadi suaminya yang sah di sisi undang-undang atau kepadanya ia akan memberi kerelaan;
- (e) dengan kerelaannya, jika pada masa memberi kerelaan itu dia tidak boleh memahami jenis dan akibat mengenai apa yang dia memberi kerelaan;
- (f) dengan kerelaan perempuan itu, apabila kerelaannya didapati dengan menggunakan kedudukannya yang berkuasa ke atas perempuan itu atau atas sebab hubungan profesional atau lain-lain hubungan amanah berkaitan dengannya;

¹¹ Sila lihat seksyen 375 Kanun Keseksaan (Akta 574), sehingga 25 Januari 2008

(g) sama ada kerelaan perempuan itu atau tidak jika perempuan itu dibawah umur enam belas tahun.

Peruntukan seksyen ini menjelaskan bahawa hanya lelaki boleh dituduh dan didakwa merogol perempuan. Jika seseorang lelaki mendakwa dirinya dirogol, ia tidak boleh mendakwa perempuan yang dikatakan merogolnya di bawah peruntukan ini. Ini kerana, peruntukan tersebut secara jelasnya menyebut hanya lelaki boleh menjadi tertuduh dan mangsa rogol pula adalah dari kalangan orang perempuan.¹² Maka, secara tersiratnya, undang-undang di negara ini hanya mengiktiraf perbuatan rogol sebagai perbuatan yang dilakukan oleh seseorang lelaki ke atas seseorang perempuan.

Seterusnya, perkataan ‘bersetubuh’ di dalam peruntukan ini pula dihuraikan sebagai kemasukan¹³ yang memadai¹⁴ bagi persetubuhan yang perlu bagi kesalahan rogol. Elemen kemasukan dikatakan berlaku apabila mana-mana bahagian zakar pelaku berada di dalam mana-mana bahagian faraj mangsa. Dalam hal ini, sejauh mana kemasukan itu berlaku bukanlah persoalannya. Tetapi, aspek paling utama untuk dibuktikan adalah sudah berlaku kemasukan

¹² Lihat Ahmad Zulkharnain Musa, et.al, (2002), ‘Rape: A Comparative Study’, [2002] *Law Majalla* 143

¹³ ‘Kemasukan’ dikatakan berlaku apabila mana-mana bahagian kemaluan lelaki berada di dalam lingkungan bibir kemaluan perempuan. Lihat kes *Regina lwn. Joseph Lines* (1944) 1 C & K 393, dipetik daripada Abd. Aziz Hussin, (1990), *Undang-undang Kesalahan Terhadap Diri: Aspek-aspek Yang Terpilih*. Cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 28

¹⁴ Walaupun ‘kemasukan’ yang sedikit, ia sudah memadai untuk mewujudkan perbuatan rogol. Lihat Abd. Aziz Hussin, *ibid*.

mana-mana bahagian sulit perogol ke dalam bahagian sulit mangsa, meskipun kemasukan itu hanya sedikit dan tidak sampai merosakkan selaput dara.¹⁵ Oleh itu, elemen kemasukan zakar ke dalam faraj adalah syarat paling penting di dalam setiap kes rogol. Sekiranya doktor tidak menemui kesan elemen tersebut semasa pemeriksaan dilakukan, ia boleh menyebabkan kes itu ditutup tanpa siasatan lanjut.¹⁶

Peruntukan ini juga tidak mengiktiraf kemasukan zakar ke dalam dubur atau mulut mangsa sebagai rogol. Sebaliknya, ia diklasifikasikan sebagai persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabi'i.¹⁷ Begitu juga apabila pelaku melakukan kemasukan itu dengan cara memasukkan benda-benda lain seperti jari, kayu, botol dan sebagainya ke dalam faraj mangsa, ia tidak dikira sebagai perbuatan rogol.¹⁸ Sekiranya berlaku demikian, ia hanya dikategorikan sebagai perbuatan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatan dan bukannya rogol.¹⁹

¹⁵ Sila lihat Ahmad Zulkharnain Musa, *op. cit.*, m.s. 148

¹⁶ Alina Rastam (ed.), (2002), *The Rape Report: An Overview of Rape in Malaysia*, All Women's Action Society (AWAM), m.s. 74

¹⁷ Sila lihat seksyen 377A Kanun Keseksaan (Akta 574) di mana ia memperuntukkan “mana-mana orang yang melakukan perhubungan seks dengan seseorang lain dengan memasukkan zakarnya ke dalam dubur atau mulut seseorang lain itu dikatakan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabi'i.”

¹⁸ Lihat Alina Rastam *op. cit.*, m.s. 53-54

¹⁹ Sila lihat seksyen 354 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang memperuntukkan “barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada mana-mana orang, dengan maksud hendak mencabul atau dengan mengetahui mungkin bahawa ia akan dengan jalan demikian itu mencabul kehormatan orang itu...”

Sementara itu, perbuatan seorang suami yang menyebutuhi isterinya yang sah di sisi undang-undang, walaupun di dalam keadaan-keadaan yang diperuntukan sebelum ini, adalah dikecualikan dan tidak dianggap sebagai rogol. Pengecualian ini bermaksud walaupun persetubuhan itu tidak dikehendaki atau tanpa kerelaan isteri, si suami tidak boleh dituduh mahupun didakwa melakukan rogol ke atas isterinya.²⁰ Ini kerana undang-undang Malaysia tidak mengiktiraf rogol dalam perkahwinan.²¹ Tetapi, sekiranya pasangan itu telah bercerai, dipisahkan secara undang-undang atau isteri masih di dalam tempoh eddah (bagi orang Islam), si suami boleh didakwa melakukan rogol apabila berlaku persetubuhan secara paksaan terhadap isteri atau bekas isterinya itu.²² Walau bagaimanapun, seseorang suami boleh didakwa jika menyebabkan kecederaan terhadap isterinya bagi tujuan melakukan persetubuhan.²³

Bagi seksyen 375 (g), persetubuhan yang dilakukan dengan perempuan di bawah umur 16 tahun, sama ada dengan atau tanpa persetujuan perempuan itu dianggap sebagai rogol. Dalam istilah undang-undang, ia dikenali sebagai rogol statutori. Rogol statutori merupakan satu jenayah di mana pelaku melakukan ‘kemasukan seksual’ terhadap perempuan di bawah umur yang tidak memungkinkan ia

²⁰ Sila lihat peruntukan kecualian seksyen 375 Kanun Keseksaan (Akta 574). Lihat juga Alina Rastam, op. cit., m.s. 55 dan Rohana Ariffin, (1997), *Shame, Secrecy and Silence: Study of Rape in Penang*, Women’s Crisis Centre, m.s. 80

²¹ Lihat seksyen 375 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Alina Rastam, *Ibid.*

²² Sila lihat huraian 1 dan huraian 2 seksyen 375 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Alina Rastam, *ibid.*

²³ Sila lihat peruntukan seksyen 375A Kanun Keseksaan (Akta 574). Bagi kesalahan ini, suami tersebut boleh dikenakan hukuman penjara sehingga lima tahun.

memberikan kerelaan. Walaupun tertuduh berjaya membuktikan perbuatan itu dilakukan atas kerelaan mangsa sendiri, namun mahkamah akan tetap mensabitkan tertuduh atas tuduhan merogol. Ini kerana, kerelaan yang diberi oleh mangsa yang berumur kurang dari usia 16 tahun adalah tidak diambil kira kerana usia tersebut dianggap oleh undang-undang sebagai tidak memungkinkan mangsa memberi kerelaan.²⁴ Dalam hal ini, umur yang membolehkan seseorang memberikan kerelaan terhadap sesuatu perkara ditetapkan oleh statut, termasuklah kerelaan untuk melakukan persetubuhan. Ini kerana, negara mempunyai kepentingan dan tanggungjawab untuk melindungi kanak-kanak. Oleh itu, negara berhak menentukan bahawa sesuatu kerelaan yang diberi oleh kanak-kanak di bawah umur tertentu tidak boleh diambil kira. Jadi, mana-mana lelaki yang didapati melakukan persetubuhan dengan perempuan di bawah umur 16 tahun, akan dikenakan tanggungan keras iaitu dituduh atau didakwa melakukan rogol.²⁵

Selain seksyen 375 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan mengenai keadaan-keadaan di mana rogol dikatakan berlaku, seksyen 376 Kanun yang sama juga turut memperuntukkan mengenai hukuman terhadap perogol.

²⁴ Sila lihat kes-kes rogol statutori yang mana perogol berjaya membuktikan adanya kerelaan mangsa tetapi telah disabitkan kesalahan rogol. Antaranya, kes-kes *Norman Gantis lwn. Pendakwaraya*, kes Rayuan Jenayah No. K 42-05-93, Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, *Brabakaran lwn. Pendakwaraya* [1966] 1 MLJ 64 dan *Ch'ng Lian Eng lwn. Pendakwaraya* [1983] 1 MLJ 424.

²⁵ Lihat kes *Brabakaran lwn. Pendakwaraya* [1966] 1 MLJ 64 di mana perayu disabitkan tuduhan merogol adik iparnya yang berumur 14 tahun walaupun persetubuhan itu dilakukan secara ‘suka sama suka’. dipetik daripada Abd. Aziz Hussin, *op. cit.*, m.s.36-37.

Seksyen 376. Seksaan bagi rogol²⁶

- (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4), barang siapa melakukan rogol hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan sebat.
- (2) Barang siapa melakukan rogol ke atas seseorang perempuan di bawah mana-mana keadaan berikut:
- (a) pada masa, atau segera sebelum atau selepas melakukan kesalahan itu, menyebabkan kecederaan kepada perempuan itu atau kepada mana-mana orang lain;
 - (b) pada masa, atau sebelum atau selepas melakukan kesalahan itu, meletakkannya dalam ketakutan kematian atau kecederaan kepada perempuan itu atau mana-mana orang lain;
 - (c) kesalahan itu telah dilakukan dalam kehadiran atau di hadapan mana-mana orang lain;
 - (d) dengan tiada kerelaan perempuan itu, apabila perempuan itu di bawah enam belas tahun;
 - (e) sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak, apabila perempuan itu di bawah umur dua belas tahun;
 - (f) dengan kerelaannya, apabila kebenaran diperolehi dengan menggunakan kedudukan berkuasanya terhadap perempuan itu atau kerana hubungan profesional atau hubungan amanah lain yang berhubungan dengannya; atau
 - (g) pada masa kesalahan itu perempuan itu mengandung,

hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari lima tahun dan tidak lebih dari tiga puluh tahun dan bolehlah juga dikenakan sebat.

²⁶ Sila lihat seksyen 376 Kanun Keseksaan (Akta 574).

(3) Barang siapa melakukan rogol ke atas seseorang perempuan di mana hubungan perempuan itu dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan, untuk berkahwin dengan perempuan itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari lapan tahun dan tidak lebih dari tiga puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan sebat tidak kurang dari sepuluh sebatan.

(4) Barang siapa semasa melakukan atau percubaan melakukan rogol menyebabkan kematian perempuan yang dirogol itu atau yang ke atasnya percubaan itu dilakukan hendaklah dihukum mati atau penjara selama tempoh tidak kurang dari lima belas tahun dan tidak lebih dari tiga puluh tahun, dan bolehlah juga disebat tidak kurang dari sepuluh sebatan.

Bagi subseksyen (1), jika kesalahan rogol itu dilakukan sebagaimana keadaan-keadaan yang diperuntukkan di bawah seksyen 375 sebelum ini (kecuali yang tertakluk di bawah subseksyen (2), (3) dan (4) seksyen ini), maka hukuman terhadap perogol adalah penjara sehingga maksimum dua puluh tahun dan boleh disebat. Sementara bagi subseksyen (2) pula, hukuman maksimumnya adalah penjara sehingga tiga puluh tahun dan sebat. Ini berlaku apabila perogol menyebabkan kecederaan atau ketakutan kematian kepada mangsa mahupun orang lain sama ada sebelum, semasa atau selepas melakukan rogol itu. Hukuman yang sama juga akan dikenakan jika kesalahan itu dilakukan di hadapan orang lain, dengan atau tanpa kerelaan mangsa yang berumur di bawah dua belas tahun, tanpa kerelaan mangsa di bawah enam belas tahun ataupun mangsa sedang mengandung semasa kesalahan itu dilakukan. Selain itu, hukuman di bawah seksyen yang sama juga akan dikenakan walaupun perbuatan tersebut mendapat kerelaan mangsa di bawah subseksyen (2)(f). Misalnya

kerelaan tersebut diberi atas sebab-sebab hubungan majikan dengan pekerja, doktor, dukun atau bomoh dengan pesakit, penjaga dengan kanak-kanak perempuan atau gadis yang dijaga dan lain-lain.

Seterusnya, berdasarkan peruntukan seksyen-seksyen 375 dan 376, kedua-duanya menyebut tentang kesalahan rogol dan hukumannya di atas kesalahan yang dilakukan ke atas mangsa di bawah umur. Pertama, mangsa berumur di bawah enam belas tahun dan kedua, berumur di bawah dua belas tahun. Kedua-nya adalah melibatkan kerelaan dan ketidakrelaan mangsa di dalam kes-kes rogol. Apa yang dapat difahami menerusi kedua-dua peruntukan ini ialah, jika pada masa kesalahan itu dilakukan, mangsa yang berumur enam belas tahun berkenaan memberi kerelaan terhadap perbuatan tersebut, maka perogol akan dikenakan hukuman di bawah seksyen 376 (1). Sebaliknya, jika perbuatan tersebut dilakukan tanpa kerelaan mangsa, maka hukumannya adalah tertakluk di bawah subseksyen (2) seksyen yang sama. Namun begitu, jika mangsa yang dirogol itu berumur di bawah dua belas tahun, sama ada dengan kerelaan mangsa ataupun tidak, perogol itu tetap dikenakan hukuman yang sama di bawah seksyen 376 (2). Umur mangsa yang di bawah umur ini perlu diambil kira kerana ia melibatkan perbezaan hukuman maksimumnya selama sepuluh tahun.

Subseksyen (3) pula memperuntukkan hukuman bagi kesalahan yang dilakukan ke atas perempuan yang tidak dibolehkan berkahwin dengan si perogol. Larangan ini sama ada oleh undang-undang, agama ataupun adat kebiasaan. Misalnya perogol itu mempunyai hubungan darah dengan mangsa seperti anak, adik beradik, ibu, anak saudara, emak saudara, nenek dan nenek saudara. Selain itu, halangan yang disebabkan oleh hubungan perkahwinan seperti anak tiri, adik beradik ipar, ibu dan nenek mertua, anak saudara ipar dan emak saudara ipar. Kesalahan ini dahulunya dikenali sebagai kesalahan sumbang mahram yang dilakukan oleh pelaku secara paksaan ke atas mangsa yang dilarang berkahwin dengannya. Hukuman maksimum yang ditetapkan untuk subseksyen ini ialah tiga puluh tahun dan sepuluh sebatan.

Sementara itu, subseksyen (4) pula memperuntukkan hukuman terhadap sesuatu kesalahan rogol yang membawa kepada kematian mangsa. Ia menjelaskan bahawa sama ada kematian mangsa itu disebabkan oleh perbuatan rogol yang sebenar ataupun semasa percubaan melakukannya, maka pelaku itu akan dikenakan hukuman sama. Hukuman bagi peruntukan ini ialah pelaku itu dikenakan hukuman mati atau penjara minimum lima belas tahun dan maksimumnya tiga puluh tahun. Pelaku itu juga boleh dikenakan sebat yang mana jumlah minimum sebatan itu adalah sepuluh kali.

Sehubungan dengan peruntukan Akta 574 ini, bolehlah difahami bahawa sebelum sesuatu mahkamah²⁷ menjatuhkan sebarang hukuman ke atas perogol, beberapa faktor perlu diambil kira. Secara kebiasaannya terdiri daripada faktorfaktor berikut:²⁸

- (a) Besar atau kecil kekejaman jenayah itu, tindakan perogol semasa merogol dan ketidakmampuan mangsa berkenaan melawan;
- (b) Umur perogol dan mangsa. Umur yang dikira ialah pada masa kesalahan itu dilakukan, dan bukannya pada masa perbicaraan;
- (c) Jika pihak lelaki telah membayar sejumlah pampasan kepada pihak mangsa, hal ini tidak boleh diambil kira dalam menghukum perogol;
- (d) Kesempatan tidak patut yang diambil oleh perogol terhadap mangsa yang berada di bawah pengaruhnya;
- (e) Sama ada perbuatan rogol tersebut dilakukan seorang diri atau beramai-ramai atau di hadapan orang lain;

²⁷ Kes-kes rogol lazimnya dibicarakan di Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Tinggi. Ini kerana kesalahan rogol dianggap sebagai salah satu daripada kesalahan berat di negara ini. Lihat Abd. Aziz Hussin, *op. Cit.*, m.s. 46

²⁸ *Ibid.*, 46-47 dan lihat juga peruntukan seksyen 375 dan 376 Akta 574.

- (f) Hubungan perogol dengan mangsa;
- (g) Kecederaan atau jenis kecederaan kepada mangsa di mana kesan tersebut akan dikaji oleh mahkamah terlebih dahulu; dan
- (h) Perbuatan atau percubaan perbuatan tersebut telah mengakibatkan kematian mangsa.

Faktor-faktor ini diambil kira berdasarkan apa yang telah diperuntukan menerusi seksyen 375 dan 376 Kanun Keseksaan ini. Dalam pelaksanaan hukuman sebat pula, usia perogol yang menjadi ukuran pelaksanaannya adalah lima puluh tahun. Berdasarkan fakta ini, hanya perogol yang berusia kurang lima puluh tahun akan disebat. Manakala perogol yang berumur lima puluh tahun atau melebihi usia tersebut akan dikecualikan daripada sebatan. Ini menjelaskan bahawa perogol itu hanya akan dihukum penjara dan akan terlepas daripada hukuman sebat. Sedangkan ada di kalangan perogol yang disabitkan kesalahan tersebut melebihi usia lima puluh tahun.

2.3 Sistem Pampasan Sedia Ada Di Malaysia

Salah satu bentuk pembelaan terhadap mangsa jenayah adalah dengan memberikan sejumlah pampasan. Sistem pampasan sebenarnya telahpun wujud dan dilaksanakan di negara ini. Pampasan akan diberikan kepada orang yang

mengalami kerugian akibat perbuatan jenayah yang dilakukan ke atasnya. Sistem ini termasuk di bawah kategori undang-undang tort. Peruntukan mengenai gantirugi atau pampasan ini diperuntukkan di dalam Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593).

2.3.1 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)

Peruntukan mengenai pampasan diperuntukkan di bawah seksyen 426 Kanun Prosedur Jenayah Malaysia (Akta 593). Peruntukan tersebut menyatakan bahawa:

Seksyen 426

(1) Mahkamah di mana seseorang telah disabitkan dengan mana-mana perbuatan jenayah atau kesalahan boleh, dengan budi bicara, membuat salah satu atau kedua-dua perintah berikut:

- (a) memerintahkan pesalah membayar kos perbicaraan;
- (b) memerintahkan pesalah membayar sejumlah pampasan yang ditetapkan oleh Mahkamah kepada mana-mana orang, atau wakil-wakilnya, yang mengalami kecederaan diri, dan harta akibat daripada jenayah atau kesalahan yang telah dijatuhkan hukuman;

(2) Mahkamah boleh menentukan orang yang mana akan menerima jumlah pampasan yang perlu dibayar;

(3) Mahkamah boleh mengarahkan suatu perintah pembayaran terhadap kos, atau mana-mana perintah pembayaran pampasan, dibuat mengikut keutamaan, dan, jika arahan tidak dibuat, maka pembayaran terhadap kos adalah menjadi keutamaan daripada bayaran pampasan;

- (4) perintah pembayaran tersebut tidak boleh memprejudiskan mana-mana hak terhadap remedi sivil untuk menampung mana-mana harta atau kerosakan yang melebihi jumlah pampasan yang telah dibayar di bawah perintah tersebut;
- (5) Setiap perintah yang dibuat di bawah seksyen ini oleh Magistret boleh dirayu ke Mahkamah Tinggi.

Berdasarkan peruntukan di atas, jelas bahawa undang-undang tort negara ini ada menyediakan satu saluran untuk membolehkan mangsa jenayah memperoleh sejumlah pampasan. Melalui peruntukan ini juga, didapati bahawa sesuatu pampasan itu boleh diperolehi melalui dua cara. Pertama, melalui perintah mahkamah di mana prosiding itu dijalankan,²⁹ dan kedua, melalui tindakan sivil yang dibawa oleh mangsa.³⁰ Bagi cara pertama, mahkamah jenayah berkenaan boleh memerintahkan salah satu atau kedua-dua pembayaran dibuat oleh pesalah. Perintah ini dibuat sama ada untuk menampung kos perbicaraan³¹ mahupun sebagai pampasan terhadap mangsa atau wakilnya, ekoran kecederaan atau kerosakan yang dialami,³² akibat jenayah yang dilakukan ke atas mangsa. Walau bagaimanapun, perintah pembayaran pampasan ini hanya boleh dibuat selepas tertuduh disabitkan atas kesalahan jenayah berkenaan.³³ Misalnya di dalam kes *Pendakwaraya lwn. Low Lu Keng*³⁴ di mana responden telah

²⁹ Sila lihat seksyen 426 (1) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)

³⁰ Sila lihat seksyen 426 (4) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)

³¹ Sila lihat seksyen 426 (1) (a) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)

³² Sila lihat seksyen 426 (1) (b) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)

³³ Sila lihat seksyen 426 (1) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)

³⁴ Kes rayuan jenayah no. 42-8-1990, Mahkamah Tinggi Muar. Kes ini dipetik di dalam G.F. Nelson, (1992), ‘Compensation Under Malaysian Criminal Law and The Principle of Diyat in Shariah Law: A Case Note’ [1992] 3 *CLJ* iii

diperintahkan membayar pampasan sejumlah RM10,000 kepada balu mangsa. Responden sebelum itu telah disabitkan oleh Mahkamah Sesyen Muar atas kesalahan homisid kerana telah menyebabkan kematian mangsa. Begitu juga dengan kes *Mohamed Johan Mutalib lwn. Pendakwaraya*,³⁵ di mana Mahkamah Persekutuan berpendapat bahawa individu yang tercedera atau keluarganya boleh menerima pampasan akibat jenayah yang berlaku. Walau bagaimanapun, pampasan untuk gantirugi kecederaan jenayah itu hanya boleh diberi setelah tertuduh disabitkan kesalahan serta dijatuhi hukuman ke atasnya.³⁶

Manakala cara kedua pula adalah tertakluk di bawah seksyen 426 (4) akta yang sama.³⁷ Melalui peruntukan ini, individu yang tercedera, keluarga atau wakilnya boleh menuntut sejumlah pampasan sebagai ganti rugi terhadap kecederaan yang berlaku. Tuntutan ini boleh dibuat sama ada setelah mahkamah jenayah memerintahkan pesalah membayar pampasan itu ataupun kes tersebut dibawa secara berasingan melalui tindakan sivil.³⁸ Peruntukan ini bermaksud, suatu remedi sivil boleh dituntut jika jumlah pampasan yang diperintahkan oleh mahkamah jenayah berkenaan tidak memadai untuk menampung kerugian yang dialami mangsa. Justeru, tuntutan sivil tersebut dibolehkan bagi tujuan mendapatkan jumlah pampasan yang lebih baik.

³⁵ [1978] 1 MLJ 213, kes ini dipetik daripada G.F. Nelson, *ibid*.

³⁶ Lihat kes Pendakwaraya lwn. *Ng Tiak Chuan* [1948-49] Supp. 159. Kes ini dipetik daripada G. F. Nelson, (1992), *ibid*.

³⁷ Sila lihat seksyen 426 (4) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)

³⁸ Lihat seksyen 426 (4) Kanun prosedur Jenayah (Akta 593).

Apa yang jelas berdasarkan peruntukan-peruntukan ini ialah, setiap jenayah yang dilakukan ke atas mangsa akan mewujudkan suatu hak bagi mangsa untuk memperoleh pampasan. Namun begitu, peruntukan itu hanya menyebut tentang pampasan dan remedi civil secara umum. Kebiasaannya, pampasan seumpama itu akan diberi terutamanya dalam kes-kes melibatkan kemalangan jalan raya, kerosakan harta benda, serangan, serang sentuh, kecuaian dan sebagainya yang melibatkan undang-undang tort. Walaupun kesalahan rogol termasuk di dalam kesalahan secara serang sentuh (dari sudut undang-undang tort yang membolehkan mangsa mendapat pampasan),³⁹ namun jarang kita mendengar mangsa rogol tampil untuk menuntut pampasan akibat jenayah tersebut.⁴⁰

2.4 Kesimpulan

Peruntukan-peruntukan di atas menunjukkan bahawa undang-undang di negara ini menganggap kesalahan rogol sebagai satu jenayah yang besar. Ini dibuktikan daripada peruntukan seksaan atau hukuman terhadap perogol yang mencecah maksimum tiga puluh tahun dan sepuluh sebatan serta boleh dihukum mati (dalam kes-kes kematian mangsa). Berkenaan peruntukan pampasan sedia ada

³⁹ Perbincangan lanjut mengenai kesalahan rogol sebagai tort serang sentuh dibincangkan di dalam Bab 4 kajian ini.

⁴⁰ Ini kerana sepanjang pemerhatian penulis akhbar-akhbar di negara ini lazimnya hanya menyiaran berita-berita mengenai kes-kes rogol dan perbicaraan berkaitannya. Namun tiada berita yang berkaitan dengan tuntutan pampasan akibat rogol.

juga menggambarkan bahawa sistem pampasan kepada mangsa jenayah sememangnya telah wujud dan diiktiraf di negara ini. Peruntukan-peruntukan berkenaan boleh dianggap sebagai suatu bentuk pembelaan terhadap mangsa yang disediakan di negara ini. Namun, ketiadaan kesedaran tentang hak-hak mangsa rogal mendapatkan pampasan menyebabkan pembelaan dalam bentuk tersebut tidak dituntut. Sebaliknya, mangsa hanya dibantu dengan pembelaan dalam bentuk yang lain. Bentuk-bentuk pembelaan tersebut dijalankan melalui satu sistem pengurusan yang tertentu. Untuk itu, Bab seterusnya akan membicarakan dengan lebih lanjut mengenai sistem pengurusan tersebut.

BAB 3

Sistem Pengurusan Mangsa Rogol Di Malaysia

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan mengenai amalan pengurusan mangsa rogol di Malaysia. Ia memperlihatkan beberapa pendekatan khusus menangani mangsa rogol diambil melalui beberapa peringkat pengurusan tertentu. Peringkat-peringkat pengurusan tersebut dijalankan melalui kerjasama dan penglibatan pelbagai pihak. Beberapa agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan terlibat secara langsung dalam proses ini, antaranya pihak polis, hospital, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan wanita. Proses ini bermula daripada laporan dan siasatan polis, pemeriksaan kesihatan, sesi kaunseling, penyediaan tempat perlindungan sementara dan seterusnya perbicaraan di mahkamah. Memandangkan bab ini memfokuskan kepada amalan semasa, maka penulis banyak menggunakan kaedah temubual dengan pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung dalam sistem pengurusan ini.

3.2 Laporan Polis⁴¹

Secara amalannya, apabila mangsa membuat laporan polis mengenai kejadian rogol, laporan tersebut akan diambil di tempat berasingan daripada kaunter

⁴¹ Maklumat-maklumat mengenai perkara ini diperolehi melalui temubual dengan P/ASP Suraini bt. Hussain, ASP di Jabatan Siasatan Khas (D9B), Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman. Sesi temubual ini telah dijalankan pada 22 Mac 2006 bermula jam 11.00 pagi hingga 12.30 tengahari di pejabat beliau yang bertempat di Ibu pejabat Polis, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

umum. Laporan berkenaan akan diambil di tempat tertutup, kebiasaannya di bilik Pegawai Penyiasat (*Investigation Officer*). Ini bertujuan mengelakkan mangsa daripada terdedah kepada orang ramai. Laporan kes rogol hanya akan dikendalikan oleh pegawai yang berjawatan Inspektor dan ke atas kerana ia melibatkan kes-kes seksual. Seboleh-bolehnya pegawai tersebut adalah dari kalangan wanita.⁴² Ini bertujuan bagi mengelakkan mangsa daripada berasa malu dan tertekan semasa laporan diambil.

Setelah laporan diambil, sama ada daripada mangsa sendiri atau pihak lain, pihak polis biasanya akan membawa mangsa ke tempat kejadian untuk mengambil dan mengumpul bukti-bukti yang masih berada di situ.⁴³ Namun begitu, bagi kes-kes yang baru berlaku di mana mangsa berada di dalam keadaan trauma, mangsa terlebih dahulu dibawa ke hospital. Tetapi, jika keadaannya stabil, ia akan terus dibawa ke tempat kejadian. Manakala bagi kes-kes lama, biasanya mereka akan dibawa ke tempat kejadian terlebih dahulu, sementara polis mendapatkan tarikh temujanji dengan pihak hospital bagi tujuan pemeriksaan kesihatan dan proses mengumpul bukti.⁴⁴ Pegawai dan anggota polis tersebut akan menemani mangsa sehingga pemeriksaan selesai. Dalam kedua-dua situasi ini, pegawai dan anggota

⁴² Memandangkan pihak polis kekurangan pegawai atau Inspektor wanita, laporan tersebut juga akan dikendalikan oleh pegawai lelaki dengan dihadiri oleh sekurang-kurangnya anggota polis wanita atau ibu bapa mangsa terbabit.

⁴³ Sama ada mangsa terlebih dahulu dibawa ke tempat kejadian atau ke hospital adalah bergantung kepada keadaan mangsa dan tempoh kejadian rogol itu berlaku.

⁴⁴ Walau bagaimanapun, tidak semua mangsa bersetuju untuk menjalani pemeriksaan kesihatan. Tanpa persetujuan tersebut, pemeriksaan itu tidak boleh dijalankan. Perkara ini akan menyebabkan bukti kes rogol ke atas mangsa tidak dapat dikumpul dan menyebabkan kes tidak berjaya disabitkan.

polis tidak akan memakai pakaian seragam polis, sebaliknya hanya akan berpakaian biasa serta menggunakan kereta yang tidak mempunyai lambang polis.⁴⁵ Setelah pemeriksaan selesai, mangsa akan dibenarkan pulang.⁴⁶

Jika maklumat di dalam laporan itu tepat, ia akan membawa kepada penemuan-penemuan bahan bukti yang kukuh sehingga membolehkan tangkapan dibuat ke atas orang yang disyaki. Jika tangkapan berjaya dilakukan, mangsa akan diminta datang ke balai untuk membuat pengecaman suspek di dalam proses kawat cam.⁴⁷ Semasa proses kawat cam ini dibuat, mangsa biasanya akan diletakkan di dalam bilik yang mempunyai cermin satu hala supaya mereka boleh mengecam suspek tanpa dilihat oleh suspek tersebut.⁴⁸ Perkara ini akan mengelakkan mangsa daripada terpaksa berdepan dengan suspek yang merogolnya.

⁴⁵ Ini merupakan kelonggaran dan keistimewaan yang diberikan dalam siasatan kes-kes melibatkan seksual, termasuk rogol di mana polis dibenarkan menjalankan siasatan tanpa memakai pakaian seragam dan kereta berlambang polis.

⁴⁶ Sama ada pulang sendiri atau dihantar oleh polis adalah bergantung kepada keadaan. Jika mangsa datang sendiri atau bersama ibu bapa atau orang lain dan mempunyai kenderaan sendiri, ia akan dibenarkan pulang sendiri. Tetapi, jika tiada kenderaan untuk pulang, pihak polis akan menghantar mangsa pulang ke rumah atau tempat yang selamat bagi mangsa.

⁴⁷ Walau bagaimanapun, kawat cam bukan satu kemestian. Ia hanya akan dilakukan jika mangsa tidak mengenali suspek. Sebaliknya, jika suspek adalah orang yang dikenali mangsa, maka kawat cam tidak perlu dilakukan.

⁴⁸ Terdapat satu lagi cara di mana kawat cam dilakukan secara berdepan di antara mangsa dan suspek-suspek yang ditahan.

3.3 Pengurusan Hospital

Umumnya, apabila mangsa rogol datang ke hospital kerajaan sama ada secara sendiri atau dibawa oleh pihak lain, mereka akan diuruskan melalui sistem yang berasingan daripada pesakit-pesakit lain. Bermula daripada sesi pendaftaran, mangsa seterusnya akan dibawa ke pusat pemeriksaan tertentu untuk menjalani beberapa peringkat pemeriksaan kesihatan. Di peringkat ini, mangsa terlebih dahulu perlu mendaftarkan diri di bahagian Kemalangan dan Kecemasan (*Accident and Emergency* selepas ini ditulis A&E). Setelah pendaftaran selesai, mangsa kemudiannya akan dibawa ke pusat atau unit pengurusan rogol yang diwujudkan di hospital berkenaan. Pusat dan unit ini dikenali sebagai *One-Stop Crisis Centre* (OSCC) ataupun *The Suspected Child Sexual Abuse and Neglect Unit (SCAN)*.⁴⁹ Kedua-dua pusat dan unit ini ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia khusus bagi menguruskan kes-kes kecederaan yang melibatkan wanita dan kanak-kanak, terutamanya mangsa rogol dan penderaan seksual. Walau bagaimanapun, tidak semua hospital mempunyai unit dan pusat tersebut. Apa yang pasti, OSCC telah diwujudkan di semua hospital besar di seluruh negeri di Malaysia.⁵⁰ Kewujudan pusat dan unit tersebut memastikan segala urusan pemeriksaan kesihatan ke atas mangsa dijalankan secara tertutup tanpa sebarang pendedahan kepada umum. Ini secara tidak langsung akan

⁴⁹Maklumat lanjut mengenai pusat-pusat dan unit ini boleh diperolehi menerusi Alina Rastam (ed.), (2002), *The Rape Report: An Overview of Rape in Malaysia*, Kuala Lumpur, All Women's Action Society (AWAM), m.s. 85-91.

⁵⁰ Maklumat mengenai OSCC ini terdapat di dalam risalah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2006.

membantu dalam memberi keselesaan kepada mangsa sepanjang proses pemeriksaan dijalankan.

Keperluan untuk menghantar mangsa ke salah satu daripada pusat atau unit pengurusan ini bergantung kepada pertimbangan tertentu. Sebagai contoh, mangsa yang terdiri daripada kanak-kanak akan dihantar ke SCAN, sementara yang lain akan diuruskan di OSCC.⁵¹ Semua mangsa yang dihantar ke unit atau pusat ini akan menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum tindakan selanjutnya diambil. Kebiasaannya, mangsa yang mengalami kecederaan ringan akan dibenarkan pulang. Sementara mangsa yang mengalami kecederaan serius pula akan ditempatkan di wad hospital berkenaan. Berikut diterangkan peringkat-peringkat pemeriksaan yang perlu dijalani oleh mangsa rogol di hospital:

3.3.1 Pemeriksaan fizikal

Semasa berada di pusat atau unit pengurusan rogol, satu pemeriksaan fizikal akan dilakukan ke atas seluruh anggota fizikal mangsa. Pemeriksaan ini termasuk bahagian luar dan dalam kemaluan mangsa, begitu juga dengan pemeriksaan mental serta emosinya.⁵² Terdapat empat tujuan asas kepada pemeriksaan ini.

⁵¹ Temubual bersama Pn Ros Aniza bt. Zakaria, *Medical Social Worker (MSW)* di Jabatan Kebajikan Perubatan, Hospital Selayang. Temubual dijalankan pada 24 Februari 2006, jam 12.30 tgħriġ hingga 2.00 petang di jabatan berkenaan.

⁵² Pemeriksaan kesihatan ini hanya akan dilakukan apabila mendapat keizinan atau kebenaran bertulis daripada mangsa sendiri. Bagi mangsa kanak-kanak atau di bawah umur, kebenaran tersebut perlu diperolehi sama ada daripada ibu bapa atau penjaga. Temubual bersama Pn Ros Aniza bt. Zakaria, *Ibid.*

Pertama, untuk mengesan sebarang bentuk kecederaan pada tubuh badan mangsa akibat dirogol. Kedua, untuk mengesan sama ada mangsa telah dijangkiti atau berisiko dijangkiti penyakit-penyakit sebaran seksual, di samping ujian kehamilan akibat perbuatan tersebut. Ketiga, ia juga bertujuan mengumpul bukti-buktii forensik bagi tujuan pendakwaan apabila perogol telah berjaya ditangkap dan dibicarakan di mahkamah. Manakala yang keempat pula untuk mengesan tindakbalas-tindakbalas fizikal dan mental mangsa sama ada berada di dalam keadaan trauma dan memerlukan bantuan pakar psikologi atau sebaliknya.⁵³ Keempat-empat tujuan ini memperlihatkan kepentingan pemeriksaan kesihatan dijalankan ke atas mangsa. Pemeriksaan ini seterusnya akan membantu dalam menentukan bentuk-bentuk sokongan dan pembelaan kepada mangsa.⁵⁴

Sepanjang proses pemeriksaan dijalankan, mangsa akan diperiksa dengan rapi dan melalui tiga peringkat pemeriksaan. Pegawai-pegawai perubatan dan pakar-pakar yang ditugaskan untuk menjalankan pemeriksaaan ke atas mangsa adalah berbeza bergantung kepada keperluan setiap peringkat pemeriksaan dan umur mangsa. Antara yang terlibat di dalam proses ini ialah pegawai perubatan A&E, pakar obstetrik dan ginekologi (selepas ini ditulis O&G), pakar kanak-kanak, pakar psikologi dan pakar forensik. Kebiasaannya, semua pegawai dan pakar ini

⁵³ Maklumat lanjut mengenai tujuan-tujuan ini, sila lihat Rohana Ariffin, (1997), *Shame, Secrecy and Silence: Study of Rape in Penang*, Women's Crisis Centre, m.s 119

⁵⁴ Kenyataan ini bertambah kukuh apabila P/ASP Suraini Hussain menyatakan bahawa kebanyakan kes rogol yang dibawa ke mahkamah tanpa membuat pemeriksaan kesihatan, gagal dibuktikan dan perogol tidak dapat disabitkan. Temubual bersama P/ASP Suraini Hussain, *op. cit.*

terdiri daripada individu yang berpengalaman di dalam membuat pemeriksaan berkenaan.⁵⁵ Ini penting bagi memastikan proses pemeriksaan ke atas mangsa dijalankan sebaik mungkin.

Secara umumnya, pemeriksaan peringkat pertama dan kedua dilakukan oleh pegawai perubatan A&E. Pakar O&G pula diperlukan untuk membuat pemeriksaan peringkat ketiga dengan bantuan pegawai perubatan A&E.⁵⁶ Bagi mangsa yang terdiri daripada kanak-kanak berusia di bawah umur 12 atau 13 tahun, pakar kanak-kanak diperlukan untuk membantu pegawai perubatan A&E dan pakar O&G sepanjang proses pemeriksaan berlangsung.⁵⁷ Sementara pakar forensik pula akan menjalankan pemeriksaan pada masa yang sama dengan pegawai perubatan A&E dan pakar O&G.⁵⁸ Ini bertujuan untuk mengelakkan mangsa daripada diperiksa secara berulang dalam masa yang berbeza. Proses pemeriksaan yang tersusun dan teratur begini akan memendekkan tempoh pemeriksaan. Ketiga-tiga peringkat pemeriksaan tersebut diterangkan sebagaimana berikut:

⁵⁵ Temubual bersama Pn. Ros Aniza bt. Zakaria, *op.cit.*

⁵⁶ Tetapi, menurut kajian yang dilakukan oleh AWAM, terdapat senario berbeza bagi hospital yang berbeza. Selain daripada senario yang dinyatakan di atas, terdapat senario di mana semua peringkat pemeriksaan dilakukan oleh pegawai perubatan A&E yang berpengalaman dalam pengurusan kes-kes rogol, manakala pakar ginekologi dan forensik hanya dipanggil apabila pegawai perubatan A&E itu memerlukan pandangan kedua daripada pakar-pakar tersebut. Terdapat juga senario di mana semua peringkat pemeriksaan dilakukan oleh pakar ginekologi. Sila lihat Alina Rastam, *op. cit.*, m.s. 103-104

⁵⁷ Sila lihat Alina Rastam, *ibid.*, m.s. 122

⁵⁸ *Ibid.*, m.s. 112

3.3.1.1 Peringkat pertama

Pemeriksaan peringkat pertama juga dikenali sebagai *history-taking*. Ia bertujuan mengambil maklumat-maklumat penting yang diperlukan untuk proses pemeriksaan yang seterusnya.⁵⁹ Antaranya, berkaitan kejadian rogol yang berlaku, misalnya masa dan lokasi kejadian, bagaimana ia dilakukan, berapa orang yang terlibat dan sama ada perogol dikenali mangsa atau tidak.⁶⁰ Sejarah hubungan seksual dan rawatan perubatan yang pernah diterima serta perkara-perkara berkaitan haid mangsa juga turut ditanya.⁶¹ Maklumat-maklumat yang diperolehi melalui pemeriksaan peringkat pertama ini penting dalam membantu pegawai-pegawai perubatan yang bertugas untuk mendapatkan gambaran kejadian. Ini membolehkan mereka menjalankan pemeriksaan pada tempat dan cara yang betul terhadap bahagian-bahagian badan mangsa. Selain itu, mereka dapat menentukan rawatan yang sepatutnya diberikan kepada mangsa berdasarkan pemeriksaan yang betul, hasil daripada maklumat-maklumat yang diperolehi daripada proses *history-taking*.

3.3.1.2 Peringkat kedua

Pemeriksaan peringkat kedua yang juga dikenali sebagai pemeriksaan umum (*general examination*) dijalankan ke atas seluruh bahagian luar badan mangsa.

⁵⁹ Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai proses *history-taking*, sila lihat Alina Rastam, *ibid.*, m.s. 97-98.

⁶⁰ *Ibid.*, m.s. 97

⁶¹ *Ibid.*

Ini termasuk mengambil sampel darah dan ujian kehamilan. Sampel darah mangsa diambil bagi tujuan mengesan atau mendiagnosis⁶² sebarang jangkitan penyakit sebaran seksual (*Sexually Transmitted Diseases* selepas ini ditulis STD) yang diakibatkan oleh hubungan seksual yang berlaku di antara mangsa dan perogol. Ujian kehamilan pula diperlukan untuk memastikan sama ada mangsa mengandung atau tidak akibat perbuatan rogol berkenaan. Dalam perkara ini, keputusan bagi kedua-dua ujian itu bagi kes baru⁶³ biasanya tidak dapat diketahui segera. Sebaliknya, keputusan-keputusan tersebut akan mengambil tempoh tertentu untuk diperolehi. Tetapi, bagi kes lama, keputusan bagi kedua-dua ujian tersebut boleh diperolehi dalam tempoh yang singkat, bergantung kepada tempoh insiden rogol itu berlaku. Misalnya, bagi kes rogol yang berlaku beberapa minggu sebelum laporan polis dan pemeriksaan kesihatan dijalankan. Ini kerana, dalam tempoh berkenaan, jangkitan penyakit sebaran seksual dan kehamilan sudah dapat dikesan. Kesimpulannya, cepat atau lambat keputusan pemeriksaan itu diperolehi bergantung kepada tempoh pemeriksaan itu dibuat dengan insiden rogol itu berlaku.

⁶² Cara penyakit-penyakit STD didiagnosis boleh dirujuk kepada B.K. Mandal (et.al), (2004), *Lecture Notes On Infectious Diseases*, Blackwell Publishing, m.s. 155-164. Lihat Astrid H. Heger, "Medical Evaluation of Sexually Abused Child" yang dibentangkan di dalam Persidangan Kebangsaan Penderaan dan Pengabaian Kanak-kanak yang berlangsung di Institut Pediatrik, Hospital Kuala Lumpur pada 24-25 Jun 1995.

⁶³ Terdapat dua kategori kes rogol. Pertama, kategori kes baru di mana kes-kes seumpama ini dilaporkan dalam tempoh 72 jam atau 3 hari dari masa kejadian. Manakala kategori kedua pula dikenali sebagai kes lama di mana laporan dibuat selepas 3 hari atau lebih dari masa kejadian rogol itu berlaku. Kenyataan ini berdasarkan hasil temubual bersama P/ASP Suraini Hussain, *op.cit.*

3.3.1.3 Peringkat ketiga

Pemeriksaan peringkat ketiga atau dikenali sebagai pemeriksaan genital (*genital examination*) melibatkan kemaluan mangsa. Ia akan dilakukan oleh pakar O&G dan pegawai kesihatan A&E terbabit. Pemeriksaan ini penting untuk menentukan sama ada kemasukan telah berlaku atau tidak. Ia juga boleh mengesan sama ada kemasukan itu dilakukan secara paksa atau dengan kerelaan mangsa. Bukti-bukti kemasukan seperti koyakan pada selaput dara atau kesan-kesan lain seperti lebam, calar, kesan air mani lelaki pada bahagian luar atau dalam faraj serta kesan-kesan lain yang boleh didapati pada sekitar kemaluan mangsa.⁶⁴ Pemeriksaan pada peringkat ini juga boleh menentukan sama ada mangsa telah diliwat atau tidak.⁶⁵ Ini menunjukkan bahawa pemeriksaan pada peringkat ini tidak terhad kepada bahagian faraj sahaja, malahan turut melibatkan bahagian dubur mangsa.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, antara tujuan kepada ketiga-tiga peringkat pemeriksaan ini adalah untuk mengesan sebarang bentuk kecederaan terhadap mangsa,⁶⁶ di samping menilai tahap-tahap keseriusan kecederaan tersebut. Hasil pemeriksaan ini akan digunakan sebagai panduan dalam proses

⁶⁴ Temubual bersama P/ASP Suraini Hussain, *ibid*, dan Pn Ros Aniza bt. Zakaria, *op.cit*.

⁶⁵ Temubual bersama P/ASP Suraini Hussain, *ibid*.

⁶⁶ Perbincangan lanjut mengenai jenis-jenis dan bentuk-bentuk kecederaan mangsa rogol boleh didapati di dalam Bab 4 kajian ini.

penentuan dan penyediaan rawatan kepada mereka. Misalnya, semasa berada di dalam bilik khas di pusat atau unit pengurusan rogol, mangsa akan diberi rawatan kecemasan bergantung kepada keadaan dan kecederaan yang dikesan, sama ada secara fizikal atau mental.⁶⁷ Faktor jenis dan tahap keseriusan kecederaan akan menentukan jenis rawatan yang akan diterima oleh mangsa. Sekiranya mangsa hanya mengalami kecederaan ringan, mereka akan diberi rawatan kecemasan dan dibenarkan pulang.⁶⁸ Tetapi, jika kecederaan serius ditemui pada mangsa seperti pendarahan yang teruk pada kemaluannya, mangsa akan ditempatkan di wad ginekologi untuk rawatan lanjutan.

Bagi mangsa yang telah atau berisiko dijangkiti STD,⁶⁹ mereka memerlukan rawatan khusus bagi mengelakkan jangkitan yang lebih serius. Oleh kerana keputusan diagnosis terhadap jangkitan STD tidak dapat diperolehi pada masa pemeriksaan dilakukan, mangsa akan diminta hadir semula ke hospital berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh-tempoh bagi mendapatkan keputusan diagnosis STD adalah selama dua hingga empat belas hari bergantung kepada jenis virus dan STD yang dijangkiti.⁷⁰ Jika keputusannya adalah positif, maka

⁶⁷ Rawatan terhadap gangguan mental dan emosi mangsa akan diterangkan di dalam sub-tajuk 2.3 (b) Bab ini.

⁶⁸ Dalam kes-kes di mana rumah mangsa dilihat sebagai tempat yang selamat bagi mangsa, mereka akan dibenarkan pulang ke rumah. Tetapi jika sebaliknya, mangsa akan diletakkan di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Maklumat lanjut mengenai penyediaan rumah-rumah perlindungan untuk mangsa rogol akan dibincangkan di dalam sub-tajuk 2.4 bab ini.

⁶⁹ Maklumat lanjut mengenai STD boleh didapati di dalam Bab 4 kajian ini.

⁷⁰ Misalnya, jangkitan penyakit *Gonorrhoea* (radang saluran kencing) boleh dikesan dalam tempoh dua hingga lima hari selepas hubungan seksual berlaku dengan orang yang telah dijangkiti penyakit ini. Tempoh ini adalah berdasarkan tempoh eraman atau inkubasi virus tersebut.

rawatan susulan akan diberikan kepada mereka dari semasa ke semasa. Ini bertujuan untuk mengelakkan STD berkenaan daripada merebak dengan lebih teruk. Justeru, kehadiran semula mangsa ke hospital berkenaan adalah perlu supaya rawatan yang sebaiknya dapat diberikan.

Bagi kes-kes baru, jika didapati mangsa mempunyai kemungkinan untuk hamil, mereka biasanya akan diberikan sejenis pil yang dikenali sebagai *morning-after pills* bertujuan untuk menghalang kehamilan daripada berlaku.⁷¹ Bagi kes-kes yang berlaku melebihi tempoh 72 jam tetapi kurang daripada lima hari sebelum pemeriksaan dijalankan, satu alat pencegah kehamilan yang dikenali sebagai *intrauterine contraceptive device (IUCD)* akan dimasukkan ke dalam uterus apabila diminta oleh mangsa terbabit.⁷² Kedua-dua situasi berserta jenis rawatan yang diberikan ini merupakan satu usaha untuk menghalang kehamilan akibat rogol. Ini dilakukan bagi menghalang kesan yang lebih buruk ke atas mangsa sekiranya terpaksa mengandung akibat perbuatan tersebut.⁷³

Bagi kes-kes di mana mangsa hamil, rawatan susulan dan pemeriksaan lanjutan ke atas diri dan kandungan mangsa akan diteruskan sehinggalah mangsa

Maklumat lanjut, sila lihat Rahmat Haroun, (1992), *Sifilis dan Penyakit Kelamin Lainnya*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti sdn. Bhd., m.s. 13

⁷¹ Alina Rastam, *op. cit.*, m.s 104

⁷² *Ibid.*

⁷³ Menurut En Rahman b. Mokri, MSW di Jabatan Kerja Sosial, Hospital Selayang yang ditemubual pada 24 Februari 2006 pada jam 3.00–4.30 petang di jabatan tersebut, terdapat kes di mana mangsa rogol melahirkan anak hasil rogol telah mengalami trauma dan cenderung melakukan penderaan ke atas bayi atau kana-kanak terbabit.

melahirkan kandungan tersebut. Ini dilakukan bagi memastikan kesihatan mangsa dan kandungannya berada di dalam keadaan baik. Terdapat juga kes-kes di mana kandungan mangsa akan digugurkan jika didapati kandungan tersebut akan memberi impak negatif pada mental atau mengancam nyawa mangsa.⁷⁴ Tetapi, proses pengguguran ini hanya boleh dilakukan apabila mendapat pengesahan daripada pakar-pakar ginekologi dan psikologi di hospital-hospital kerajaan.⁷⁵ Ini kerana, sebarang aktiviti menggugurkan kandungan tidak dibenarkan oleh undang-undang negara ini⁷⁶ melainkan sebab-sebab tertentu setelah mendapat pengesahan dan kebenaran doktor-doktor terlibat.⁷⁷

Berdasarkan penerangan di atas, dapat difahami bahawa proses rawatan ke atas mangsa tidak terhenti setakat rawatan kecemasan sahaja. Malahan, rawatan berterusan disediakan oleh pihak hospital untuk mangsa yang memerlukan rawatan lanjutan. Walau bagaimanapun, kekerapan rawatan lanjutan adalah berbeza, bergantung kepada keperluan mangsa berkenaan. Kebiasaannya, mangsa dikehendaki hadir untuk rawatan tersebut sekurang-kurangnya sekali selepas pemeriksaan umum dijalankan di pusat atau unit pengurusan rogol.⁷⁸

Manakala bagi kes-kes di mana mangsa dijangkiti STD, mengandung atau yang

⁷⁴ Sila lihat Alina Rastam, *op. cit.*, m.s. 105

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ Sila lihat seksyen 312 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang mana ia memperuntukkan bahawa perbuatan menggugurkan kandungan adalah satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

⁷⁷ Lihat peruntukan pengecualian di bawah seksyen 312 Kanun Keseksaan (Akta 574), yang membolehkan pengamal perubatan menamatkan kehamilan seseorang perempuan jika kehamilan itu boleh mengancam nyawa atau menyebabkan kecederaan fizikal atau mental kepadanya.

⁷⁸ Sila lihat Alina Rastam, *op. cit.*, m.s. 143-144

mengalami kecederaan teruk akibat insiden itu, rawatan akan berterusan sehingga mangsa sembah atau sehingga melahirkan bayi berkenaan.

3.3.2 *Rawatan Psikologi dan Sesi Kaunseling*

Kesan yang ketara dialami mangsa dalam kes-kes rogol adalah trauma, gangguan psikologi dan tindakbalas-tindakbalas fizikal lain.⁷⁹ Oleh itu, mangsa memerlukan sokongan dan rawatan sebaik mungkin bagi membantu mereka menghadapi ketidakstabilan emosi dan tindakbalas-tindakbalas tersebut. Dalam perkara ini, remedи dalam bentuk rawatan psikologi dan kaunseling disediakan kepada mangsa oleh pihak hospital dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Rawatan ini juga turut disediakan oleh badan bukan kerajaan. Antaranya *All Women's Action Society (AWAM)*, *Women's Centre for Change, Penang (WCC)*, *Sisters in Islam (SIS)* dan *Women's Aid Organisation (WAO)*. Sebagai langkah permulaan, pihak-pihak yang terlibat akan memeriksa keadaan emosi dan mental mangsa secara berterusan dari semasa ke semasa. Kemudian, rawatan dan bantuan secara psikologi dan kaunseling akan diberikan. Ia bermula ketika mangsa berada di pusat atau unit pengurusan rogol sehinggalah beberapa tempoh tertentu bergantung kepada perkembangan mangsa.

Individu-individu yang terlibat di dalam proses rawatan ini terdiri daripada pakar-pakar psikologi dan pakar kanak-kanak, *Medical Social Worker* (selepas

⁷⁹ Perbincangan lanjut mengenai kesan trauma dan gangguan psikologi mangsa rogol terdapat di dalam Bab 4 kajian ini.

ini dikenali sebagai MSW), serta badan bukan kerajaan berkaitan. Ini bergantung kepada keadaan dan keperluan mangsa. Misalnya, ketika mangsa mula-mula dibawa ke unit pengurusan rogol, mereka akan diberi kaunseling oleh pihak MSW sebelum proses pemeriksaan seterusnya diambil alih oleh pegawai-pegawai perubatan yang lain.⁸⁰ Tetapi, apabila mangsa berada di dalam keadaan trauma yang teruk dan tidak mampu ditangani oleh MSW, pakar psikologi akan dipanggil bagi menenangkan mangsa.⁸¹ Pakar kanak-kanak pula diperlukan di unit SCAN bagi menenangkan mangsa yang terdiri daripada kanak-kanak.⁸² Sementara bagi kes-kes di mana aduan terlebih dahulu dibuat kepada badan-badan bukan kerajaan, mangsa akan diberi kaunseling oleh pihak berkenaan.⁸³

Dari sudut objektifnya, bantuan dari segi psikologi dan kaunseling merupakan satu persediaan kepada mangsa sebelum pemeriksaan seterusnya dijalankan.⁸⁴ Persediaan ini mampu memberikan sokongan emosi kepada mangsa supaya mereka lebih tenang dan boleh memberi kerjasama di dalam setiap prosedur yang akan dijalani selepas itu. Oleh yang demikian, mangsa akan lebih bersedia untuk menghadapi proses-proses pemeriksaan yang ditetapkan. Manakala pegawai-pegawai perubatan yang lain pula boleh menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan

⁸⁰ Temubual bersama Pn Ros Aniza bt. Zakaria, *op.cit.*

⁸¹ *Ibid.*

⁸² Temubual bersama Pn. Azura, MSW, *op. cit.*

⁸³ Temubual menerusi penggilan telefon bersama Pn Ros Aniza bt. Zakaria pada 7 Mac 2006 dari jam 12.50 hingga 1.00 tghari

⁸⁴ Temubual bersama Pn. Ros Aniza bt. Zakaria, *op. cit.*

dengan lebih lancar tanpa sebarang masalah yang ditimbulkan akibat ketidakstabilan emosi mangsa sebelum itu.

Selepas semua peringkat pemeriksaan selesai dijalankan, mangsa akan kembali dirujuk kepada pihak yang bertanggungjawab dalam memberi rawatan psikologi dan kaunseling sebelum ini.⁸⁵ Ini bagi memastikan keadaan emosi mangsa terus stabil. Namun, terdapat juga kes-kes di mana mangsa kembali trauma sejurus selepas menjalani proses pemeriksaan kesihatan.⁸⁶ Dalam hal ini, bagi mangsa yang sudah stabil emosinya, mereka akan dibenarkan pulang. Sementara bagi mangsa yang masih trauma akan ditempatkan di wad hospital berkenaan. Tindakan ini bagi membolehkan rawatan secara intensif diberikan oleh pakar psikologi yang terlibat.⁸⁷ Dengan ini, keadaan emosi dan gangguan psikologi yang dialami mangsa kesan daripada insiden rogol itu dapat dirawat dan dipantau secara berterusan.

3.4 Rumah Perlindungan

Terdapat juga kes-kes di mana mangsa rogol tidak boleh pulang ke rumah. Ada juga yang tidak mempunyai tempat untuk dituju bagi mendapatkan perlindungan. Ini ketara dalam kes-kes yang melibatkan mangsa kanak-kanak atau remaja di bawah umur. Keadaan ini boleh berlaku terutamanya dalam kes-kes sumbang

⁸⁵ Temubual-temubual bersama En. Rahman b. Mokri, *op.cit.* dan Pn. Ros Aniza bt. Zakaria, *op.cit.*

⁸⁶ Temubual bersama En. Rahman b. Mokri, *op.cit.*

⁸⁷ *Ibid.*

mahram di mana rumah keluarga mangsa dilihat sebagai tempat yang tidak selamat untuk mangsa.⁸⁸ Begitu juga halnya jika mangsa tidak mempunyai waris lain atau waris-waris tersebut enggan memberi perlindungan kepada mangsa.⁸⁹ Demikian juga apabila mangsa terdiri daripada warga negara asing yang sememangnya tiada tempat untuk dituju. Dalam situasi ini, mangsa memerlukan tempat lain sebagai alternatif untuk mendapatkan perlindungan.

Apabila keadaan-keadaan di atas berlaku, kes-kes tersebut akan dikategorikan sebagai kes ‘mangsa terdampar’.⁹⁰ Untuk memberi pembelaan kepada mangsa-mangsa ini, pihak polis atau MSW akan merujuk kes-kes tersebut kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Ini bertujuan mendapatkan tempat perlindungan kepada mereka.⁹¹ Dalam situasi ini, pihak JKM biasanya akan menerima mangsa di bawah umur.⁹² Mereka akan dibenarkan tinggal di rumah perlindungan kanak-kanak yang disediakan. Walau bagaimanapun, bagi mangsa dewasa, JKM tidak menyediakan tempat perlindungan untuk mereka.⁹³ Namun, dalam situasi yang berbeza di mana mangsa kanak-kanak dibawah 18 tahun yang mengandung dan remaja yang berusia di bawah 21 tahun akan ditempatkan di rumah perlindungan

⁸⁸ *Ibid.*

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ *Ibid.*, dan temubual bersama Pn. Ros Aniza bt. Zakaria, *op. cit.*

⁹¹ Temubual bersama En. Rahman b. Mokri, *op. cit.* Lihat juga Rohana Ariffin, *op. cit.*, m.s. 148, di mana terdapat juga kes-kes di mana mangsa terus dirujuk kepada pihak JKM oleh pihak polis dalam keadaan-keadaan tertentu walaupun tiada laporan dibuat terlebih dahulu.

⁹² Temubual bersama Pn. Ros Aniza bt. Zakaria, *op. cit.*

⁹³ Temubual bersama En. Rahman b. Mokri, *op. cit.* Walau bagaimanapun, menurut P/ASP Suraini Hussain, *op. cit.*, ada sesetengah kes di mana pihak JKM turut menerima mangsa yang bukan di bawah umur.

yang dikenali sebagai Taman Sri Puteri.⁹⁴ Manakala bagi mangsa dewasa⁹⁵ termasuk warga negara asing,⁹⁶ mereka masih berpeluang memohon perlindungan sementara di pusat-pusat perlindungan yang ditubuhkan oleh badan-badan bukan kerajaan.

Sebagai memenuhi keperluan untuk memberi perlindungan kepada wanita yang teraniaya terutamanya mangsa rogol, terdapat banyak pusat perlindungan kanak-kanak, remaja dan wanita yang ditubuhkan oleh badan-badan bukan kerajaan tertentu. Pusat-pusat perlindungan tersebut ditubuhkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.⁹⁷ Contohnya, Rumah Kebajikan Darul Islah Selangor (lebih dikenali sebagai ‘Perkid’) dan *All Woman’s Action Society (AWAM)*. Perkid menyediakan perlindungan kepada mangsa rogol yang berumur antara 11 hingga 25 tahun.⁹⁸ Sementara bagi wanita yang sudah berkahwin atau melebihi usia 25 tahun, AWAM ada menyediakan tempat perlindungan sementara kepada mereka.⁹⁹ Dengan demikian, mangsa rogol yang tidak mempunyai tempat tinggal boleh mendapat perlindungan di pusat-pusat perlindungan berkenaan.

⁹⁴ Untuk maklumat lanjut sila rujuk Alina Rastam, *op. cit.*, m.s. 152 dan 161.

⁹⁵ Temubual melalui panggilan telefon bersama Pn. Ros Aniza bt. Zakaria, *op. cit.*

⁹⁶ Temubual dengan P/ASP Suraini Hussain, *op. cit.*

⁹⁷ Peruntukan mengenai pendaftaran pusat perlindungan dan perkara-perkara berkaitan dengannya terdapat di Bahagian II Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506), seksyen-seksyen 4-11.

⁹⁸ Sila lihat Nur Hazlawati Ab. Rahman, “Kehidupan Suram Selubungi Penghuni Rumah Kebajikan Perkid”, *Mingguan Wanita*, bil. 1152, edisi 16-22 Disember 2005, m.s. 38-39.

⁹⁹ Temubual melalui perbualan telefon dengan Pn. Ros Aniza bt. Zakaria, *op. cit.*

3.5 Pengurusan Semasa Perbicaraan Kes Rogol¹⁰⁰

Semasa proses perbicaraan berlangsung di mahkamah, mangsa akan diminta untuk hadir sebagai saksi kes berkenaan. Semasa kehadiran ke mahkamah, mangsa biasanya akan ditemani oleh individu-individu dari pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat. Pihak-pihak ini biasanya akan menemani mangsa apabila diminta berbuat demikian oleh mangsa atau keluarganya. Jika perlu, mereka akan diminta menemani mangsa sehingga prosiding perbicaraan di mahkamah selesai keseluruhannya. Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan ini akan berperanan dalam memberi khidmat nasihat yang berkaitan terutamanya berkaitan undang-undang kepada mangsa dan keluarganya. Khidmat golongan ini juga akan lebih diperlukan untuk memastikan emosi mangsa stabil sepanjang proses perbicaraan berlangsung. Ini kerana, mangsa akan berasa takut, tidak selesa, geram, marah dan pelbagai perasaan serta reaksi lain timbul apabila mereka berada di dalam mahkamah. Lebih-lebih lagi apabila terpaksa berdepan dengan orang yang merogolnya untuk satu tempoh yang agak panjang. Ini secara tidak langsung akan menggugat kestabilan emosi dan ketenangan mangsa. Ia akan membawa kepada ketidaklancaran perbicaraan dan boleh menyebabkan keterangan yang diberi tidak konsisten. Oleh yang demikian, khidmat pertubuhan bukan kerajaan ini amat diperlukan bagi

¹⁰⁰ Maklumat-maklumat mengenai perkara ini juga diperolehi melalui temubual dengan P/ASP Suraini bt. Hussain, *op.cit.*

menenangkan mangsa dan memberikan sokongan moral sepanjang prosiding tersebut berlangsung.

3.6 Kesimpulan

Perbincangan sebelum ini menjelaskan kepada kita bahawa di negara ini telah tersedia satu sistem pengurusan mangsa rogol yang baik, di mana melibatkan peringkat-peringkat tertentu dengan kerjasama pelbagai pihak. Walau bagaimanapun, sistem pengurusan mangsa rogol yang ada di negara ini hanya bersifat sementara, bergantung kepada perkembangan kesihatan mangsa. Dalam erti kata lain, kebijakan mangsa rogol yang disediakan oleh beberapa pihak terbabit akan berakhir pada tempoh-tempoh tertentu. Tetapi, kesan yang dialami mangsa akibat perbuatan rogol itu sendiri akan berpanjangan, terutamanya bagi mangsa yang mengalami trauma. Justeru, amat penting bagi negara ini menyediakan satu alternatif lain berbentuk pampasan kewangan bagi memastikan kebijakan mangsa lebih terjamin untuk jangka masa yang lebih panjang. Dalam usaha menyediakan pembelaan alternatif tersebut, terlebih dahulu perlu dikenalpasti justifikasi yang membolehkan pampasan diawardkan kepada mangsa rogol di negara ini. Disebabkan faktor inilah, maka Bab seterusnya akan merungkai beberapa justifikasi yang sepatutnya diberi perhatian serius dalam mengiktiraf pampasan kepada mangsa rogol di negara ini. Ini kerana pampasan seumpama ini bukan sahaja sebagai hukuman kepada pelaku tetapi juga merupakan remedii terbaik kepada mangsa.

BAB 4

Pampasan Kepada Mangsa Rogol: Rasional dan Justifikasi

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang rasional dan justifikasi penyediaan remedi dalam bentuk pampasan kewangan kepada mangsa rogor. Ia sebagai alternatif kepada remedi-remedi sedia ada di negara ini. Ia juga merupakan suatu kesinambungan terhadap kebijakan mangsa rogor yang perlu diberi keutamaan. Meskipun remedi-remedi sedia ada dilihat sedikit sebanyak mampu menjaga kebijakan mangsa dari beberapa aspek, namun ia tidaklah secara menyeluruh. Kebijakan mangsa rogor secara menyeluruh dan bersifat jangka panjang pula perlu diberi lebih perhatian. Lantas dalam situasi sekarang, aspek kewangan sebaliknya dilihat sebagai di antara keperluan terpenting dalam memastikan kesinambungan kepada kebijakan mangsa, selain sebagai alternatif kepada remedi-remedi yang telah sedia ada. Untuk itu, perbincangan bab ini akan menyentuh mengenai justifikasi penyediaan pampasan dalam bentuk kewangan kepada mangsa rogor. Keperluan kepada pampasan kewangan dilihat amat penting disebabkan perbuatan rogor merupakan satu bentuk pencerobohan terhadap tubuh badan mangsa. Perbuatan itu juga sama ada dilakukan secara paksa (kekerasaan) ataupun atas kerelaan yang diberi secara terpaksa (akibat diugut dan sebagainya), akan mendatangkan kesan langsung ke atas diri mangsa

(termasuk anggota keluarganya). Kesan yang dialami pula melibatkan kesan terhadap fizikal dan mental yang secara langsungnya memberi impak terhadap kehidupan sehari-hari, kerjaya dan masa hadapan mangsa secara keseluruhan. Dengan demikian, pemberian pampasan dalam bentuk kewangan adalah paling signifikan menjaga kepentingan kebijakan mangsa secara berterusan untuk tempoh masa yang lebih panjang.

4.2 Rasional Dan Justifikasi Pampasan Kepada Mangsa rogol

4.2.1 Peningkatan Kes-kes Rogol

Peningkatan kes-kes rogol di negara ini memberikan satu gambaran bahawa jumlah mangsa rogol semakin bertambah dari setahun ke setahun. Ini dibuktikan menerusi statistik yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia. Peningkatan ini dapat dilihat dengan jelas menerusi Jadual 4.1 dan Graf 4.1 berikut:


JADUAL 4.1

Statistik Kes Rogol Yang Dilaporkan Di Malaysia Dari Tahun 2000-2006

Bil	Tahun	Jumlah Kes Yang Dilaporkan
1	2000	1,217
2	2001	1,386
3	2002	1,431
4	2003	1,479
5	2004	1,760
6	2005	1,931
7	2006	2,431
	JUMLAH	11,635

GRAF 4.1:

Jumlah Kes Rogol Yang Dilaporkan Di Malaysia Dari Tahun 2000-2006



Sumber: Cawangan Perhubungan Awam, Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman Kuala Lumpur

Meskipun jumlah yang tertera itu hanya melibatkan kes-kes yang dilaporkan, kemungkinan masih terdapat kes yang tidak dilaporkan adalah tinggi. Ada pendapat menyatakan bahawa daripada sepuluh kes rogol, hanya satu kes dilaporkan kepada pihak berkuasa.¹⁰¹ Walaupun pada pertengahan tempoh tersebut iaitu di antara tahun 2002 dan 2003, peningkatan yang ditunjukkan sedikit, namun ia bukanlah satu petanda baik untuk menyatakan bahawa kes-kes rogol sudahpun menurun. Ini kerana laporan kes-kes tersebut kembali menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2004 dan 2005, seterusnya mencatatkan peningkatan paling tinggi pada tahun 2006. Lebih membimbangkan lagi sepanjang tempoh tujuh tahun itu jumlah keseluruhan laporan kes rogol mencecah sebanyak 11,635 kes. Ini merupakan satu jumlah yang besar dan pastinya melibatkan mangsa yang ramai. Jika dilihat secara purata tahunan, sebanyak 1662.1 kes rogol dilaporkan setiap tahun. Manakala purata harian pula memperlihatkan sebanyak 4.55 kes atau hampir 5 kes rogol dilaporkan setiap hari. Perkara ini membuktikan bahawa jenayah rogol di negara ini sudahpun berada pada tahap yang serius. Faktor inilah yang memberikan justifikasi terhadap kepentingan pampasan diberikan kepada mangsa. Ia sebagai tanda negara dan masyarakat benar-benar prihatin terhadap golongan ini. Justeru, pampasan kewangan ini jugalah yang akan menjadi medium terhadap jaminan kesinambungan kebijakan mangsa untuk jangka masa lebih panjang.

¹⁰¹ Sila lihat Rosniza Mohd Shariff, (2005), 'Penalties and Attitudes in Preventing Rape', [2005] 1 MLJ Ivii

4.2.2 Rogol Sebagai Kesalahan (Tort) Serang Sentuh

Jika dilihat dari konteks kesalahan sivil, kesalahan rogol boleh diklasifikasikan sebagai satu kesalahan (tort) serang sentuh (*battery*). Tort serang sentuh merupakan satu perbuatan dalam bentuk pengenaan kekerasan yang dilakukan oleh seseorang individu terhadap seseorang tanpa justifikasi undang-undang.¹⁰² Sekiranya pengenaan kekerasan itu dilakukan dengan justifikasi undang-undang, ia tidak termasuk di bawah perlakuan serang sentuh.¹⁰³ Misalnya, seseorang yang mencalarkan muka seseorang yang lain kerana cemburu dikatakan telah melakukan serang sentuh.¹⁰⁴ Ini kerana perbuatan tersebut dilakukan tanpa justifikasi undang-undang. Sebaliknya, jika ia dilakukan kerana sebab-sebab yang diiktiraf undang-undang seperti mempertahankan diri, keperluan, provokasi, keizinan mangsa dan lain-lain, ia tidak dikira sebagai perbuatan serang sentuh.¹⁰⁵ Jadi, dalam konteks perbuatan rogol itu sendiri, ia secara jelasnya melibatkan kesalahan serang sentuh di mana wujudnya kontek secara langsung di antara perogol dengan mangsanya. Elemen ini yang sememangnya tidak dikehendaki oleh mangsa, membolehkan mangsa membuat tuntutan atau remedii dalam bentuk pampasan kewangan, sebagaimana yang dibolehkan di dalam kesalahan tort serang sentuh.

¹⁰² Ong Ying Ping, ‘A History of Misnomers in The Torts of Battery: A Casenote on Wilson v. Pringle, (1987) 8 Sing LR 97

¹⁰³ Sila lihat Mark Lunney & Ken Oliphant, (2000), *Tort Law: Text & Materials*, New York: Oxford University Press, m.s. 44

¹⁰⁴ Sila lihat kes *Tiong Pik Hiong lwn. Wong Siew Gieu* [1964] 30 MLJ 181

¹⁰⁵ Ong Ying Ping, *op.cit.*

Dalam memperkatakan tentang serang sentuh ini, tidak dapat dinafikan bahawa jenayah rogol juga termasuk di dalam kategori kesalahan serang sentuh. Ini kerana perbuatan rogol itu sendiri merupakan satu bentuk perbuatan serang sentuh di mana ia melibatkan sentuhan fizikal secara langsung kepada tubuh badan mangsa. Pengenaan kekerasan terhadap mangsa pula adalah tanpa justifikasi undang-undang. Ini kerana, sesuatu perbuatan hanya akan dikatakan sebagai rogol apabila berlaku persetubuhan yang bertentangan dengan kemahuan mangsa atau salah satu daripada keadaan-keadaan lain yang dinyatakan di dalam peruntukan seksyen 375 Kanun Keseksaan. Jika persetubuhan yang merupakan pengenaan kekerasan ke atas mangsa itu berlaku dalam salah satu atau gabungan keadaan-keadaan yang diperuntukkan di dalam peruntukan tersebut, maka persetubuhan itu dilakukan tanpa justifikasi undang-undang.¹⁰⁶

Terdapat empat elemen penting di dalam tort serang sentuh. Iaitu, niat pelaku untuk sengaja mengenakan kekerasan itu, pelaku melakukannya secara sukarela tanpa paksaan mana-mana pihak, perbuatan itu dilakukan tanpa izin mangsa dan wujudnya sentuhan.¹⁰⁷ Bagi elemen sentuhan, yang dimaksudkan dengan elemen

¹⁰⁶Persetubuhan yang dilakukan dengan justifikasi undang-undang adalah seperti persetubuhan yang dilakukan oleh suami ke atas isterinya yang sah. Sila lihat peruntukan kecualian seksyen 375 Kanun Keseksaan (Akta 574). Lihat juga Alina Rastam, Alina Rastam (editor), (2002), *The Rape Report: An Overview of Rape in Malaysia*. All Women's Action Society (AWAM), m.s. 55 dan Rohana Ariffin, (1997), *Shame, Secrecy and Silence: Study of Rape in Penang*, Women's Crisis Centre, m.s. 80

¹⁰⁷Sila lihat penghakiman-penghakiman di dalam kes-kes serang sentuh di mana keempat-empat elemen tersebut perlu dipenuhi sebelum seseorang pelaku dikatakan bertanggungan di atas perlakuan pengenaan kekerasan itu. Misalnya kes-kes *Wilson v. Pringle* [1987] QB 237, *Collins v*

ini adalah pengenaan kekerasan pada tubuh badan mangsa dan ia tidak semestinya melibatkan keganasan. Ini bermakna, walaupun hanya sentuhan yang sedikit dikenakan terhadap mangsa, tetapi menepati elemen-elemen tadi, ia sudah dikira sebagai perlakuan serang sentuh.¹⁰⁸ Jika diteliti dari sudut keadaan-keadaan yang boleh dikategorikan sebagai rogol, ternyata bahawa perbuatan rogol menepati elemen-elemen serang sentuh.¹⁰⁹ Ini terbukti dalam perbuatan rogol, di mana pelaku sememangnya mempunyai niat untuk mengenakan kekerasan terhadap tubuh badan mangsa dengan melakukan ‘kemasukan’ zakar ke dalam faraj mangsa. Sekiranya perbuatan itu dilakukan atas pilihan perogol tanpa paksaan mana-mana pihak, tanpa izin mangsa dan berlaku sentuhan iaitu ‘kemasukan’, walaupun hanya kemasukan yang sedikit¹¹⁰ dan tanpa keganasan,¹¹¹ maka perbuatan rogol tersebut menepati elemen-elemen tort serang sentuh.

¹⁰⁸ Wilcock [1984] 1 WLR 1172, Cole & Turner (1704) 90 ER 958 dan lain-lain. Penghakiman kes-kes ini dipetik di dalam Mark Lunney & Ken Oliphant, op. cit., m.s. 44-47.

¹⁰⁹ Misalnya mencium seseorang tanpa kemahuannya atau menyentuh seseorang ketika ia sedang tidur, meskipun tanpa sebarang keganasan. Sila lihat kes Cole v. Turner [1704] 90 ER 958. *Ibid.*, m.s. 46

¹¹⁰ Melainkan dalam kes-kes rogol statutori di mana meskipun perbuatan tersebut mendapat keizinan daripada mangsa, tetapi tetap dikategorikan sebagai rogol. Sila lihat peruntukan seksyen 375 (f) Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574). Begitu juga peruntukan-peruntukan di bawah seksyen-seksyen 375 (c), (d) dan (e) Kanun yang sama di mana keizinan mangsa tidak diambil kira dan orang yang melakukan persetubuhan itu tetap dikatakan sebagai melakukan kesalahan rogol.

¹¹¹ Sebagaimana yang diuraikan di dalam huraian seksyen 375 Kanun Keseksaan di mana ‘kemasukan’ yang memadai sudah cukup bagi mewujudkan elemen kemasukan dalam sesuatu perbuatan rogol.

¹¹² Rogol tanpa keganasan boleh berlaku dalam keadaan mangsa tidak sedarkan diri misalnya dalam kes-kes mangsa yang diberi minum minuman yang dicampur pil khayal dan sebagainya.

Dalam hal ini, terdapat empat asas yang membolehkan mangsa membawa sesuatu tindakan di bawah undang-undang tort.¹¹² Salah satu daripadanya adalah untuk mendapatkan sejumlah pampasan. Perkara ini perlu diakui kerana setiap orang berhak untuk tidak dicerobohi tubuh badannya.¹¹³ Sekiranya berlaku perbuatan yang melanggar hak tersebut, pihak yang dicerobohi layak diberi pampasan yang sewajarnya.¹¹⁴ Dalam hal ini, sudah jelas bahawa rogol bukan sahaja dianggap sebagai satu jenayah terhadap negara, bahkan lebih tepat lagi adalah kesalahan terhadap individu yang menjadi mangsa. Justeru, disebabkan serang sentuh akan melayakkan mangsanya diawardkan sejumlah pampasan (seperti yang terbukti di dalam kes-kes yang telah dibincangkan), maka mangsa rogol juga berhak diberikan pampasan dalam konteks dan asas yang sama. Perkaitan rogol sebagai tort serang sentuh inilah yang memperkuatkan lagi justifikasi kepada pemberian pampasan kepada mangsa rogol.

4.2.3 Kesan Jenayah Rogol Terhadap Mangsa

4.2.3.1 Kecederaan fizikal

Sebagai satu perbuatan yang dilakukan secara paksaan ke atas mangsa, rogol boleh menyebabkan kecederaan kepada tubuh badan mangsa. Tahap keseriusan kecederaan bergantung kepada cara perbuatan itu dilakukan, sama ada dengan

¹¹² Perbincangan lanjut mengenai empat asas tersebut boleh dilihat di dalam Mark Lunney, *op.cit.* m.s. 18-19

¹¹³ Ratanlal Ranchhoddas, (2002), *The Law of Torts*, edisi ke-24, New Delhi: Wadhwa & Company Nagpur, m.s. 11

¹¹⁴ *Ibid.*

atau tanpa kekerasan yang disertai tindakan mangsa, sama ada dengan atau tanpa melawan. Kebiasaannya, rogol yang dilakukan secara paksaan yang disertai dengan kekerasan ke atas mangsa yang bertindak melawan penyerangnya secara aktif akan mengakibatkan kecederaan yang lebih serius berbanding perbuatan rogol yang dilakukan secara paksaan tanpa disertai tindakbalas melawan oleh mangsa. Namun begitu, ada di antara perogol yang bertindak lebih agresif dan merogol secara kekerasan yang melampau ke atas mangsa meskipun mangsa tidak mampu melawan. Situasi ini boleh berlaku terutamanya dalam kes-kes rogol yang melibatkan mangsa kanak-kanak di mana mangsa sememangnya tidak berupaya melawan penyerang yang jauh lebih kuat daripadanya.

Dalam kes-kes rogol, kecederaan utama berlaku pada organ seksual mangsa. Ia diakibatkan oleh perbuatan yang dilakukan oleh perogol dalam usaha untuk membolehkannya melakukan ‘kemasukan’ zakar ke dalam faraj mangsa. Jika ia dilakukan secara kekerasan, ia boleh menyebabkan koyakan serta pendarahan yang teruk pada kemaluan mangsa. Selain itu, kesan kemerah-merahan, luka, bengkak, lebam, calar dan gurisan pada kemaluan mangsa juga biasa ditemui terutamanya dalam kes-kes rogol yang dilakukan secara agresif. Walau bagaimanapun, kecederaan-kecederaan seumpama ini tidak terhad disekitar faraj mangsa semata-mata. Malah, terdapat kes di mana mangsa mengalami kecederaan pada bahagian anus atau dubur. Ini berlaku apabila penyerang bertindak menjolok dubur mangsa untuk melakukan liwat ataupun perkosaan

vagina daripada belakang.¹¹⁵ Akibat daripada kecederaan-kecederaan yang dialami itu menyebabkan mangsa terpaksa menanggung kesakitan dan ketidakselesaan anggota sulit yang akhirnya mengakibatkan mangsa menderita untuk satu jangka masa tertentu, bergantung kepada tahap dan jenis kecederaan yang dialami pada bahagian tersebut.

Selain daripada bahagian kemaluan, kesan-kesan kecederaan juga biasa terdapat pada anggota tubuh badan mangsa. Dalam kes-kes di mana mangsa bertindak melawan perogol, kesan atau tahap kecederaannya lebih teruk. Kebiasaannya terdapat kesan-kesan luka, calar, bengkak, lebam dan kesan gigitan pada bahagian badan mangsa termasuk muka. Kesan-kesan tersebut boleh terhasil akibat cengkaman yang kuat, pukulan atau hentakan yang dilakukan oleh perogol. Tindakan-tindakan tersebut dilakukan sama ada dengan menggunakan tangan mahupun benda-benda lain seperti senjata dan sebagainya. Kesan-kesan luka, gigitan, calar dan lebam biasanya di temui pada bahagian muka, bibir dan bahagian dalam mulut, buah dada, bahu, tangan, bawah abdomen, leher, tulang belikat, peha dan punggung mangsa.¹¹⁶ Ada di antara mangsa mengalami kecederaan pada bahagian kepala akibat dipukul dengan objek tumpul atau dihantuk ke permukaan keras seperti dinding, semak yang berbatu, lantai dan sebagainya. Tindakan ini dilakukan bertujuan melemahkan mangsa sebelum

¹¹⁵ Shahrom Abd. Wahid, (1993), *Patologi Forensik*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 327

¹¹⁶ *Ibid.*, m.s. 326-328

penyerang merogolnya.¹¹⁷ Ekoran daripada itu, mangsa bukan sahaja mengalami kecederaan pada bahagian kemaluan yang menjadi sasaran jenayah itu, malahan turut berisiko menderita kesakitan dan kecederaan pada anggota tubuh badannya yang lain. Ada juga kes percubaan rogol yang mengakibatkan kecederaan kepada mangsa. Misalnya terdapat kes di mana dua orang gadis terpaksa terjun dari kereta semata-mata berusaha menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa rogol. Tindakan tersebut pastinya mengakibatkan kecederaan kepada mangsa.

4.2.3.2 Risiko Jangkitan Penyakit Sebaran Seksual

Selain daripada kecederaan-kecederaan yang dialami pada anggota fizikal mereka, mangsa-mangsa rogol juga berhadapan dengan risiko untuk dijangkiti penyakit-penyakit berbahaya. Ini adalah akibat daripada hubungan seksual yang berlaku di antara mangsa dengan perogol. Penyakit-penyakit sebaran seksual (lebih dikenali sebagai *sexually transmitted diseases*, selepas ini ditulis *STD*)¹¹⁸ boleh berlaku jika perogol terdiri daripada orang yang menghidap penyakit-penyakit tertentu. Di antara penyakit-penyakit yang sering ditakuti dan dijangkiti melalui hubungan seksual terdiri daripada penyakit AIDS, Sifilis,¹¹⁹

¹¹⁷ *Ibid.*

¹¹⁸ Iaitu penyakit-penyakit yang berjangkit melalui hubungan seksual. Maklumat lanjut dan terperinci mengenai penyakit-penyakit ini, sila rujuk Rahmat Haroun, (1992), *Sifilis Dan Penyakit Kelamin Lainnya*, Fajar Bakti Sdn. Bhd., m.s. 1-56. Lihat juga B.K. Mandal (et.al), (2004), *Lecture Notes On Infectious Diseases*, Blackwell Publishing, m.s. 155-164.

¹¹⁹ Disebabkan oleh sejenis kuman *Treponema Pallidum*. Tanda-tanda penyakit ini bergantung kepada peringkat-peringkat jangkitan tertentu, antaranya terdapat ruam, kudis atau ulser pada kemaluan. Untuk tempoh masa panjang (20 tahun atau lebih), ia boleh menyebabkan kematian mangsa secara mendadak. Lihat *ibid*.

Gonorrhoea,¹²⁰ radang faraj,¹²¹ herpes kelamin,¹²² *lymphogranuloma venereum (LGV)*,¹²³ dan ketuat kelamin (*genital warts*)¹²⁴ Ada di antara mangsa yang berisiko dijangkiti lebih daripada satu penyakit sebaran seksual.¹²⁵ Akibatnya, mangsa terpaksa menanggung penderitaan akibat penyakit-penyakit tersebut. Dalam hal ini, bantuan perubatan yang diberikan mungkin dapat membantu merawat dan mencegah penyakit-penyakit itu daripada terus memudaratkan mangsa. Seandainya perogol adalah pembawa HIV dan virus itu menjangkiti mangsa, sudah tentu mangsa akan menderita seumur hidup kerana sehingga kini belum terdapat ubat untuk mengubati virus tersebut.

4.2.3.3 *Hamil*

Kesan yang lebih teruk akan dialami mangsa apabila ia hamil akibat perbuatan rogol tersebut. Keadaan ini menyebabkan mangsa terpaksa menghadapi kesusahan dengan mengandungkan anak perogol berkenaan, ditambah lagi sesetengahnya mempunyai risiko dicemuh dan dipinggirkan masyarakat

¹²⁰ Penyakit yang disebabkan oleh sejenis kuman yang dikenali sebagai *Neisseria Gonorrhoea*. Pesakit akan mengalami pedih semasa membuang air kecil serta ketidakselesaan pada bahagian abdomen. Lihat *ibid*.

¹²¹ Penyakit yang disebabkan oleh sejenis kuman *Trichomonas Vaginalis* (TV). Pesakit akan mengalami keputihan yang berwarna kehijauan pada faraj, dan faraj berada dalam kesakitan. Lihat *ibid*.

¹²² Disebabkan oleh virus *Herpes Simplex Virus* (HSV). Terdapat ulser pada alat kelamin dan kawasan sekitarnya. Lihat *ibid*.

¹²³ Penyakit yang disebabkan oleh kuman *Chlamydia Trachomatis* (CT), Lihat *ibid*.

¹²⁴ Penyakit yang disebabkan oleh virus *Human Papilloma Virus* (HPV). Lihat *ibid*.

¹²⁵ WDS Mclay OBE, (1996), *Clinical Forensic Medicine*, Edisi ke-2, London: Greenwich Medical Media, ms. 213

termasuk ahli keluarga sendiri kerana mengandung anak luar nikah.¹²⁶ Selain itu juga, mangsa turut menanggung risiko ditinggalkan pasangan masing-masing kerana pasangan tersebut tidak dapat menerima mangsa dan kandungan berkenaan.¹²⁷ Pasangan mangsa sama ada suami, tunang, atau kekasih biasanya tidak dapat menerima hakikat pasangannya itu telah dirogol dan mengandungkan anak hasil jenayah itu.¹²⁸ Justeru, mereka bertindak meninggalkan mangsa dengan membelakangkan kesukaran yang terpaksa ditanggung oleh mangsa. Akibat daripada situasi ini, sama ada rela ataupun tidak, mangsa terpaksa menjalani kehidupan yang lebih sukar bersama kandungannya secara bersendirian. Lebih malang lagi, jika mangsa tidak mempunyai sebarang sumber kewangan. Sedangkan sumber kewangan amat perlu di dalam memastikan kesihatan mangsa bersama kandungannya berada pada tahap yang baik sepetimana wanita-wanita lain. Tambahan pula, kandungan tersebut bukan atas kerelaan mangsa tetapi hasil daripada perbuatan jenayah yang dilakukan ke atas mereka.

4.2.3.4 *Trauma dan Gangguan Psikologi*

Mangsa rogol kerap kali mengalami sindrom trauma akibat rogol (*Rape Trauma Syndrome* selepas ini ditulis *RTS*) yang kemudiannya mengalami gangguan

¹²⁶ Temubual bersama Pn Ros Aniza bt. Zakaria, *Medical Social Worker (MSW)* di Jabatan Kebajikan Perubatan, Hospital Selayang. Temubual dijalankan pada 24 Februari 2006, jam 12.30 tengah hari hingga 2.00 petang di jabatan berkenaan.

¹²⁷ *Ibid.*

¹²⁸ *Ibid.*

psikologi.¹²⁹ RTS bukanlah suatu penyakit, tetapi ia merupakan suatu tindak balas psikologi mangsa terhadap peristiwa rogol yang dialaminya.¹³⁰ Perkara ini tidak dapat dielakkan lebih-lebih lagi apabila mangsa dirogol secara kekerasan dan mendapat kecederaan teruk pada bahagian-bahagian badannya atau yang melibatkan kes-kes rogol berkumpulan. Perasaan takut, terkejut, rasa bersalah dan pelbagai perasaan lain yang negatif akan timbul dengan sendirinya sama ada secara berterusan atau berulang. Trauma yang berpanjangan juga kerap kali berlaku di kalangan mangsa yang terdiri daripada kanak-kanak. Mangsa juga terpaksa berdepan dengan masyarakat yang menganggapnya sebagai gadis yang sudah ‘rosak’ dan mungkin dihalang daripada berkahwin.¹³¹ Kesannya, mangsa akan berasa tersihih dan dihina. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada gangguan psikologi mangsa. Untuk lebih jelas mengenai tindakbalas-tindakbalas ini, Jadual berikut boleh membantu untuk mengenalpasti dan memahami kesan-kesan yang dialami mangsa rogol:

¹²⁹ <http://www.concentric.net/~Vapl/rape.htm> (akses pada 14 Julai 2007)

¹³⁰ *Ibid.*

¹³¹ *Ibid.*

JADUAL 4.2

Kesan Dan Tindak Balas Terhadap Mangsa Akibat Jenayah Rogol

Bil	Tindak Balas Fizikal, Perasaan dan Lain-lain.	Jenis-jenis Tindak Balas
1.	Tindak Balas Fizikal	<p>Gangguan tidur:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tidur berlebihan, insomnia - Mimpi Ngeri - Gangguan pada perut (<i>stomach aches</i>) - Masalah seksual - Ketagihan dadah/alcohol - Sakit kepala - Teringat kembali kejadian rogol (<i>flashback</i>) - Tangisan yang tidak dapat dikawal <p>Gangguan terhadap selera makan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Selera berkurangan - Makan berlebihan
2.	Tidak balas terhadap perasaan	<ul style="list-style-type: none"> - Rasa bersalah - Marah - Hilang kepercayaan terhadap diri dan orang lain - Takut - Tiada keyakinan diri - Tertekan - Keliru - Malu - Terkejut - Tidak berupaya - Murung - Bimbang
3.	Lain-lain tindak balas	<ul style="list-style-type: none"> - Perubahan personaliti secara mendadak - Mengasingkan diri daripada keluarga dan rakan - Mengasingkan diri daripada masyarakat - Cenderung untuk membunuh diri - Tidak berupaya melakukan aktiviti harian

	<ul style="list-style-type: none"> - Mudah lupa - Dingin terhadap perhubungan dengan orang lain - Gangguan emosi terhadap ahli keluarga, rakan dan individu lain yang mengenali mangsa
--	---

Sumber: <http://www.concentric.net/~Vapl/rape.htm> (akses pada 14 Julai 2005)

Berdasarkan kesan dan tindak balas yang disenaraikan, ia menunjukkan bahawa mangsa rogol akan mengalami pelbagai gangguan fizikal dan mental. Kesan dan tindak balas tersebut seterusnya akan membawa kepada gangguan psikologi atau trauma yang lebih teruk kepada mangsa. Trauma dan gangguan psikologi mengambil masa yang panjang untuk dipulihkan. Ia boleh memberi kesan sehingga seumur hidup.¹³²

4.2.4 Impak Terhadap Keluarga Mangsa

Dalam setiap kes rogol, keluarga mangsa merupakan mangsa sekunder. Ini kerana keluarga mangsa turut menerima kesan buruk akibat jenayah berkenaan. Misalnya tohmahan dan umpat keji yang datang daripada masyarakat sekitar yang mungkin tidak memahami punca dan situasi sebenar kejadian tersebut. Akibatnya, mereka lebih cenderung menyalahkan mangsa dan keluarga mangsa yang tidak dapat menghindari kejadian itu daripada berlaku. Perkara ini sudah tentu menimbulkan perasaan malu dan rendah diri dalam kalangan ahli keluarga

¹³² http://www.healthyplace.com/Communities/Abuse/list/treatment_rape.htm, akses pada 1 Julai 2007

mangsa itu sendiri. Sementara dalam kes-kes di mana mangsa rogol meninggal dunia, impak yang lebih besar akan dirasai oleh ahli keluarga mangsa. Mereka akan mengalami kesedihan dan trauma akibat kematian orang tersayang. Kesedihan akan lebih dirasai apabila mangsa merupakan anak harapan keluarga termasuk anak-anak yang masih kecil. Misalnya kes rogol dan bunuh jurutera komputer, Noor Suzaily bt. Mukhtar (24 tahun) pada 7 Oktober 2000, Nurul Huda bt. Abd. Ghani (10 tahun) pada 17 Januari 2004 dan Siti Syazwani Ahmad Dusuki (9 tahun) pada awal tahun 2005. Begitu juga dalam kes penderaan seksual yang amat tragis terhadap Nurin Jazlin bt. Jazimin (8 tahun) pada September 2007 sehingga menyebabkan kematian kanak-kanak tersebut. Ekoran daripada peristiwa-peristiwa tersebut, keluarga mangsa menghadapi trauma termasuk gangguan kesihatan¹³³ kerana terpaksa menerima kematian mangsa dalam keadaan yang sungguh menyayat hati.

Mengenang kembali tragedi kes rogol dan bunuh Noor Suzaily Mukhtar, mangsa ditemui mati dibunuh dengan kejam selepas dirogol di dalam sebuah bas ekspres yang dinaikinya. Mangsa yang pada ketika itu berumur 24 tahun baru sahaja beberapa bulan mendapat pekerjaan. Mangsa yang berkelulusan akademik luar negara itu sudah pastinya menjadi kebanggaan dan anak harapan bagi keluarganya. Namun, kematianya yang sungguh menyayat hati itu benar-benar meruntun jiwa dan perasaan ahli keluarganya. Meskipun peristiwa itu sudah

¹³³ Lihat laporan akhbar Berita Harian bertarikh 22 September 2007 m.s 7 dan 30 September 2007 m.s 8.

lebih lapan tahun berlalu, namun ibu bapanya masih tidak dapat melupakan kesedihan yang dialami. Sungguhpun perogol yang disabitkan kesalahan merogol dan membunuh mangsa telahpun menjalani hukuman gantung sampai mati pada Disember 2008, namun bapa mangsa mengakui kepuasan hanya dapat dicapai apabila beliau sendiri dapat melaksanakan hukuman gantung ke atas pembunuhan anaknya itu.¹³⁴ Pengakuan ini menggambarkan betapa kesan jenayah rogol yang seterusnya membawa kepada pembunuhan mangsa begitu meninggalkan kesan yang amat memeritkan kepada anggota keluarga mangsa. Walaupun penjenayah telah mati di tali gantung, namun ia belum dapat membayar kesedihan yang pastinya berkekalan ke atas ahli keluarga mangsa.

Dalam pada itu, tragedi kes rogol, liwat dan bunuh kanak-kanak Nurul Huda Abd. Ghani membawa satu kesan trauma yang berpanjangan dan masih kuat dirasai oleh ahli keluarganya.¹³⁵ Walaupun tragedi tersebut telah beberapa tahun berlalu, abang mangsa yang merupakan orang pertama menjumpai mangsa, masih dihantui peristiwa menyayat hati itu. Bayangan tentang keadaan mangsa ketika mula-mula dijumpai masih bermain-main di dalam fikirannya. Keadaan mangsa pada ketika itu terlalu menyediakan lebih-lebih lagi sewaktu ditemui, mangsa masih hidup dalam keadaan ‘nyawa-nyawa ikan’ dan meninggal dunia dipangkuannya. Bayangan tersebut tidak dapat dielakkan lebih-lebih lagi apabila

¹³⁴ Lihat laporan akhbar Sinar Harian bertarikh 21 Disember 2008 m.s. 12.

¹³⁵ Almaswa Che Ros, “Kehilangan Nurul Huda Masih Ditangisi”, *Mingguan Wanita*, bil. 1103, edisi 7-13 Januari 2005, m.s. 40-42

terpaksa melalui jalan di mana terletaknya tempat kejadian itu untuk ke tempat kerja. Sementara ayahnya pula terpaksa bergantung dengan ubat penenang bagi meredakan kesedihan di atas kematian anaknya itu.¹³⁶ Begitu juga dalam kes kematian Nurin Jazlin di mana ahli keluarga mangsa turut mengalami gangguan psikologi dan terpaksa menjalani sesi kaunseling dalam usaha memulihkan tekanan yang dialami.¹³⁷ Pemeriksaan kesihatan juga mendapati kesihatan ahli keluarga mangsa turut terganggu akibat tekanan darah tinggi kesan daripada tekanan tersebut.¹³⁸ Ekoran daripada tekanan peristiwa itu juga, keluarga mangsa mengambil keputusan berpindah daripada kediaman mereka dengan harapan peristiwa itu tidak terus menghantui mereka.¹³⁹ Impak buruk yang berpanjangan yang menimpa anggota keluarga mangsa kes-kes rogol memperlihatkan bahawa kejadian yang berlaku ke atas mangsa tidak boleh dilupakan hanya dengan pelaksanaan hukuman ke atas penjenayah semata-mata. Pelaksanaan hukuman memang memberi keadilan kepada negara keseluruhannya. Namun kesedihan dan trauma yang dialami keluarga mangsa juga perlu diambil perhatian. Keprihatinan terhadap perkara ini boleh dinisbahkan kepada pembayaran pampasan kepada keluarga mangsa rogol. Pampasan ini bukan untuk membayar nyawa mangsa yang sudah tiada atau maruah mangsa dan nama baik keluarga yang telah tercemar, tetapi ia lebih menjurus kepada menjaga aspek kebajikan keluarga yang telah kehilangan mangsa akibat jenayah yang dilakukan ke atas

¹³⁶ Lihat laporan Berita Harian bertarikh 22 September 2007 m.s 7.

¹³⁷ Lihat laporan akhbar Berita Harian bertarikh 30 September 2007, m.s. 8.

¹³⁸ *Ibid.*

¹³⁹ Lihat laporan akhbar Berita Harian bertarikh 23 September 2007, m.s. 9

mereka. Ia lebih bertujuan untuk sedikit sebanyak memulihkan keadaan keluarga mangsa daripada kesedihan yang membayanginya.

4.2.5 Mangsa Tanggung Kos Rawatan Sendiri

Secara kebiasaannya, proses merawat dan memulihkan mangsa memerlukan kos atau perbelanjaan tertentu. Tambahan pula rawatan secara berterusan diperlukan dalam usaha memulihkan mangsa sama ada dari aspek kecederaan fizikal, mental maupun kehamilan. Dalam menjalani rawatan tersebut, kos-kos tertentu terpaksa ditanggung oleh mangsa. Antaranya kos rawatan susulan, sara hidup sepanjang proses rawatan serta pengangkutan yang digunakan.¹⁴⁰ Dari aspek kecederaan fizikal, mangsa memerlukan tempoh tertentu untuk sembah atau pulih. Tempoh ini bermula daripada saat jenayah itu berlaku, seterusnya berlarutan sehingga beberapa bulan atau tahun.¹⁴¹ Tempoh-tempoh tersebut bergantung kepada jenis dan tahap keseriusan kecederaan yang dialami.¹⁴² Dalam perkara ini, sudah tentulah mangsa memerlukan rawatan yang berterusan daripada hospital untuk memastikan kecederaan tersebut dirawat dengan sebaik mungkin. Rawatan berterusan ini bertujuan untuk membolehkan doktor memastikan mangsa tidak mengalami sebarang komplikasi lain yang lebih teruk.¹⁴³ Begitu juga dalam kes-kes di mana mangsa mengalami trauma. Trauma

¹⁴⁰ http://www.nacvcb.org/articles/Overview_prn.html, akses pada 14 Julai 2007

¹⁴¹ http://www.healthyplace.com/Communities/Abuse/isk/treatment_physical.htm, akses pada 1 Julai 2007

¹⁴² *Ibid.*

¹⁴³ *Ibid.*

yang dialami menyebabkan mangsa perlu menjalani rawatan secara psikologi dan kaunseling bagi memastikan tahap kesihatan mental dan emosi berada di dalam situasi yang stabil.

Manakala mangsa rogol yang mengandung akibat jenayah itu pula memerlukan pemeriksaan kesihatan diri dan kandungannya secara berterusan sehingga ke saat mereka melahirkan kandungan tersebut. Ini penting bagi memastikan kesihatan mangsa dan bayi yang dikandungnya sentiasa berada di dalam keadaan yang baik. Apabila anak yang dikandung itu lahir, sudah pasti mangsa memerlukan wang secukupnya untuk menyara anak tersebut. Perkara ini tentunya menambahkan lagi beban yang terpaksa ditanggung oleh mangsa berkenaan lebih-lebih lagi bagi mangsa yang tidak mempunyai sumber pendapatan.

4.2.6 Aspek Tanggungjawab Negara Terhadap Keselamatan Rakyat

Setiap negara mempunyai tanggungjawab dalam memastikan keselamatan, kebijakan dan kesejahteraan rakyatnya. Tanggungjawab negara bukan sekadar mencegah jenayah dan menghukum penjenayah, tetapi juga membela nasib mangsa-mangsa jenayah. Manakala rakyat pula mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi setiap undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Antaranya, termasuklah kewajipan membayar cukai. Tanggungjawab

di antara kedua-dua pihak inilah yang akan menghasilkan sebuah negara yang aman dan rakyat yang prihatin. Keamanan negara dan keprihatinan rakyat inilah yang perlu direalisasikan dalam konteks memberi keadilan kepada mangsa-mangsa perbuatan jenayah.

Dalam usaha menjaga keamanan negara, Malaysia mempunyai pasukan keselamatannya tersendiri. Antaranya, Polis DiRaja Malaysia (selepas ini ditulis PDRM) dan Angkatan Tentera DiRaja Malaysia (selepas ini ditulis ATM). PDRM misalnya, bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan rakyat serta membanteras jenayah yang berlaku di dalam negara. Institusi kehakiman pula bertanggungjawab dalam menghukum pesalah dan memberi keadilan kepada pihak yang berhak. Meskipun aspek-aspek penting dalam membangunkan keadilan sudahpun ada di negara ini, namun Malaysia belum mempunyai satu sistem pampasan yang khusus dalam membela mangsa jenayah (termasuk mangsa rogol). Ini dilihat berdasarkan kebiasaan apabila berlaku jenayah rogol, undang-undang dan negara lebih memfokuskan kepada hukuman terhadap perogol. Setelah mahkamah menjatuhkan hukuman, masyarakat akan ‘senyap’ dan sedikit demi sedikit akan melupakan kes tersebut. Manakala mangsa pula terpaksa meneruskan hidup dengan pelbagai kesan tanpa pembelaan. Sedangkan jenayah tersebut akan terus menghantui mangsa seumur hidup. Jadi, perlu menjadi perhatian semua pihak bahawa tanggungjawab negara bukan sekadar

menghukum perogol, malahan perlu membantu mangsa-mangsa terlibat supaya dapat meneruskan kehidupan yang lebih terjamin kebajikannya.

Signifikannya aspek ini adalah berdasarkan apa yang dimaklumi sebelum ini, negara menerima bayaran cukai daripada rakyatnya. Bayaran cukai tersebut boleh dianggap sebagai lambang kepercayaan rakyat terhadap negara yang didiami. Secara simboliknya juga, rakyat bergantung kepada kerajaan untuk menjaga, mengawasi dan menjamin keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan hidup. Justeru, apabila berlaku jenayah di dalam sesebuah negara, maka negara tersebut boleh dianggap gagal menjalankan tanggungjawab menjaga keselamatan di dalam negaranya.¹⁴⁴ Oleh yang demikian, negara itu perlu turut dipertanggungjawabkan terhadap jenayah yang berlaku. Aspek kebertanggungjawaban ini boleh diterjemahkan dalam satu bentuk pengurniaan pampasan dalam bentuk kewangan kepada mangsa jenayah, selain daripada bentuk-bentuk lain yang sedia ada. Justeru itu, adalah penting bagi sesebuah negara mempunyai skim pampasan tersendiri dalam memberikan jaminan pembelaan ke atas mangsa jenayah. Faktor ini jugalah yang turut memberi satu lagi justifikasi dan kepentingan kewujudan skim pampasan terhadap mangsa jenayah, terutamanya mangsa rogol. Kewujudan skim berkenaan bukan bertujuan membayar pampasan semata-mata, tetapi sebagai membuktikan keprihatinan dan tanggungjawab negara dan masyarakat terhadap mangsa yang tidak berdosa.

¹⁴⁴ Peter Burns, (1992), *Criminal Injuries Compensation*. Edisi ke-2, Canada: Butterworth, m.s. 101

Pampasan yang diberikan itu sekaligus diharapkan dapat mengelakkan mangsa daripada terus berasa tersisih.¹⁴⁵

4.3 Kesimpulan

Justifikasi-justifikasi yang dibincangkan sebelum ini memberikan gambaran jelas betapa wajar dan perlunya pampasan diberi kepada mangsa rogol. Meskipun jumlah pampasan yang diberi tidak dapat mengembalikan mangsa kepada keadaan asal, sekurang-kurangnya ia dapat membantu meringankan beban dan penderitaan yang terpaksa ditanggung mereka. Inilah yang dikatakan penjagaan dan jaminan aspek kebijakan mangsa yang berterusan, tanpa menghadkannya kepada aspek kebijakan lain yang lebih bersifat sementara. Sebaliknya, faktor kebijakan terhadap hari-hari mendatang dalam kehidupan mangsa lebih perlu diberi perhatian. Misalnya, dalam menyediakan kos rawatan yang diperlukan untuk merawat kecederaan yang dialami, selain dapat membantu mereka untuk meneruskan kehidupan pada masa hadapan dengan lebih terjamin. Ia sedikit sebanyak boleh dijadikan bekalan untuk mangsa memulakan kehidupan baru yang lebih menyenangkan, berbanding hidup penuh kesukaran tanpa bekalan kewangan seperti sekarang. Untuk merealisasikan pembelaan berterusan ini, negara ini perlu mewujudkan satu skim pampasan mangsa rogol yang tersendiri. Bukan itu sahaja, malah sistem pampasan yang bakal diwujudkan nanti mestilah satu bentuk skim pampasan yang sistematik. Untuk menjadikannya satu realiti,

¹⁴⁵ *Ibid.*

panduan dan rujukan boleh dibuat terhadap skim-skim pampasan jenayah yang telah dan sedang diamalkan di negara-negara lain. Justeru sebagai panduan, Bab seterusnya ini akan membincangkan mengenai skim-skim pampasan kecederaan jenayah yang diamalkan di negara-negara Barat khususnya yang melibatkan pampasan kepada mangsa rogol.

BAB 5

Skim Pampasan Mangsa Rogol Di Beberapa Buah Negara Barat

5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai skim-skim pampasan yang diamalkan di luar negara. Skim-skim tersebut memperuntukkan pampasan kepada mangsa yang tercedera akibat pelbagai perbuatan jenayah. Pampasan tersebut juga tidak terhad kepada kecederaan yang disebabkan oleh satu bentuk jenayah sahaja. Bagi tujuan kajian ini, perbincangan hanya dikhususkan kepada skim yang menawarkan pampasan kepada mangsa yang mengalami kecederaan akibat jenayah rogol. Untuk lebih jelas mengenai skim ini, penulis telah memilih beberapa peruntukan serta amalan yang ada di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Kanada. Pemilihan ini adalah bersesuaian kerana ketiga-tiga negara tersebut merupakan di antara negara terawal menyediakan skim seumpama itu. Beberapa contoh skim di setiap negara dipilih untuk diketengahkan bagi mewakili negara-negara berkenaan.

5.2 Skim Pampasan Mangsa Rogol Di Beberapa Negara Barat

5.2.1 United Kingdom

United Kingdom mula mewujudkan skim pampasan kepada mangsa jenayah pada tahun 1964. Skim itu yang dikenali sebagai *The Criminal Injuries Compensation Scheme* (selepas ini ditulis sebagai ‘CICS’) diwujudkan melalui

jawapan bertulis Parlimen pada 24 Jun 1964.¹⁴⁶ CICS hanya diperuntukkan di dalam statut secara rasmi pada tahun 1988 melalui *Criminal Justice Act 1988*.¹⁴⁷ Semenjak awal penubuhannya, CICS ditadbir oleh satu lembaga yang dikenali sebagai *The Criminal Injuries Compensation Board*¹⁴⁸ (selepas ini ditulis sebagai ‘CICB’) yang merupakan sebuah badan korporat.¹⁴⁹ CICB bertanggungjawab dalam mentadbir CICS, menilai dan menentukan nilai bayaran serta membuat bayaran pampasan kepada pemohon yang layak.¹⁵⁰ Walaupun selama 24 tahun diwujudkan tanpa autoriti mana-mana statut,¹⁵¹ segala perkara yang melibatkan pentadbiran dan keputusan CICB dalam tempoh tersebut adalah sah.¹⁵² Ini kerana, CICB menjalankan tanggungjawabnya bagi pihak *Crown* atau *Executive Government*.¹⁵³ Oleh itu, mana-mana pihak tidak boleh membawa apa-apa tindakan ke atas CICB mahupun *Crown* sendiri.¹⁵⁴ Pada 1 April 1994, kerajaan telah memperkenalkan satu tarif tetap di bawah skim ini.¹⁵⁵ Tarif tersebut mengandungi nilai-nilai tertentu bagi setiap jenis dan peringkat kecederaan.

¹⁴⁶ David Miers, (1997), *Compensation for Criminal Injuries*, United Kingdom: Butterworth, m.s. 1

¹⁴⁷ *Ibid.* (1997) dan David Miers, (1990), *Compensation For Criminal Injuries*, Butterworth, m.s. 11

¹⁴⁸ David Miers, (1997), *op. cit.*, m.s 1

¹⁴⁹ Seksyen 108 (1), *Criminal Justice Act 1988, Chapter 33 (United Kingdom)*, http://www.legislation.hm80.gov.uk/acts1988/ukpga_19880033_en_8.htm, akses pada 5 Januari 2005

¹⁵⁰ Seksyen 108 (2), *Criminal Justice Act 1988, Chapter 33 (United Kingdom)*, http://www.legislation.hm80.gov.uk/acts1988/ukpga_19880033_en_8.htm, akses pada 5 Januari 2005

¹⁵¹ Bermula pada tahun 1964 hingga 1988. Iaitu sebelum *Criminal Justice Act 1988* di gubal dan berkuatkuasa.

¹⁵² David Miers, (1990), *op. cit.*, m.s. 13

¹⁵³ *Ibid.*, m.s. 11

¹⁵⁴ *Ibid.*, m.s. 13

¹⁵⁵ David Miers, (1997), *op. cit.*, m.s. 1

Terdapat sekurang-kurangnya 186¹⁵⁶ jenis kecederaan disenaraikan di dalam tarif tersebut. Setiap kecederaan dinilai dari serendah £1,000 hingga £250,000.¹⁵⁷

Bagi tujuan mendapatkan pampasan, United Kingdom juga menyediakan beberapa alternatif lain kepada mangsa. Selain daripada CICS, mangsa juga boleh mendapatkan pampasan sama ada daripada tindakan sivil yang dibawa¹⁵⁸, perintah pampasan daripada Mahkamah Jenayah¹⁵⁹ mahupun insurans perseorangan.¹⁶⁰ Di Northern Ireland misalnya, mangsa tidak perlu memohon ganti rugi semasa prosiding jenayah sedang berlangsung.¹⁶¹ Sebaliknya, apabila mahkamah telah mensabitkan pesalah dengan kesalahan tersebut, mahkamah jenayah itu akan memerintahkan pesalah membayar pampasan kepada mangsa.¹⁶²

Perintah ini dijalankan berdasarkan kuasa yang diberi oleh *Criminal Justice Order 1994* (Northern Ireland).¹⁶³ Pampasan berkenaan meliputi mana-mana kecederaan, kerugian atau kerosakan yang dilakukan oleh pesalah. Sekiranya mahkamah tidak membuat perintah tersebut, mahkamah akan diminta untuk

¹⁵⁶ *Ibid.*, (1997)

¹⁵⁷ *Ibid.*, (1997)

¹⁵⁸ Sila rujuk Desmond Greer (1991), *Criminal Injuries Compensation*, Cet. 1, London: Sweet & Maxwell Ltd, para 5.01-5.31.

¹⁵⁹ *Ibid.*, para 5.32-562.

¹⁶⁰ *Ibid.*, para 5.63-5.71.

¹⁶¹ Compensation in Northen Ireland,

http://europa.eu.int/comm/justice_home/ejn/wmp_crime_victim_mir_er.htm, akses pada 5 Januari 2008

¹⁶² *Ibid.*

¹⁶³ *Ibid.*

memberikan alasan mengapa ia tidak berbuat demikian.¹⁶⁴ Ini membuktikan bahawa kerajaan benar-benar serius dalam membela nasib mangsa jenayah di negeri tersebut.

Selain mendapatkan pampasan daripada pesalah, mangsa juga boleh mendapatkan pampasan daripada kerajaan. Di Northen Ireland juga diwujudkan satu skim pampasan yang dikenali sebagai *Northern Ireland Criminal Injuries Tariff Compensation Scheme (2002)*.¹⁶⁵ Skim ini dikendalikan oleh *Compensation Agency* dan boleh dipohon oleh sesiapa yang mengalami kecederaan di negeri itu.¹⁶⁶ Sebelum mengemukakan permohonan kepada *Compensation Agency*, mangsa disyaratkan membuat laporan polis mengenai jenayah yang berlaku.¹⁶⁷ Ini bertujuan untuk mengelakkan daripada unsur-unsur penipuan dalam permohonan tersebut. Keperluan kepada laporan itu dibuat dianggap penting kerana sekiranya tiada laporan, permohonan tersebut akan ditolak.¹⁶⁸ Perkara ini menunjukkan bahawa tidak semua mangsa yang terlibat boleh memohon pampasan ekoran kecederaan yang dialami melainkan telah memenuhi syarat yang ditetapkan.

¹⁶⁴ *Ibid.*

¹⁶⁵ *Ibid.*

¹⁶⁶ *Ibid.*

¹⁶⁷ *Ibid.*

¹⁶⁸ *Ibid.*

Ringkasnya, di Northern Ireland maupun di United Kingdom sendiri, mangsa mempunyai banyak peluang untuk mendapatkan pampasan. Bermula daripada perintah mahkamah yang memerintahkan pesalah membayar pampasan, sehinggalah kepada skim pampasan yang disediakan oleh badan dan agensi tertentu. Walau bagaimanapun, mangsa hanya boleh mendapatkan pampasan daripada satu sumber sahaja. Ini bermakna, jika pampasan yang memadai telah diberikan melalui mahkamah ataupun salah satu skim, mangsa tidak berhak untuk mendapatkan pampasan bagi kecederaan yang sama daripada agensi lain. Sekiranya ini berlaku, mangsa dikehendaki membayar balik jumlah pampasan yang diterima daripada salah satu sumber tersebut.¹⁶⁹

5.2.2 Amerika Syarikat

Setiap negeri di Amerika Syarikat mempunyai akta atau statut tersendiri khusus memperuntukkan mengenai pampasan kepada mangsa jenayah. Di setiap negeri itu juga diwujudkan badan-badan atau agensi khusus yang mengendalikan sebarang bentuk bantuan termasuk memberikan pampasan kepada mangsa.¹⁷⁰ Di North Carolina misalnya, terdapat pusat atau agensi yang menyediakan bantuan serta pampasan kepada mangsa rogol. Antaranya, *Rape Crisis Center of Catawba Country*, *Crossroad Sexual Assault and Response Center*, dan *North Carolina*

¹⁶⁹ *Ibid.*

¹⁷⁰ Senarai badan-badan dan agensi-agensi tersebut boleh diperolehi di Rape/Sexual Assault Crisis Centers, Crisis Centers and State Coalitions, <http://www.smcm.edu/nsm/chemistry/Darlene/SAVIN/SAVIN-home.htm>, akses pada 3 Januari 2008

*Coalition Against Sexual Assault.*¹⁷¹ Selain menyediakan pampasan, fungsi utama agensi-agensi ini juga adalah memberi pelbagai bentuk bantuan kepada mangsa-mangsa rogal misalnya khidmat nasihat dan kaunseling. Dalam hal ini, terdapat dua skim pampasan kepada mangsa. Pertama, *Crime Victims Compensation* dan kedua, *Rape Victims Assistance*.¹⁷² Kedua-dua skim ini selain memberikan perkhidmatan kaunseling kepada mangsa, turut membolehkan mangsa mendapatkan pampasan bagi menampung kos rawatan akibat kecederaan yang dialami. Jika perlu, mangsa juga boleh memohon kedua-dua pampasan itu.¹⁷³

Untuk membolehkan mangsa mendapat pampasan tersebut, kedua-dua skim mensyaratkan mangsa membuat laporan polis. Tetapi, tangkapan atau sabitan terhadap pesalah tidak diperlukan.¹⁷⁴ Kedua-dua skim juga menetapkan tempoh tertentu yang perlu dipatuhi oleh mangsa dalam mendapatkan pampasan itu. Misalnya, *Crime Victim's Compensation* mensyaratkan laporan polis hendaklah dibuat dalam tempoh 72 jam atau 3 hari daripada masa jenayah itu berlaku. Manakala permohonan perlu dibuat dalam tempoh dua tahun daripada masa serangan. Untuk tujuan itu juga, mangsa dikehendaki memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa yang melakukan penyiasatan. Pampasan

¹⁷¹ *Ibid.*

¹⁷² North Carolina Coalition Against Sexual Assault: Victims Compensation Information, <http://www.nccasa.org/Resources/victimscompensation.html>, akses pada 3 Januari 2008.

¹⁷³ *Ibid.*

¹⁷⁴ *Ibid.*

yang diberikan merangkumi bayaran kos rawatan termasuk rawatan oleh jururawat atau ahli psikologi, bil hospital dan ambulans serta kos untuk mengumpul bahan bukti. Mangsa boleh mendapatkan sehingga \$30,000 untuk membayar balik kos rawatan tersebut.¹⁷⁵ Sementara *Rape Victims Assistance* pula tidak mensyaratkan mangsa memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa. Mangsa hanya perlu membuat laporan polis dalam tempoh tiga hari dari masa kejadian dan laporan itu boleh dibuat secara tidak rasmi. Walau bagaimanapun, nama mangsa perlu dikenal pasti untuk tujuan pemberian pampasan itu. Permohonan perlu dibuat oleh pihak yang memberikan rawatan (kebiasaananya pihak hospital) dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh rawatan diberi. Borang permohonan akan diisi dan dihantar kepada *Rape Victims Assistance* oleh pihak hospital itu.¹⁷⁶

Berbeza di Rhode Island, di mana *Criminal Injuries Compensation Act of 1997* (Akta 1997) memperuntukkan permohonan untuk mendapatkan pampasan boleh dibuat melalui wakil perundangan atau peguam.¹⁷⁷ Wakil tersebut boleh membuat permohonan kepada Pejabat Bandahari. Kemudian, Pejabat Bendahari akan menyediakan notis tentang permohonan itu kepada Peguam Negara.¹⁷⁸ Pejabat Bendahari akan memberikan pampasan kepada mangsa menurut

¹⁷⁵ *Ibid.*

¹⁷⁶ *Ibid.*

¹⁷⁷ An Act Relating To Criminal Injuries Compensation,
<http://www.vilin.state.vt.us/publicLaws/law97/law97317.htm>, 5 Januari 2008.

¹⁷⁸ *Ibid.*

peruntukan Akta 1997 yang mana perbuatan jenayah tersebut berlaku di negeri Rhode Island. Pampasan juga boleh diberikan kepada mangsa jenayah yang berlaku di luar negeri itu, di mana mangsa adalah penduduk Rhode Island. Dengan syarat, mangsa tidak memperoleh apa-apa pampasan daripada negeri tempat jenayah tersebut berlaku.¹⁷⁹ Pejabat Bendahari juga tidak akan membayar pampasan yang dipohon melainkan didapati bahawa perbuatan jenayah itu benar-benar berlaku dan kecederaan atau kematian itu adalah akibat daripada perbuatan tersebut.¹⁸⁰ Pampasan akan diberikan sama ada penjenayah itu disabitkan ataupun tidak.¹⁸¹ Amalan pampasan di Amerika Syarikat ini menunjukkan bahawa terdapat sedikit perbezaan prosedur di antara negeri-negeri terlibat. Walaupun kedua-dua negeri (North Carolina dan Rhode Ireland) mensyaratkan laporan polis dibuat, dan dalam tempoh masa yang sama (tiga hari), tetapi cara laporan dibuat dan kerjasama mangsa dengan pihak polis adalah berbeza. Begitu juga dengan pihak yang membantu mangsa dalam membuat sesuatu permohonan pampasan. Ia jelas menampakkan perbezaan di antara kedua-dua negeri terbabit.

¹⁷⁹ *Ibid.*

¹⁸⁰ *Ibid.*

¹⁸¹ *Ibid.*

5.2.3 Kanada

Di British Columbia pula, *Criminal Injury Compensation Act [RSBC 1996] chapter 85*¹⁸² memperuntukkan ‘lembaga’ merujuk kepada Lembaga Pampasan Pekerja (selepas ini dikenali sebagai Lembaga) yang diwujudkan di bawah Akta Pampasan Pekerja. Ini bermakna, Lembaga ini diwujudkan bertujuan memberi pampasan kepada pekerja-pekerja yang menjadi mangsa kepada sesuatu perbuatan jenayah. Menurut Akta yang sama, pampasan akan diberikan kepada mangsa atas sebab-sebab berikut:

1. membiayai perbelanjaan sebenar atau yang munasabah disebabkan oleh kecederaan atau kematian mangsa;
2. kehilangan pendapatan akibat daripada ketidakmampuan mangsa menjalankan pekerjaannya yang disebabkan oleh serangan seksual;
3. kehilangan pendapatan oleh ahli keluarga mangsa akibat kematian mangsa.
4. memberi nafkah untuk menyara anak yang lahir akibat rogol;

¹⁸² *Criminal Injury Compensation Act [RSBC 1996] chapter 85 (British Columbia, Canada)*, http://www.qp.ov.bc.ca/statreg/stat/C/96085_01.htm, 5 January 2008.

5. kesakitan, kesengsaraan, trauma dan gangguan psikologi yang dialami mangsa.

Terdapat beberapa faktor yang diambil kira oleh Lembaga itu sebelum memberikan pampasan kepada mangsa, iaitu:¹⁸³

- (2) dalam menentukan jumlah pampasan, Lembaga mesti menolak:
 - (a) mana-mana jumlah yang telah dibayar oleh pesalah;
 - (b) mana-mana faedah yang diterima atau akan diterima:
 - (i) oleh mangsa terhadap kecederaannya, atau
 - (ii) oleh pemohon terhadap kematian mangsa

Secara tersiratnya, peruntukan ini menjelaskan bahawa mangsa hanya boleh memperoleh pampasan daripada satu sumber sahaja. Tetapi, jika pampasan yang diperolehi daripada sumber tersebut tidak memadai dengan kecederaan yang dialami, mangsa dibenarkan memohon jumlah yang belum mencukupi itu daripada Lembaga tersebut. Ringkasnya, Lembaga hanya akan membayar pampasan sekadar yang patut diterima oleh mangsa. Setiap individu yang menjadi mangsa jenayah ataupun keluarganya boleh memohon untuk

¹⁸³ Seksyen 4 (2) *The Criminal Injury Compensation Act [RSBC 1996] chapter 85 (British Columbia, Canada).*

mendapatkan pampasan.¹⁸⁴ Dalam membuat permohonan kepada Mahkamah, Lembaga mesti dimasukkan sebagai salah satu pihak terhadap tuntutan itu. Sekiranya tindakan tidak dibawa oleh mangsa mahupun keluarganya, maka Lembaga boleh membuat tuntutan itu sama ada menggunakan nama mangsa atau nama Lembaga itu sendiri untuk kepentingan mangsa dan keluarga.¹⁸⁵ Tetapi, tindakan tersebut perlu diberitahu kepada mangsa atau keluarganya terlebih dahulu.¹⁸⁶ Apa yang terdapat di Kanada berdasarkan perbincangan ini merupakan satu contoh yang baik di mana pihak mangsa yang terdiri daripada pekerja-pekerja boleh memohon untuk mendapatkan sejumlah pampasan daripada Lembaga yang diwujudkan khusus bagi tujuan itu di bawah Akta Pampasan Pekerja di negara berkenaan.

5.3 Dana Untuk Mangsa Jenayah

Di Amerika Syarikat, terdapat satu akta di peringkat negara khusus memperuntukkan mengenai pembelaan terhadap mangsa jenayah. Akta tersebut dikenali sebagai *Victims Of Crime Act 1984* (selepas ini ditulis *VOCA*).¹⁸⁷ Akta ini turut memperuntukkan kewujudan sebuah tabung khusus bagi mengutip dana

¹⁸⁴ Seksyen 10 (1), *The Criminal Injury Compensation Act [RSBC 1996] chapter 85 (British Columbia, Canada)*.

¹⁸⁵ Seksyen 10 (3), (4) (a) dan (b), *The Criminal Injury Compensation Act [RSBC 1996] chapter 85 (British Columbia, Canada)*.

¹⁸⁶ Seksyen 10 (5), *The Criminal Injury Compensation Act [RSBC 1996] chapter 85 (British Columbia, Canada)*.

¹⁸⁷ Akta ini diperolehi di <http://www.state.nm.us/cvrc/Word%20documents/VOCAStatute.doc#10602>, akses pada 22 September 2007

untuk diberi kepada mangsa jenayah. Tabung yang dikenali sebagai *The Crime Victims Fund* itu merupakan sumber utama dalam mengendalikan pembelaan kepada mangsa jenayah di negara itu. Sumber utama tabung tersebut diperolehi melalui denda yang dibayar oleh pesalah yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan jenayah, bon jaminan dan penalti.¹⁸⁸ Selain itu, dana tersebut turut diperolehi daripada beberapa sumber yang lain. Antaranya, Pejabat Pendakwaraya, Mahkamah Persekutuan dan Biro Penjara Persekutuan Amerika Syarikat.¹⁸⁹ Bermula tahun 2002 pula, dana itu juga boleh menerima sumber tabungan daripada hadiah (*gift*), wasiat dan derma daripada pihak persendirian.¹⁹⁰ Dengan kata lain, dana tersebut tidak diperolehi daripada bayaran cukai di negara berkenaan.

Memandangkan tabung ini diwujudkan diperingkat persekutuan, maka semua negeri¹⁹¹ di Amerika Syarikat layak menerima deposit daripada tabung tersebut. ini bertepatan dengan niat asal kewujudannya yang bertujuan menggalakkan negeri-negeri di negara itu agar membantu mangsa-mangsa jenayah. Setiap tahun, berjuta-juta dolar didepositkan ke dalam tabung mangsa jenayah di negeri-negeri seluruh Amerika. Walau bagaimanapun, jumlah yang didepositkan itu

¹⁸⁸ Sila Lihat 42 USC § 10601 [Seksyen 1402] (b) (1) – (4), *Victims of Crime Act 1984*.

¹⁸⁹ *Victims of Crime Act Crime Victims Fund*,

<http://www.icjia.state.il.us/public/excel/Attachment/VOCA/VOCA%20Fact%20sheetpdf>, akses pada 22 September 2007

¹⁹⁰ Sila Lihat 42 USC § 10601 [Seksyen 1402] (b) (5), *Victims of Crime Act 1984*.

¹⁹¹ Terdiri daripada 50 buah negeri, District of Columbia, U.S. Virgin Islands, Puerto Rico dan Guam. Sila lihat 42 USC § 10602 [Seksyen 1403] (d) (4), *Victims of Crime Act 1984*.

tidak tetap bagi setiap tahun dan berbeza mengikut negeri-negeri tertentu. Misalnya, 50 buah negeri di Amerika, District of Columbia, U.S. Virgin Islands dan Puerto Rico masing-masing menerima sekurang-kurangnya \$500,000 sebagai amaun asas.¹⁹² Manakala wilayah-wilayah lain seperti Northern Mariana Islands, Guam, American Samoa dan Republic of Palau masing-masing menerima amaun asas sebanyak \$200,000.¹⁹³ Dana tambahan bagi setiap negeri dan wilayah akan diberi mengikut jumlah populasi penduduk.¹⁹⁴

Sebanyak sembilan puluh lima peratus (95%) daripada hasil tabung tersebut diagihkan melalui dua program utama di setiap negeri. Iaitu, sebanyak empat puluh tujuh peratus (47.5%) kepada Program Pampasan Mangsa Jenayah (*Crime Victim Compensation Program*),¹⁹⁵ dan empat puluh tujuh peratus (47.5%) lagi kepada Program Bantuan Mangsa Jenayah (*Crime Victim Assistance Program*).¹⁹⁶ Baki sebanyak lima peratus (5%) lagi diperuntukkan bagi aktiviti demonstrasi projek, latihan, bantuan teknikal, program penilaian, persatuan dan program bantuan lain.¹⁹⁷ Ini bertujuan bagi memperbaiki dan memperkembangkan bantuan dan perkhidmatan kepada mangsa.

¹⁹² Sila lihat 42 USC § 10603 [Seksyen 1404] (a) (5) (A), *Victims of Crime Act 1984*.

¹⁹³ Sila lihat 42 USC § 10603 [Seksyen 1404] (a) (5) (B), *Victims of Crime Act 1984*.

¹⁹⁴ Sila lihat 42 USC § 10603 [Seksyen 1404] (a) (3) (B), *Victims of Crime Act 1984*.

¹⁹⁵ Sila lihat 42 USC § 10601 [Sek. 1402] (d) (4) (A) *Victims of Crime Act 1984*. Lihat juga 42 USC § 10602 [Sek. 1403] akta yang sama.

¹⁹⁶ Sila lihat 42 USC § 10601 [Sek. 1402] (d) (4) (B) *Victims of Crime Act 1984*. Lihat juga 42 USC § 10603 [Sek. 1404] (a) akta yang sama.

¹⁹⁷ Sila lihat 42 USC § 10601 [Sek. 1402] (d) (4) (C) *Victims of Crime Act 1984*. Lihat juga 42 USC § 10603 [Sek. 1404] (c) (1) (A) akta yang sama.

Program pampasan kepada mangsa meliputi ganti rugi kewangan yang dikeluarkan oleh mangsa bagi menampung pembiayaan rawatan. Antaranya termasuk kos perubatan, pengkebumian, kaunseling bagi kesihatan mental serta kehilangan pendapatan dan sokongan.¹⁹⁸ Secara umumnya, jumlah maksimum yang diberikan kepada mangsa antara \$10,000 hingga \$25,000.¹⁹⁹ Program pampasan ini mengkehendaki mangsa membuat laporan polis dalam tempoh tiga hari dari masa jenayah itu berlaku.²⁰⁰ Manakala tuntutan bagi mendapatkan pampasan perlu dibuat dalam tempoh dua tahun dari masa kejadian.²⁰¹ Tetapi, ada juga negeri yang membenarkan tuntutan dibuat walaupun melebihi tempoh itu. Perkara ini hanya boleh berlaku jika mangsa mengemukakan alasan yang munasabah.²⁰² Sekiranya mangsa telah memperoleh sejumlah pampasan daripada pihak lain seperti insurans dan sebagainya, program ini hanya akan membayar pampasan setakat mana yang tidak dibayar oleh pihak tersebut.²⁰³ Sementara program bantuan kepada mangsa pula meliputi penyediaan tempat tinggal sementara, pengangkutan kecemasan, kaunseling, nasihat perundangan dan sebagainya.²⁰⁴ Kesimpulannya, dana yang diwujudkan di peringkat negara ini bertujuan menyediakan peruntukan kewangan kepada program-program

¹⁹⁸ Sila lihat 42 USC § 10602 [Sek. 1403] (b) (1) *Victims of Crime Act 1984*.

¹⁹⁹ *Victims of Crime Act Crime Victims Fund*,

<http://www.icjia.state.il.us/public/excel/Attachment/VOCA/VOCA%20Fact%20sheetpdf>, akses pada 22 September 2007

²⁰⁰ *Ibid.*

²⁰¹ *Ibid.*

²⁰² *Ibid.*

²⁰³ Crime Victim Compensation: An Overview,

http://www.nacvcb.org/articles/Overview_prn.html, akses pada 14 Julai 07

²⁰⁴ Sila lihat 42 USC § 10603 [Sek. 1404] (d) (2) *Victims of Crime Act 1984*.

pampasan dan bantuan kepada mangsa yang diwujudkan di negeri-negeri. Dengan lain perkataan, dana ini merupakan tambahan kepada peruntukan kewangan negeri bagi disalurkan kepada program-program tersebut.

5.4 Nilai Pampasan Bagi Kecederaan Badan Di United Kingdom²⁰⁵

Jadual 5.1 berikut menunjukkan contoh nilai pampasan bagi setiap kecederaan di United Kingdom. Kaedah penilaian di buat berdasarkan kategori-kategori kecederaan yang dialami mangsa.

JADUAL 5.1

Nilai Pampasan Bagi Kecederaan Badan Di United Kingdom

BIL	JENIS KECEDERAAN	NILAI PAMPASAN (£)
1.	<i>Injuries Involving Paralysis</i>	
	<i>a) Quadriplegia</i>	160,000-200,000
	<i>b) Paraplegia</i>	110,000-140,000
2.	<i>Head Injuries</i>	
	<i>A) Brain damage</i>	7,750-200,000
	<i>B) Minor head injury</i>	1,000-6,250
	<i>C) Epilepsy</i>	5,250-75,000

²⁰⁵ Untuk maklumat terperinci mengenai nilai dan kaedah penilaian pampasan di UK, sila lihat The Judicial Studies Board, (2000), *Guidelines For The Assessment of General Damages In Personal Injury Cases*, London: Blackstone Press Ltd., m.s. 5-55

3.	<i>Psychiatric Damage</i>	
	<i>A) Psychiatric damage generally</i>	750-57,000
	<i>B) Post-traumatic stress disorder</i>	2,000-50,000
4.	<i>Injuries Affecting the Sense</i>	
	<i>A) Injuries affecting sight</i>	1,000-200,000
	<i>B) Deafness</i>	3,750-70,000
	<i>C) Impairment of taste and smell</i>	9,500-20,000
5.	<i>Injuries to Internal Organs</i>	
	<i>A) Chest injuries</i>	2,000-75,000
	<i>B) Lung disease</i>	1,000-65,000
	<i>C) Asthma</i>	2,500-33,000
	<i>D) Digestive system</i>	3,250-31,000
	<i>E) Reproductive system: male</i>	3,250-75,000
	<i>F) Reproductive system: Female</i>	5,000-85,000
	<i>G) Kidney</i>	15,500-105,000
	<i>H) Bowels</i>	6,250-75,000
	<i>I) Bladder</i>	12,000-70,000
	<i>J) Spleen</i>	2,100-13,250
	<i>K) Hernia</i>	1,600-12,000
6.	<i>Orthopaedic Injuries</i>	
	<i>A) Neck injuries</i>	3,750-75,000
	<i>B) Back injuries</i>	6,750-85,000
	<i>C) Injuries to the pelvis and hips</i>	6,250-65,000

	<i>D) Shoulder injuries</i>	2,500-9,500
	<i>E) Amputation of arms</i>	47,000-150,000
	<i>F) Other arm injuries</i>	3,250-65,000
	<i>G) Injuries to the elbow</i>	6,500-27,000
	<i>H) Wrist injuries</i>	3,750-30,000
	<i>I) Hand injuries</i>	1,000-100,000
	<i>J) Vibration white finger</i>	2,750-17,000
	<i>K) Work-related upper limb disorder</i>	1,000-11,500
	<i>L) Leg injuries</i>	4,500-140,000
	<i>M) Knee injuries</i>	6,750-47,000
	<i>N) Ankle injuries</i>	6,750-35,000
	<i>O) Achilles tendon</i>	3,750-20,000
	<i>P) Foot injuries</i>	6,750-100,000
	<i>Q) Toe injuries</i>	4,750-28,000
7.	<i>Facial Injuries</i>	
	<i>A) Skeletal injuries</i>	525-18,000
	<i>B) Facial disfigurement</i>	900-48,000
8.	<i>Scarring to Other Parts of the Body</i>	4,000
9.	<i>Damage to Hair</i>	2,000-5,500

Sumber: *The Judicial Studies Board, (2000), Guidelines For The Assessment of General Damages In Personal Injury Cases, London: Blackstone Press Ltd., m.s. 5-55*

Berdasarkan jadual di atas, jelas kepada kita bahawa penilaian jumlah pampasan di United Kingdom dibuat berdasarkan jenis kecederaan tertentu. Penilaian sama ada minimum atau maksimumnya jumlah pampasan itu bergantung kepada tahap keseriusan kecederaan yang dialami. Asas penilaian juga dibuat berdasarkan kesan kecederaan tersebut kepada mangsa untuk jangka masa tertentu, sama ada bersifat sementara atau kekal. Yang jelas, kaedah penilaian ini diwujudkan bertujuan untuk dijadikan panduan dalam mentaksir jumlah pampasan agar selaras mengikut jenis kecederaan dan kesannya terhadap mangsa.

5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perbincangan Bab ini membuktikan bahawa negara-negara Barat telah lama menyediakan pampasan kepada mangsa jenayah di negara masing-masing. Setiap mangsa khasnya mangsa rogol diberi pembelaan yang sewajarnya, bermula daripada pelbagai bentuk perkhidmatan dan bantuan sehingga kepada pemberian pampasan dalam bentuk kewangan. Perbincangan sebelum ini juga menampakkan bahawa terdapat sedikit perbezaan dari sudut prosedur dan cara pampasan diperolehi di negara-negara berkenaan. Namun begitu, perbezaan tersebut bukanlah suatu permasalahan kerana pada dasarnya setiap negara mempunyai matlamat yang sama. Matlamat itu adalah untuk membantu mangsa jenayah ini dengan cara yang lebih berkesan. Ia dilakukan dengan cara menyediakan peruntukan pampasan dalam bentuk kewangan.

BAB 6

Pampasan Kepada Mangsa Rogol Menurut Perspektif Syariah: Cadangan Aplikasinya Di Malaysia

6.1 Pendahuluan

Bab ini secara umumnya akan membincangkan mengenai kedudukan jenayah rogol menurut perspektif Islam. Melalui penelitian yang dibuat terhadap perbincangan-perbincangan para fuqaha', terdapat beberapa istilah berbeza digunakan bagi memberi gambaran perlakuan rogol. Perbincangan Bab ini juga menekankan mengenai dua aspek penting berkaitan pampasan kecederaan jenayah di dalam sistem perundangan Islam. Pertama, peruntukan pampasan terhadap kecederaan secara umum dan kedua, pampasan terhadap kecederaan akibat dirogol. Walaupun fokus utama kajian ini lebih menjurus kepada aspek kedua, namun perbincangan mengenai aspek pertama penting untuk turut dikemukakan. Ini kerana aspek pampasan secara umum merupakan asas dan panduan utama dalam memberikan justifikasi kepada pengiktirafan Islam terhadap pampasan terhadap mangsa rogol. Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan tersebut adalah mengambil kira kesesuaianya dengan situasi dan lokaliti negara ini. Justeru, beberapa aspek perundangan dan prosedur pampasan turut dibincangkan. Ini termasuk aspek-aspek penentuan kadar *diyat* sehingga kepada kaedah penilaian semasa *diyat*. Kadar *diyat* untuk kecederaan rogol ini

ditentukan berdasarkan prinsip "jirāh". Manakala kaedah penentuan nilai semasanya pula berpandukan nilai semasa emas. Sungguhpun begitu, nilai semasa bagi perak turut disertakan.

6.2 Jenayah Rogol Menurut Undang-undang Islam: Isu Istilah

Di dalam perundangan Islam, istilah bagi perbuatan rogol tidak disebutkan secara spesifik di dalam al-Quran mahupun al-Sunnah. Namun demikian, asas kepada hukum perbuatan tersebut boleh diambil daripada pengertian secara umum daripada kedua-dua sumber tersebut. Misalnya Firman Allah yang berikut:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ الْنَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ
بِالْأَنْفِ وَالْأَذْنَ بِالْأَذْنِ وَالسِّنَ بِالسِّنِ وَالجُرُوحَ قِصَاصٌ بِسَمِّ
اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةً لَهُ
وَمَنْ لَمْ تَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢﴾

Terjemahannya:

Dan kami Telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (Al-Taurat) bahwasanya jiwa (dibalas) dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka (pun) ada *qisâs*nya. barangsiapa yang melepaskan (hak *qisâs*) nya, Maka melepaskan hak itu (menjadi) penebus dosa baginya. barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, Maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim.

Surah al-Maidah 5:45

Dan sabda Rasulullah s.a.w.:

كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَعِرْضُهُ وَمَالُهُ

Terjemahannya:

Setiap muslim atas seorang muslim yang lain haram darahnya, kehormatannya dan hartanya.

Riwayat Muslim dari Abu Hurairah²⁰⁶

Dalil-dalil tersebut membawa pengertian umum mengenai kesalahan yang membawa kecederaan kepada anggota badan seseorang manusia yang dilakukan oleh manusia yang lain. Oleh kerana perbuatan rogol juga mendatangkan kecederaan kepada mangsa terutamanya pada bahagian sulit yang turut melibatkan kehormatan diri mangsa dan keluarga, maka perbuatan itu juga merupakan satu kesalahan dan larangan di dalam Islam. Selain daripada pengertian umum kedua-dua sumber tersebut, istilah bagi perbuatan rogol di dalam Islam juga boleh diadaptasikan daripada beberapa istilah lain yang digunakan di dalam perbincangan ulama di dalam kitab-kitab mereka. Gambaran yang diberikan di dalam perbincangan istilah-istilah berkenaan menggambarkan

²⁰⁶ Al- Munzirī (1939), *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. ke-2, Beirut: al-Maktabah al-Islami, m.s. 473

cara dan perlakuan yang membawa kesan yang sama dengan perbuatan rogol pada hari ini. Istilah-istilah berkenaan diterangkan sebagaimana berikut:

6.2.1 *al-Jināyah ‘alā Rakibah al-Mar’ah*²⁰⁷

Perkataan *rakiba* di dalam susunan istilah di atas mempunyai dua cara bacaan yang membawa maksud yang berbeza tetapi berkaitan perkara yang sama. Jika kalimah kaf (ؑ) dibaca dengan baris bawah (*rakibah al-mar’ah*), ia bermaksud menyebutuhi perempuan. Sekiranya kalimah kaf (ؑ) itu dibaca dengan baris atas (*rakahah al-mar’ah*), ia memberi makna faraj wanita. Namun demikian, perbezaan cara bacaan tersebut masih membawa pengertian mengenai perkara yang sama iaitu pelakuan jenayah melalui persetubuhan pada faraj wanita.

6.2.2 *Ifdā’u al-Mar’ah*²⁰⁸

Ifdā’u al-Mar’ah dapat difahami secara umum sebagai perbuatan memasukkan sesuatu ke dalam kemaluan wanita. Perbuatan tersebut adalah dengan menghilangkan penghalang di antara jalan jimak dengan jalan keluarnya air kencing.²⁰⁹ Ini dapat difahami sebagai memecahkan selaput dara perempuan yang masih mempunyai dara. Turut diambil kira dalam hal ini adalah kemasukan

²⁰⁷ Sila lihat Al-Shāfi`ī, Abū ‘Abd Allah Muḥammad Ibn Idris (1993), *Al-Umm*, juz. 6, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, m.s. 97-98.

²⁰⁸ Sila lihat Al-Nawawī, Abū Zakaria Yahyā Ibn Sharif (t.t), *Rawdat al-Tālibīn*, juz. 7, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, m.s. 120-164, m.s. 160.

²⁰⁹ Lihat *ibid.*

yang dibuat terhadap kemaluan wanita janda.²¹⁰ Perbuatan itu sama ada dibuat dengan zakar, jari, kayu atau peralatan lain sehingga menyentuh atau sampai menembusi ke dalam faraj wanita berkenaan.²¹¹ Perbuatan tersebut adalah menyamai elemen ‘kemasukan’,²¹² sebagaimana difahami di dalam jenayah rogol pada hari ini.

6.2.3 *Al-Ikrāh fi al-Zinā*²¹³

Rogol juga mempunyai persamaan dengan perbuatan yang disebut di dalam perundangan Islam sebagai *al-zinā bi al-iqrāh* iaitu zina secara paksaan. Umum sedia maklum bahawa sesuatu perbuatan zina²¹⁴ dikatakan berlaku apabila telah tersentuh atau masuknya *hashafah* (kepala zakar) pada atau ke dalam faraj

²¹⁰ Lihat *ibid.*, m.s. 161.

²¹¹ *Ibid.*, m.s. 160-161.

²¹² Sila rujuk seksyen 375 Kanun Keseksian Malaysia mengenai elemen-elemen kesalahan rogol. Walau bagaimanapun, setakat ini undang-undang Malaysia hanya mengiktiraf perbuatan memasukkan zakar ke dalam kemaluan wanita sebagai rogol. Ini dapat diteliti menerusi kes *Regina lwn. Joseph Lines* (1944) 1 C & K 393 di mana ‘kemasukan’ dikatakan berlaku apabila mana-mana bahagian kemaluan lelaki berada di dalam lingkungan bibir kemaluan perempuan. Dipetik daripada Abd. Aziz Hussin, (1990), *Undang-undang Kesalahan Terhadap Diri: Aspek-aspek Yang Terpilih*. Cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 28

²¹³ Sila lihat Ibn Qudāmah, Abū `Abd Allāh Ibn Aḥmad ibn Muḥammad (1999), *Al-Mughnī*, juz.12, Dar Ḥalām al-Kutub, m.s. 171

²¹⁴ Walaupun perbuatan zina dan *zinā bi al-iqrāh* mempunyai persamaan dari segi berlakunya hubungan secara seksual secara haram, namun kedua-duanya amat penting untuk dibezaikan kerana kedua-duanya membawa kesan perundangan yang berbeza dari segi hukuman kepada pelakunya. Dalam kes zina, hukuman hudud dilaksanakan ke atas kedua-dua pihak lelaki dan perempuan. Manakala dalam kes *zinā bi al-iqrāh*, hudud hanya akan dilaksanakan ke atas satu pihak sahaja iaitu pihak yang memaksa pihak yang satu lagi melakukan zina. Sementara pihak yang dipaksa berzina tidak dikenakan sebarang hukuman. Hukuman terhadap pelaku zina disebut secara jelas di dalam al-Quran, Surah an Nur ayat 2 yang menyatakan hukuman sebat sebanyak seratus kali sebatan ke atas kedua-dua penzina. Untuk lebih jelas mengenai perbezaan kesan perundangan di antara kedua-duanya, lihat seksyen 4 (zina) dan seksyen 6 (*zinā bi al-jabr*) *The Offence of Zina (Enforcement of Hudood) Ordinance 1979 of Pakistan*.

seseorang perempuan yang mana perbuatan tersebut dilakukan tanpa hak.²¹⁵

Walaupun perbuatan zina mempunyai persamaan dengan perbuatan rogol iaitu dengan berlakunya kemasukan secara seksual ke dalam faraj seseorang perempuan, namun terdapat perbezaan ketara di antara kedua-duanya. Dalam perkara ini, faktor kerelaan merupakan perkara penting yang membezakan di antara perbuatan zina dan rogol. Jenayah zina boleh bertukar kepada jenayah rogol apabila kemasukan tersebut dilakukan tanpa kerelaan mangsa. Disebabkan ketiadaan elemen kerelaan inilah, maka perbuatan itu dikategorikan di dalam undang-undang Islam sebagai *al-zinā bi al-ikrāh*.

6.2.4 *Al-Ightiṣāb al-Unthā*²¹⁶

Definisi rogol di dalam Islam boleh juga diperolehi daripada tafsiran secara literal perkataan *Ightiṣāb al-unthā*. Secara umumnya, *Ightiṣāb* bermaksud merampas hak seseorang secara kekerasan tanpa persetujuan mangsa.²¹⁷ Ini juga boleh dinisbahkan kepada perbuatan rogol di mana perbuatan tersebut secara kebiasaannya dilakukan secara kekerasan. Ia juga amat bertepatan dengan maksud perkataan rogol itu sendiri yang difahami secara umum sebagai merampas atau meragut kesucian seseorang perempuan tanpa persetujuannya.

²¹⁵ Yang dimaksudkan dengan persetubuhan tanpa hak adalah di mana perempuan tersebut bukan isterinya yang sah, juga bukan hamba yang dimilikinya. Sila rujuk Paizah Ismail (1996), *Undang-undang Jenayah Islam*, cet. Ke-2, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, m.s. 174 dan 175.

²¹⁶ Sila lihat Mohd Ismail Yunus (2002), “The Application of Islamic Law Relating To Non-Consensual Sexual Offence: A Comparative Study”, *Jurnal Undang-undang IKIM*, vol.6.2:1-38

²¹⁷ *Ibid.*, m.s. 3.

6.2.5 *Hirābah*

Hirābah secara umumnya bermaksud rompakan, perbuatan menakut-nakutkan orang, merampas harta benda secara kekerasan dan memerangi negara.²¹⁸ Jenayah *hirābah* disebutkan secara jelas melalui firman Allah s.w.t di dalam Surah al-Maidah ayat 33:

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ تُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا
أَن يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقْطَعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم مِّنْ خَلْفٍ أَوْ
يُنَفَّوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ حِزْبٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي
الآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Terjemahannya:

Sesungguhnya pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan rasul-Nya dan membuat kerusakan di muka bumi, hanyalah mereka dibunuh atau disalib, atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bertimbal balik, atau dibuang dari negeri (tempat kediamannya). yang demikian itu (sebagai) suatu penghinaan untuk mereka didunia, dan di akhirat mereka beroleh siksaan yang besar.

Surah al-Maidah 5:33

Namun begitu, ada sesetengah ulama mengiktiraf jenayah rogol sebagai salah satu daripada jenayah *hirābah*. Golongan ini memasukkan perbuatan rogol di dalam tafsiran jenayah *hirābah*. Contohnya ulama mazhab Malikī, al-Dasuqi

²¹⁸ Asifa Quraishi, "Her Honor: An Islamic Critique of the Rape Law of Pakistan From a Woman-Sensitive Perspective", <http://www.karamah.org/karamah> akses pada 25 Mac 2007

menyatakan bahawa apabila seseorang memaksa perempuan melakukan hubungan seks secara paksaan, maka perbuatan tersebut dianggap sebagai *hirābah*.²¹⁹ Pendapat ini turut disokong oleh Ibn ‘Arabi, Ibn Ḥazm dan sebahagian ulama Shāfi‘ī, Malikī dan Mujahid.²²⁰ Golongan ini mengiktiraf jenayah rogol sebagai *hirābah* dengan alasan bahawa kesan jenayah rogol adalah lebih besar jika dibandingkan dengan jenayah terhadap harta.

6.2.6 *Zinā bi al-Jabr*²²¹

Pengiktirafan undang-undang Islam terhadap jenayah rogol dapat dilihat secara jelas di dalam sistem perundangan Islam di Pakistan. Peruntukan mengenai jenayah rogol yang diistilahkan sebagai *zinā bi al-jabr* di negara itu terdapat di dalam statut²²² yang berkuatkuasa sejak 1979 sehingga kini. Maksud bagi istilah yang digunakan di dalam peruntukan tersebut secara spesifiknya menjurus kepada perbuatan rogol. *Zinā bi al-jabr* adalah menyamai perbuatan yang distilahkan sebagai rogol di dalam perundangan sivil. Ini kerana kedua-dua istilah (*zinā bi al-jabr* dan rogol) itu membawa pengertian persetubuhan (kemasukan) secara paksaan dan yang tidak diingini oleh mangsa.²²³

Memandangkan istilah-istilah yang dibincangkan ini menepati perlakuan rogol

²¹⁹ *Ibid.*

²²⁰ *Ibid.*

²²¹ Peruntukan mengenai *zinā bi al-jabr* ini diperuntukkan di bawah seksyen 6, *The Offence of Zina (Enforcement of Hudood) Ordinance 1979 of Pakistan*.

²²² *Ibid.*

²²³ Ini termasuk kes-kes rogol statutori di mana walaupun kemasukan itu dilakukan dengan kemahanan mangsa sendiri, namun ia tetap diklasifikasikan sebagai rogol oleh undang-undang ekoran usia mangsa yang tidak memungkinkan ia memberi kerelaan terhadap kemasukan tersebut. Sila lihat peruntukan seksyen 375 Kanun Keseksaan Malaysia.

pada masa kini, yang mana ia turut berlaku pada zaman terdahulu, maka sudah tentu wujudnya hukuman dari segi perundangan Islam ekoran kesalahan tersebut.

6.3 Hukuman Terhadap Perogol Menurut Undang-undang Islam

Rentetan daripada perbincangan istilah-istilah tadi, secara tidak langsungnya juga telah membawa kajian ini kepada beberapa Hadis yang turut menceritakan mengenai kesalahan seumpama rogol pada masa kini, berlaku pada masa lampau. Ini dibuktikan menerusi hukuman-hukuman yang dijatuhkan ke atas pelaku perbuatan itu sendiri. Berpandukan sejarah yang dicungkil daripada Hadis-hadis tertentu, terdapat dua jenis hukuman yang pernah dilaksanakan tehadap perogol. Pertama, hukuman *had* dan kedua, bayaran *mahr*. Bagi hukuman jenis pertama, perogol yang didapati melakukan zina secara paksaan akan dikenakan hukuman sebagaimana hukuman *had* zina. Hukuman *had* bagi kesalahan zina adalah 100 kali sebatan bagi penzina *ghair muhsan* (belum berkahwin) dan direjam sampai mati dikhayal ramai bagi yang *muhsan* (sudah berkahwin). Ketetapan mengenai hukuman ini disebutkan di dalam surah An-Nur Ayat 2 (24:2) seperti berikut:

الَّزَانِيَةُ وَالْزَانِي فَاجْلِدُوْا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذُنُكُمْ
بِهِمَا رَأَفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيَشَهَدَ
عَذَابَهُمَا طَالِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

Terjemahannya:

Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, Maka deralah tiap- tiap seorang dari keduanya seratus dali dera, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah, dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman.

Surah An-Nur 24:2

Sementara ketetapan hukuman berbeza bagi penzina yang sudah dan belum berkahwin terkandung di dalam beberapa Hadis yang turut menyebut tentangnya.²²⁴ Manakala mangsa yang dipaksa berzina tidak dikenakan sebarang hukuman. Ini dibuktikan menerusi Hadis yang menceritakan mengenainya pada zaman Rasulullah s.a.w. Hadis berkenaan antara lainnya menceritakan bagaimana Rasulullah s.a.w menghukum *had zina* ke atas perogol dan sebaliknya melepaskan wanita yang dipaksa berzina dengan lelaki itu tanpa hukuman.²²⁵ Inilah juga yang dinyatakan sebagai *zinā bi-al-jabr* di dalam perbincangan istilah sebelum ini.²²⁶

Walau bagaimanapun, para fuqaha' berselisih pendapat mengenai hukuman dalam bentuk bayaran *mahr* kepada mangsa. Ini kerana *mahr* hanya akan dibayar

²²⁴ Lihat Al-Jundī, Muhammad al-Šahhāt (t.t), *Jarīmat Ightisab al-Ināth fi al-Fiqh al-Islāmī Muqāran bi al-Qānūn al-Wad'i*, Kaherah: Dar al-Nahdat al-'Arabiah, m.s. 249-250.

²²⁵ Al-Bukhārī, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*. Jld. 6, m.s. 254

²²⁶ Hukuman terhadap perogol di Pakistan juga sama dengan hukuman *had zina*. Lihat seksyen 6 (3) *Pakistan's Offences of Zina (Enforcement of Hudood) Ordinance 1979*.

oleh suami kepada isteri yang sah. Tetapi, dalam kes-kes rogol mangsa dirogol oleh lelaki yang bukan suaminya yang sah. Jadi, pendapat pertama menyatakan bahawa bayaran mas kahwin ke atas mangsa rogol tidak perlu. Ini kerana hukuman jenis ini tidak menepati konsep bayaran mas kahwin yang sebenar. Namun, pendapat kedua pula adalah sebaliknya. Hujah golongan ini bahawa persetubuhan yang berlaku dalam kes rogol ini diibaratkan seperti persetubuhan di dalam pernikahan *fasid*, iaitu pernikahan yang tidak sah di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun, ada juga golongan yang menetapkan kedua-dua jenis hukuman, iaitu *had* zina dan juga bayaran *mahr* bagi menghukum perogol.²²⁷

Selain daripada bentuk-bentuk hukuman yang disebutkan tadi, terdapat dua pilihan bagi mangsa bagi menentukan bentuk hukuman terhadap orang yang merogolnya. Perkara ini berlaku pada masa pemerintahan Saidinā ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb, Khalifah Islam kedua. Pilihan yang diberikan kepada mangsa sama ada mereka ingin dikahwinkan dengan perogol yang merogol mereka ataupun sekiranya mereka menolak perkahwinan itu, maka perogol tersebut diperintahkan membayar *mahr* kepada mangsa yang dirogolnya.²²⁸ Justeru itu, pelaksanaan hukuman-hukuman yang dibincangkan tadi telah membuktikan bahawa Islam telah mengiktiraf hukuman dalam bentuk bayaran kewangan

²²⁷ Lihat perbahasan lanjut mengenai perkara ini di dalam Azman Mohd. Noor dan Ahmad Basri Ibrahim, “The Rights of A Rape Victim in Islamic law”, *IIUM Law Journal*. Vol. 16. No. 1, 2008 m.s. 76-79.

²²⁸ Lihat Julie Norman, “Rape Law in Islamic Societies”, Persidangan Tahunan Ke-Enam CSID, Democracy and development: Challenges for the Islamic World pada 22-23 April 2005, Washington, DC.

kepada mangsa rogol. Rentetan daripada pengiktirafan ini, maka hukuman dalam bentuk bayaran *mahr* kepada mangsa rogol pada zaman terdahulu itu sebenarnya boleh ditafsirkan sebagai satu bentuk pampasan yang diberikan kepada mangsa. Ini adalah ekoran daripada jenayah yang dilakukan ke atas mereka. Sehubungan itu, perlu juga dijelaskan tentang konsep pampasan kecederaan jenayah di dalam Islam itu sendiri. Ini kerana pampasan terhadap mangsa rogol di dalam kajian ini adalah berdasarkan peruntukan pampasan kecederaan jenayah yang sedia ada di dalam Islam.

6.4 Bentuk-bentuk Pampasan Kepada Mangsa Rogol Menurut Islam

Peruntukan umum mengenai pemberian pampasan di dalam Islam telah disebut oleh Allah s.w.t menerusi sepotong ayat dari Surah an-Nisa' sebagaimana berikut:

وَمَا كَارَ لِمُؤْمِنٍ أَن يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَأً^١
وَمَن قَتَلَ مُؤْمِنًا
خَطَأً فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَى أَهْلِهِ^٢ إِلَّا أَن
يَصَدِّقُوا^٣

Terjemahannya:

Dan tidak layak bagi seorang mu'min membunuh seorang mu'min yang lain kecuali kerana tersalah (tidak sengaja), dan barangsiapa membunuh seorang mu'min kerana tersalah hendaklah ia

memerdekan seorang hamba yang beriman serta membayar *diyat* yang diserahkan kepada keluarga si mangsa itu kecuali mereka (keluarga mangsa) bersedekah.

Surah an-Nisa' 4: 92

Ayat di atas memberi pengertian bahawa pelaku jenayah perlu membayar sejumlah pampasan yang dikenali sebagai *diyat*. *Diyat* yang difahami secara umum sebagai pembayaran darah dengan wang (*blood-money*) mempunyai dua kapasiti, iaitu sebagai remedi asal dan juga remedi alternatif. Dalam konteks remedi asal, *diyat* diperuntukkan sebagai hukuman bagi kesalahan yang tidak disengajakan oleh pelaku. Sementara bagi kesalahan yang disengajakan pula, *diyat* sebagai remedi alternatif diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan yang mendarangkan kecederaan-kecederaan fizikal atau pembunuhan yang membolehkan hukuman *qisāṣ*²²⁹ dilaksanakan dalam konteks remedi asal. Tetapi, atas sebab-sebab tertentu di mana tidak memungkinkan hukuman *qisāṣ* dilaksanakan, maka *diyat* akan diberikan kepada mangsa dalam kapasitinya sebagai hukuman gantian kepada *qisāṣ*. Misalnya ketiadaan persamaan anggota badan antara pelaku dan mangsa di samping ketiadaan amalan atau pelaksanaan *qisāṣ* di sesebuah negara berkenaan. Kadar bagi satu *diyat* penuh bagi tujuan ini menyamai kadar *diyat* penuh bagi remedi asal, sama ada seratus ekor unta, seribu

²²⁹ *Qisāṣ* merupakan satu bentuk hukuman yang dilaksanakan ke atas pelaku secara setimpal atau persamaan perbuatan dengan apa yang dilakukan secara sengaja ke atas mangsa. Ia dilaksanakan dengan cara, alat dan kadar yang sama digunakan oleh pelaku bagi membunuh atau mencederakan mangsa tersebut. Peruntukan mengenai *qisāṣ* termaktub secara jelas di dalam al-Quran menerusi ayat 45 Surah al-Maidah. Sila rujuk al-Quran al-Karim (Al-Maidah 5:45). Lihat juga Paizah Ismail (1996), *op.cit.*, m.s. 103 dan 107-142 bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai hukuman *qisāṣ*.

dinar atau dua belas ribu *dirham*.²³⁰ Walaupun ayat tersebut tidak menyebut secara terperinci mengenai kaedah pembayaran *diyat* dan siapa yang perlu membayar *diyat*, namun aspek-aspek berkenaan boleh diteliti melalui hadith-hadith tertentu yang boleh dijadikan panduan terhadap amalan pemberian pampasan ini.

Sementara itu, dalam membicarakan tentang pampasan mangsa rogol pula, prinsip "*jirāh*" akan digunakan. Relevannya prinsip "*jirāh*" ini dikemukakan kerana elemen kecederaan yang dialami mangsa rogol adalah menepati elemen "*jirāh*" yang ada di dalam Islam. *Jirāh* difahami sebagai kecederaan yang melukakan anggota badan. Ia terbahagi kepada dua iaitu *jā'ifah* dan *ghaiyr jā'ifah*. Jika luka itu sampai menembusi anggota-anggota yang berongga seperti dada, perut, dubur dan rusuk maka ia termasuk di dalam kategori *jā'ifah*. Turut termasuk di dalam kategori ini adalah faraj wanita sama ada yang masih dara ataupun tidak.²³¹ Ini sesuai dengan keadaan fizikal kemaluan wanita yang juga mempunyai rongga walaupun tidak dinyatakan sebagai contoh anggota berongga

²³⁰ Memandangkan penggunaan wang *dinar* dan *dirham* sebagai medium pembayaran *diyat* lebih praktikal dan efektif pada hari ini berbanding binatang peliharaan, maka *dinar* dan *dirham* akan digunakan sebagai medium pembayaran pampasan kepada mangsa jenayah. Bagi tujuan ini, nilai *dinar* dan *dirham* akan dikira berdasarkan nilai atau harga semasa bagi emas dan perak yang mewakili kedua-dua komoditi tersebut di pasaran. Lihat Siti Zubaidah Ismail, (2005), Kecuaian dan Pampasan Terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-undang Tort Islam, Tesis PhD, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, m.s. 172-183.

²³¹ Walau bagaimanapun terdapat satu pendapat di dalam mazhab Hanbalī yang menyatakan bahawa faraj wanita yang masih dara tidak termasuk di dalam kategori anggota yang berongga. Lihat Ibn Qudāmah, *op. cit.*, m.s. 169.

di dalam mana-mana kitab fiqh.²³² Manakala bagi luka yang tidak mengenai anggota berongga, seperti luka pada leher, tangan dan kaki, ia adalah dibawah kategori *ghaiyr jā'ifah*. Kadar pampasan bagi *jā'ifah* sebagaimana dinyatakan di dalam kitab-kitab fiqh adalah sebanyak satu pertiga *diyat*. Sementara bagi *ghaiyr jā'ifah* pula kadar dan nilai pampasannya berdasarkan *hukūmah*, yang mana ia bergantung kepada budi bicara hakim.²³³ Kaedah penentuan kadar pampasan terhadap "*jirāh*" atau kecederaan fizikal ini dijelaskan secara terperinci melalui sepucuk surat yang ditulis oleh Rasulullah s.a.w. Surat berkenaan kemudiannya diutus kepada seorang Gabenor di Yaman. Isi surat yang diutus kepada Gabenor 'Amru ibn Hazm tersebut adalah seperti berikut:²³⁴

عَنْ آبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
كُتِبَ عَلَى أَهْلِ الْيَمَنِ وَكَانَ كَتَابَهُ أَنَّ مَنْ اعْتَبَطَ مُؤْمِنًا قَاتِلًا فَإِنَّهُ
قَوْدٌ يَدُهُ إِلَّا أَنْ يَرْضِي أَوْلَيَاءَ الْمَقْتُولِ وَفِيهِ أَنَّ الرَّجُلَ يُفْتَأْلُ
بِالْمَرْأَةِ وَفِي النَّفْسِ الدِّيَةُ مِائَةُ مِنَ الْأَيْلِ وَعَلَى أَهْلِ الذَّهَبِ أَلْفُ
دِينَارٍ وَفِي الْأَنْفُسِ إِذَا أُوْعِبَ جَدْعُهُ تَادِيَةٌ مِائَةُ مِنَ الْأَيْلِ وَفِي

²³² Namun demikian, pendapat di dalam mazhab Hanbali itu memberi makna tersirat bahawa pendapat berkenaan tidak menolak bahawa faraj wanita (khususnya yang bukan dara) juga termasuk di dalam kategori anggota berongga. Lihat Ibn Qudāmah, *ibid.*

²³³ Lihat penerangan lanjut mengenai "*jirāh*" di dalam Siti Zubaidah Ismail, *op.cit.*, m.s. 191. Lihat juga Asifa Quraishi, *op.cit.*

²³⁴ Isi surat tersebut adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Nasā'i di dalam perkara al-Qasāmah bāb al-'Uqūl, dipetik daripada Siti Zubaidah Ismail, *op.cit.*, m.s. 158-159. Lihat juga Mohd. Ma'sum Billah (2003), *Shariah Standard of Quantum Damages in Insurance (Third Party Claim): A Handbook For Actuarise and Accountants*, cet.1, Selangor: Ilmiah Publishers, m.s. 19-20

الأَسْنَانِ الدِّيَةَ وَالشَّفَتَيْنِ الدِّيَةَ وَفِي الْبَيْضَاتِينِ الدِّيَةَ وَفِي الْذَّكَرِ الدِّيَةَ
وَفِي الصُّلْبِ الدِّيَةَ وَفِي الْعَيْنَيْنِ الدِّيَةَ وَفِي الرِّجْلِ الْوَاحِدَةِ نِصْفُ
الْدِيَةِ وَفِي الْمَأْمُومَةِ ثُلُثُ الدِّيَةِ وَفِي الْجَائِفَةِ ثُلُثُ الدِّيَةِ وَفِي الْمُنَقَّلَةِ
خَمْسَ عَشَرَةَ مِنْ الْإِبْلِ وَفِي كُلِّ أُصْبِعٍ مِنْ أَصَابِعِ الْيَدِ وَالرِّجْلِ عَشَرَ
مِنْ الْإِبْلِ وَفِي السِّنِّ خَمْسٌ مِنْ الْإِبْلِ وَفِي الْمُوضِحَةِ خَمْسٌ مِنْ
الْإِبْلِ.

Maksudnya:

Abu Bakar r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w telah menulis kepada penduduk di Yaman bahawa seseorang yang membunuh seorang mu'min akan dipertanggungjawabkan ke atas apa yang dilakukan oleh tangannya, melainkan mendapat kemaafan daripada keluarga orang yang dibunuh. Dan seseorang lelaki itu akan dibunuh kerana membunuh seseorang perempuan dan bahawa jiwa (nyawa) seseorang manusia itu nilai diyatnya seratus ekor unta dan pada yang berurusan dengan wang seribu dinar, dan pada hidung yang rompong (dipotong semuanya) satu diyat, dan pada lidah yang dipotong satu diyat, dan pada dua bibir satu diyat, dan pada dua telor zakar satu diyat dan pada zakar satu diyat dan pada tulang belakang satu diyat, dan pada dua mata satu diyat, dan pada satu kaki satu perdua diyat. Luka yang sampai kepada kulit kepala atau sampai ke otak satu pertiga diyat, dan luka yang menampakkan dan menghancurkan tulang hingga berpindah daripadanya ke beberapa tulang lima belas ekor unta. Dan pada tiap-tiap jari daripada anak-anak tangan dan kaki sepuluh ekor unta, dan pada satu gigi lima ekor unta, dan pada luka yang ternampak tulang lima ekor unta.

Petikan surat di atas menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w telah menetapkan prinsip-prinsip penentuan nilai pampasan bagi setiap jenis dan tahap kecederaan

fizikal yang dialami mangsa. Kadar pampasan itu ditentukan berdasarkan jenis-jenis anggota badan yang terdiri daripada anggota tunggal, anggota sepasang dan anggota yang lebih daripada dua. Tahap-tahap kecederaan seperti luka yang membawa kepada peringkat-peringkat tertentu juga menjadi faktor kepada penentuan nilai pampasan. Turut tertera di dalam surat berkenaan juga adalah dua metod pembayaran *diyat*, iaitu unta dan *dinar* (wang emas) yang boleh digunakan sebagai medium pembayaran dalam urusan pemberian pampasan.²³⁵

Jadi, berpandukan prinsip tersebut, maka pampasan kepada mangsa rogol di dalam konteks ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu pampasan terhadap kecederaan utama,²³⁶ kecederaan sampingan dan kematian.²³⁷ Berikut merupakan penerangan mengenai jenis-jenis pampasan yang tersedia untuk mangsa rogol sebagaimana yang telah dibahaskan oleh para fuqaha':

²³⁵ Terdapat juga beberapa hadith lain yang turut memperakui penggunaan *dirham* (wang perak), binatang peliharaan serta pakaian sebagai medium bagi tujuan yang sama. Lihat Bahnasi, Ahmad Fathi (1988), *al-Diyāt fi al-Syāt'ah al-Islāmiyyah*, edisi ke-4. Kaherah: Dar al-Shuruq, m.s. 80. Lihat juga hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Majah daripada Ibn 'Abbas bahawa Rasulullah s.a.w telah menetapkan *diyat* sebanyak dua belas ribu *dirham*, serta hadith riwayat Abu Dawud daripada 'Amru ibn Shu'ayb dari bapanya dari datuknya berkenaan penyelesaian *diyat* yang turut menggunakan binatang peliharaan dan pakaian, dipetik daripada Siti Zubaidah Ismail (2005), *op. cit.*, m.s. 159 dan 163.

²³⁶ Kecederaan yang berbentuk kemasukan diklasifikasikan sebagai kecederaan utama dalam keskes rogol berdasarkan kepentingan elemen ini sebagai faktor utama yang mewujudkan jenayah rogol. Sila rujuk bab 1 dan 3 mengenai peruntukan kesalahan rogol serta kesan-kesan kecederaan akibat rogol.

²³⁷ Sila lihat bab 3 untuk penjelasan mengenai kesan-kesan lain yang dialami mangsa rogol, selain dalam bentuk kemasukan.

6.4.1 Kecederaan Utama

Kecederaan utama yang dimaksudkan di sini ialah kecederaan yang dilakukan ke atas kemaluan mangsa. Kecederaan utama ini adalah 'kemasukan' yang berlaku di dalam kes-kes rogol. Untuk kecederaan utama ini, beberapa bentuk pampasan boleh diperolehi oleh mangsa. Antaranya seperti berikut:

6.4.1.1 *Diyat*

Diyat penuh akan diberikan kepada mangsa rogol akibat berlaku kemasukan ke dalam kemaluannya. Ini berdasarkan perbincangan ulama di dalam perkara *ifḍā’ u al-Mar’ah* yang terdapat di dalam kitab yang ditulis oleh al-Nawawī, Raudat al-Tālibīn. Menerusi perkara tersebut, ada pendapat menyatakan bahawa mangsa berhak memperoleh *diyat* yang sempurna tanpa mengira sama ada kemasukan itu dilakukan dengan menggunakan zakar, jari atau menggunakan benda-benda lain.²³⁸ Ini kerana, perbuatan menceroboh kemaluan mangsa itu telah menghasilkan satu keadaan di mana alat-alat yang digunakan bagi tujuan tersebut telah mendatangkan kerosakan dengan cara kemasukan dan sehingga menembusi ke dalam faraj mangsa.²³⁹ Dalam konteks yang sama juga, Imam Shāfi`ī menerusi perbincangan beliau mengenai *al-Jināyah ‘alā Rakibah al-Mar’ah*, memberikan hak yang sama kepada mangsa untuk memperoleh *diyat* yang sempurna. Alasan beliau, bahawa kemasukan yang dilakukan oleh perogol (lelaki) tidak memungkinkan *qisāṣ* dilaksanakan ke atas perogol kerana ketiadaan

²³⁸ Lihat al-Nawawī , *op. cit.*, m.s. 120.

²³⁹ *Ibid.*

persamaan anggota seksual dengan mangsa (perempuan).²⁴⁰ Justeru itu, *diyat* penuh perlu diberi kepada mangsa sebagai alternatif kepada hukuman *qisāṣ*.

6.4.1.2 Arsh Dan Mahr Mithl

Selain *diyat* penuh, terdapat pendapat lain yang menyatakan bahawa mangsa rogol perlu diberi *arsh* sebanyak satu pertiga *diyat*.²⁴¹ Menurut Ibn Qudāmah di dalam kitabnya al- Mughnī, perempuan yang dipaksa berzina layak di beri satu pertiga *diyat* beserta *mahr mithl* kerana persetubuhan yang berlaku adalah tanpa hak dan tanpa izin perempuan itu.²⁴² Walau bagaimanapun, masih terdapat perbincangan lain mengenai perbezaan pampasan di antara mangsa yang masih dara (*al-bikr*) dan juga janda (*al-sayyīb*). Pendapat pertama menyatakan bahawa mangsa yang masih dara hanya perlu diberi *mahr mithl*²⁴³ tanpa disertai *arsh bakārah* iaitu satu pertiga *diyat* kerana *arsh bakārah* termasuk di dalam *mahr mithl*.²⁴⁴ Sementara bagi mangsa yang bukan dara iaitu janda, mereka perlu diberi *arsh bakārah*. Alasan bagi pendapat ini adalah berdasarkan *mahr mithl* bagi anak dara lebih tinggi berbanding janda.²⁴⁵ Oleh yang demikian, memadai bagi mangsa yang dara diberi pampasan mengikut *mahr mithl*nya sementara janda

²⁴⁰ Lihat al-Syāfi`ī, *op. cit.*, m.s. 97-98.

²⁴¹ *Arsh* ialah pampasan bagi kecederaan yang tidak sampai jumlah pampasan satu *diyat*. Jumlah *arsh* yang minimum adalah satu perduapuluh daripada kadar *diyat* penuh. Lihat perbincangan mengenai *arsh* ini di dalam Siti Zubaidah Ismail, *op. ci.*, m.s. 152.

²⁴² Ibn Qudāmah, *op. cit.*, m.s. 171-172.

²⁴³ *Mahr mithl* adalah mas kahwin yang ditentukan berdasarkan adat setempat atau mengikut kebiasaan mas kahwin ahli keluarga perempuan yang bakal dinikahi. Jumlahnya adalah berbeza di setiap tempat mengikut amalan bagi setiap suku, kaum, negeri atau negara tertentu.

²⁴⁴ Ibn Qudāmah, *op. cit.*

²⁴⁵ *Mahr mithl* bagi janda biasanya separuh daripada *mahr mithl* anak dara. Lihat Ibn. Qudāmah, *ibid.*

diberi *arsh* sebanyak satu pertiga diyat. Sementara pendapat kedua pula membenarkan mangsa sama ada anak dara atau janda diberi kedua-duanya²⁴⁶

6.4.2 Kecederaan Sampingan

Berdasarkan perbincangan di dalam bab tiga kajian ini, selain daripada kecederaan dalam bentuk kemasukan, kecederaan-kecederaan lain juga biasa ditemui pada anggota badan mangsa. Ini termasuklah kesan yang zahirnya dapat dilihat atau sebaliknya, juga kesan-kesan untuk jangka masa panjang. Bagi kecederaan lain selain daripada kemasukan, mangsa juga akan diberi pampasan yang setimpal dengan kecederaan yang diperolehi akibat dirogol. Kecederaan-kecederaan yang dimaksudkan adalah termasuk di dalam kategori-kategori *darar ḥakīkī, ma’nawī, mālī* dan juga *mustaqbal* sebagaimana yang akan diterangkan di selepas ini.²⁴⁷ Ia memberikan justifikasi dan hak kepada mangsa untuk memperoleh pampasan mengikut jenis, bentuk dan tahap kecederaan anggota badannya. Ia tertakluk di bawah kategori sama ada *diyat, arsh* atau *ḥukūmah* yang juga merupakan alternatif kepada pampasan kecederaan fizikal.²⁴⁸

Manakala bagi kecederaan yang tidak tersenarai di dalam mana-mana kategori tersebut, *ta’zīr* boleh diaplikasikan oleh para hakim. Prinsip ini boleh digunakan

²⁴⁶ Lihat *ibid.*

²⁴⁷ Sila rujuk perbincangan mengenai perkara-perkara berkenaan pada mukasurat 125-129 Bab ini.

²⁴⁸ Lihat perbincangan terperinci mengenai kategori-kategori pampasan ini di dalam Siti Zubaidah Ismail (2005), *op. cit.*, m.s.148-155.

bagi menentukan jumlah pampasan yang sepatutnya kepada mangsa. Misalnya dalam kes-kes rogol di mana mangsa adalah anak dara. Dalam kes-kes berkenaan, koyakan pada selaput dara yang disebabkan elemen kemasukan oleh perogol akan menyebabkan fungsi dan manfaat anggota berkenaan hilang untuk selama-lamanya. Apatah lagi selaput dara berkenaan berfungsi sebagai lambang keperawanan mangsa. Apabila 'kemasukan' berlaku, maka secara sendirinya selaput tersebut akan mengalami koyakan dan 'rosak'. Perkara ini sudah tentunya memberi kesan psikologi yang buruk ke atas diri mangsa. Meskipun kehilangan fungsi selaput dara tidak tersenarai di dalam kategori *diyat*, *arsh* mahupun *hukūmah*, namun anggota berkenaan juga merupakan anggota tunggal yang dimiliki mangsa di mana tiada ganti bagi mengembalikan selaput berkenaan. Ia juga merupakan 'harta' paling berharga yang dikaitkan dengan maruah dan kehormatan diri seseorang perempuan.²⁴⁹ Justeru, dalam menentukan nilai pampasan tersebut, hakim boleh mengambil prinsip *qiyās* iaitu menyamakan jenis anggota terlibat, nilai pampasannya serta bentuk dan tahap kecederaan yang dialami, dengan apa yang sedia ada di dalam peruntukan *diyat*, *arsh*, *hukūmah* juga *ta'zīr*.

²⁴⁹ Kerana ia adalah lambang kesucian seorang gadis yang perlu dipelihara sehingga perkahwinnya dan hanya suaminya yang sah layak memilikinya. Ia juga akan menentukan maruah perempuan berkenaan dan keluarganya dihormati dan tinggi pada pandangan mata masyarakat. Kehilangan selaput berkenaan sebelum perkahwinan apatah lagi disebabkan oleh jenayah rogol boleh merendahkan nilai diri dan menjatuhkan maruah perempuan berkenaan sekeluarga.

6.4.3 Kematian

Bagi kes-kes rogol yang mengakibatkan kematian mangsa, keluarga atau waris mangsa berhak memperoleh pampasan sebanyak satu *diyat* penuh. Ini boleh dilihat daripada dalil-dalil yang dikemukakan sebelum ini di mana jenayah yang melibatkan nyawa, pampasannya adalah satu *diyat*. Namun, jika penjenayah telah dijatuhkan hukuman mati, maka pampasan tidak perlu lagi diberikan kepada keluarga mangsa. Ini kerana, peranan *diyat* atau pampasan disitu adalah sebagai hukuman alternatif kepada penjenayah di mana keluarga mangsa telah memaafkan jenayah tersebut. Sungguhpun begitu, dalam konteks hari ini tidaklah menjadi kesalahan sekiranya keluarga mangsa diberikan pampasan di atas kematian mangsa. Sebaliknya, pampasan yang diberikan ini lebih berfungsi sebagai penawar kesedihan di kalangan ahli keluarga mangsa. Alternatif ini boleh diketengahkan atas dasar hukuman secara *ta'zīr*.

6.5 Aspek-aspek Yang Dinilai Dalam Penentuan Jumlah Pampasan

Sebelum kadar dan jenis pampasan ditentukan, kesan-kesan jenayah yang dilakukan terhadap mangsa perlu dikenalpasti terlebih dahulu. Kesan atau akibat sesuatu jenayah itu juga merupakan suatu *darār* yang terpaksa dialami mangsa akibat jenayah yang dilakukan terhadapnya. *Darar* dalam maksudnya yang luas boleh ditemui sama ada dalam bentuk *ḥakīkī*, *ma`nawī*, *mālī* dan juga *mustaqbal*. Berikut diterangkan secara ringkas mengenai keempat-empat bentuk *darār* berkenaan:

6.5.1 Darar Hakīkī

Secara umumnya, *darar hakīkī* adalah *darar* yang dapat dilihat secara jelas dengan mata kasar. Ia boleh dilihat dalam bentuk kecederaan fizikal yang biasanya dialami oleh mangsa sesuatu perbuatan jenayah. *Darar hakīkī* boleh terdiri dalam bentuk kecederaan yang meninggalkan kesan atau parut kekal dan boleh juga dalam bentuk yang tidak meninggalkan kesan yang kekal. Para ulama telah mengklasifikasikan bentuk-bentuk kecederaan pertama kepada empat kategori utama. Klasifikasi bentuk-bentuk kecederaan tersebut adalah seperti berikut, iaitu:²⁵⁰

- a) Kecederaan muka dan kepala (*shijāj*)
- b) Kecederaan badan sama ada berbentuk luka yang sampai ke rongga (*jā'ifah*) atau luka yang tidak sampai ke rongga (*ghaiyr jā'ifah*)
- c) Kehilangan sebahagian anggota dan sendi (*ibānah al-a'qā' wa al-attrāf*)
- d) Kehilangan fungsi dan manfaat sebahagian anggota badan.

Sementara kesan-kesan seperti lebam, bengkak, calar, kesakitan dan lain-lain kesan selain bentuk yang pertama adalah termasuk di dalam *darar hakīkī* bentuk kedua iaitu yang bersifat sementara.

²⁵⁰ Sila lihat perbincangan lanjut mengenai klasifikasi bentuk-bentuk kecederaan ini di dalam Siti Zubaidah Ismail (2005), *op. cit.*, m.s. 184-192

6.5.2 *Darar Ma`nawī*

Darar ma`nawī merupakan kategori bagi kecederaan-kecederaan yang sukar dilihat dengan mata kasar. Ia lebih berbentuk abstrak dan hanya dirasai oleh mangsa itu sendiri. Malahan ada di antaranya amat memerlukan penelitian dan penjelasan daripada pakar-pakar yang berkenaan. Misalnya penyakit-penyakit psikiatri atau trauma. Penyakit-penyakit ini adalah hasil daripada gangguan psikologi, kesakitan dan penderitaan, kehilangan kemudahan dan keseronokan hidup seperti gangguan tidur, selera makan dan sebagainya. Walaupun perkara ini tidak mendapat pengiktirafan terutamanya di kalangan fuqaha' tradisional²⁵¹ kerana ia tidak meninggalkan kesan yang jelas dan kadar pampasananya sukar ditentukan, namun ada di kalangan fuqaha' moden²⁵² yang membolehkan mangsa yang mengalami *darar ma`nawī* ini diberi pampasan. Manakala nilai dan kadarnya pula ditentukan berdasarkan pertimbangan mahkamah menerusi prinsip *ta`zīr*.

6.5.3 *Darar Mālī*

Darar mālī atau *darar* yang berbentuk kehilangan harta dan kewangan juga merupakan satu justifikasi dalam pemberian pampasan kepada mangsa jenayah.

²⁵¹ Antaranya Imam Shāfi`ī. Sila lihat al-Shāfi`ī (1990), *al-'Umm*, *op.cit.*, m.s. 109 dalam perbincangan mengenai *al-hukūmah* di mana dia nyatakan bahawa pukulan atau kecederaan yang tidak meninggalkan kesan tidak termasuk di dalam *al-hukūmah*.

²⁵² Antaranya seperti al-Zuhayli, Abu Yūsuf, ibn Taymiyyah serta Ibn Qayyim. Sila lihat Al-Zuhayli, Wahbah (1998), *Nazariyyah al-Damān aw Aḥkām al-Mas'ūliyyah al-Madaniyyah wa al-Jinā'iyyah fī al-Fiqh al-Islāmī: Dirāsah Muqāranah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'assir, m.s. 23 dan 25, dipetik daripada Siti Zubaidah Ismail (2005), *op.cit.*, m.s. 196.

Ini termasuklah segala perbelanjaan yang terpaksa dikeluarkan oleh mangsa atau keluarganya bagi merawat kesan-kesan luka, calar, lebam dan bengkak, rawatan jangka masa panjang bagi merawat penyakit-penyakit yang dijangkiti serta kos-kos lain yang digunakan. Antaranya seperti perbelanjaan semasa tempoh hamil sehingga semasa dan selepas bersalin serta kos untuk menyara anak yang terhasil akibat jenayah rogol. Selain itu, para sarjana Islam juga turut membenarkan pampasan ke atas kos rawatan meskipun ia hanya bertujuan merawat kesakitan semata-mata.²⁵³ Golongan ini beralasan bahawa kesakitan itu juga dirasai hasil daripada kecederaan akibat jenayah yang dilakukan ke atas mangsa.²⁵⁴

6.5.4 Darar al-Mustaqbal

Darar al-mustaqbal ialah *darar* yang berbentuk mendatang iaitu kerugian atau kehilangan masa hadapan yang dialami mangsa akibat daripada jenayah yang dilakukan ke atasnya. Kehilangan masa hadapan boleh difahami secara ringkasnya sebagai kehilangan punca pendapatan atau potensi masa hadapan yang terpaksa dilalui oleh mangsa ekoran kehilangan kapasiti bekerja dan sebagainya. Situasi-situasi yang dinyatakan di atas juga akan melayakkan mangsa memperoleh sejumlah pampasan sebagai ganti rugi di atas kerugian tersebut. Walaupun perkara ini tidak dipersetujui oleh ramai fuqaha', namun masih terdapat pendapat minoriti daripada kalangan mereka yang mengiktiraf

²⁵³ Sila lihat Siti Zubaidah Ismail, *op.cit.*, m.s. 194.

²⁵⁴ *Ibid.*

pampasan sedemikian. Perkara ini boleh dipraktikkan menerusi peruntukan *hukumah* dan *ta'zir* yang sedia ada di dalam sistem perundangan Islam.

6.6 Penentuan Kadar *Diyat* Menerusi Nilai Semasa *Dinar* dan *Dirham*

Dalam situasi sekarang, pampasan dalam bentuk kewangan dilihat sebagai alternatif terbaik untuk membantu memulihkan keadaan mangsa rogol. Bagi merealisasikan keadilan kepada mangsa, peruntukan pampasan dalam bentuk *diyat* yang menggunakan *dinar* (emas) atau *dirham* (perak) boleh dijadikan medium terbaik bagi menggantikan penggunaan unta sebagai medium pembayaran *diyat*. Selain daripada faktor kestabilan harga kedua-dua komoditi tersebut, penggunaan *dinar* dan *dirham* dilihat paling sesuai memandangkan unta hanya mempunyai nilai tukaran yang praktikal di beberapa negara²⁵⁵ tertentu sahaja. Justeru, pembayaran pampasan atau *diyat* dengan menggunakan kedua-dua medium berkenaan adalah paling sesuai untuk diaplikasikan berbanding unta.

Memandangkan nilai emas dan perak sentiasa berubah-ubah mengikut perubahan ekonomi dunia, maka penggunaan kedua-dua medium tersebut dalam urusan *diyat* juga perlu dikira berdasarkan nilai semasa. Nilai semasa itu perlu dikira bermula daripada harga bagi setiap keping dinar dan dirham yang akan digunakan. Oleh kerana kedua-duanya mempunyai timbangan berat yang tetap

²⁵⁵ Terutamanya negara-negara di Timur Tengah seperti Arab Saudi dan lain-lain. Lihat *ibid.*, m.s. 170.

dan tersendiri seperti yang telah ditentukan,²⁵⁶ maka nilai bagi setiap keping *dinar* bagi seribu keping *dinar* dan dua belas ribu *dirham* perlu dikira berasaskan nilai bagi setiap gram emas dan juga perak.²⁵⁷ Sebagai contoh, satu dinar mempunyai 4.25 gram emas 22 karat (emas 916) dan satu dirham pula mempunyai 2.97 gram (atau 3 gram) perak. Harga bagi setiap gram emas di Malaysia pada 6 Mei 2009 adalah sebanyak Ringgit Malaysia satu ratus dua dan dua puluh sen (RM102.40/gram). Manakala harga bagi tiga gram perak adalah lima ringgit (RM5.00/3 gram). Berdasarkan harga bagi setiap gram emas yang dinyatakan tadi, maka harga bagi satu *dinar* adalah sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus tiga puluh lima dan dua puluh sen (RM435.20/dinar) dan akan mencecah sebanyak RM435,200.00 bagi seribu *dinar*. Sementara harga bagi dua belas ribu *dirham* pula sebanyak RM60,000. Walau bagaimanapun, jumlah *diyat* ini tidak semestinya tetap dan akan sentiasa berubah mengikut nilai semasa emas dan perak. Kaedah dan formula pengiraan nilai semasa emas dan perak bagi seribu *dinar* dan dua belas ribu *dirham* ditunjukkan di dalam Jadual 6.1. Sementara Jadual 6.2 pula menunjukkan model kuantum pampasan kepada mangsa rogol di Malaysia yang boleh diaplikasikan berdasarkan peruntukan undang-undang Islam.

²⁵⁶ Maklumat lanjut sila lihat Siti Zubaidah Ismail, *ibid.*, m.s. 177-179.

²⁵⁷ Formula yang sama juga digunakan di dalam kajian sebelum ini. Yang berbeza hanyalah nilai semasa bagi *dinar* dan *dirham* yang digunakan oleh pengkaji berkenaan. Sila rujuk Siti Zubaidah Ismail, *ibid.*, m.s. 179-180 yang mana nilai bagi satu gram emas adalah RM56.48 dan seribu dinar bernilai RM240,070, manakala harga bagi satu dirham adalah RM5.00 dan sepuluh ribu dirham pula bernilai RM50,000 sehingga Jun 2004.

Jadual 6.1
Formula Pengiraan Nilai Semasa Diyat

Kadar Dijat	Formula Pengiraan	Nilai Semasa
1,000 dinar	$1 \text{ dinar} = 4.25 \text{g emas 916}$ $1 \text{g emas} = \text{RM}102.40^*$ $1 \text{ dinar} = 4.25 \text{g} \times \text{RM}102.40 = \text{RM}435.20$ $1000 \text{ dinar} = 4.25 \text{g} \times 1000 = 4250 \text{g}$ $1000 \text{ dinar} = 4250 \times \text{RM}435.20$ $= \text{RM}435,200.00$	RM435,200.00
12,000 dirham	$1 \text{ dirham} = 3 \text{g perak}$ $3 \text{g perak} = \text{RM}5.00$ $12,000 \text{ dirham} \times \text{RM}5.00$ $= \text{RM}60,000.00$	RM60,000.00

* harga pasaran pada 6 Mei 2009²⁵⁸

Jadual 6.2
Model Kuantum Pampasan Kepada Mangsa Rogol

Jenis Kecederaan/Kematian	Kadar Dijat/Pampasan	Nilai Semasa (Dinar)
Kes-kes kematian mangsa	1 <i>dijat</i> penuh	RM435,200.00
Kecederaan utama: - ‘Kemasukan’	1 <i>dijat</i> penuh	RM435,200.00

²⁵⁸ Sumber adalah daripada Kedai Emas Amran Ariffin, Kota Bharu, Kelantan. Temubual menerusi panggilan telefon pada 6 Mei 2009 jam 2.30 petang.

Kecederaan lain pada anggota badan:		
1. Luka <i>Jā'ifah</i> <i>Ghaiyr jā'ifah</i>	1/3 <i>diyat</i> <i>Hukūmah `adl</i>	▪ RM145,66.66 < RM21,760.00
2. Patah mana-mana anggota badan	1/10 <i>diyat @</i> <i>Hukūmah @</i> <i>Ta `zīr</i>	RM32,510.00 < RM21,760.00 Budi bicara mahkamah
3. Calar	<i>Hukūmah @</i> <i>Ta `zīr</i>	< RM21,760.00 Budi bicara mahkamah
4. Bengkak	<i>Hukūmah @</i> <i>Ta `zīr</i>	< RM21,760.00 Budi bicara mahkamah
5. Lebam	<i>Hukūmah @</i> <i>Ta `zīr</i>	< RM21,760.00 Budi bicara mahkamah
Tindak balas-tindak balas negatif terhadap anggota fizikal, perasaan dan lain-lain ²⁵⁹ termasuk trauma dan gangguan psikologi	<i>Hukūmah @</i> <i>Ta `zīr</i>	< RM21,760.00 Budi bicara mahkamah
Kos-kos: ²⁶⁰		
1.Pengkebumian	<i>Ta `zīr</i>	Budi bicara mahkamah
2.Rawatan ²⁶¹	<i>Hukūmah @</i> <i>Ta `zīr</i>	< RM21,760.00 Budi bicara mahkamah

²⁵⁹ Contoh-contoh tindak balas ini seperti yang terdapat di dalam Jadual 4.2 Bab 4. Sila rujuk m.s. 75-76 di dalam Bab 4.

²⁶⁰ Berdasarkan kos sebenar yang digunakan bagi tujuan-tujuan berkaitan, sama ada dibuktikan menerusi bil-bil hospital atau adat kebiasaan setempat.

²⁶¹ Termasuk pengangkutan pergi balik ke hospital, bil hospital, ubat-ubatan, sara hidup sepanjang di hospital dan lain-lain yang berkenaan seperti yang dibincangkan di dalam Bab 4 sebelum ini.

3. kos-kos sepanjang tempoh mengandung sehingga melahirkan anak	<i>Hukūmah @ Ta'zīr</i>	< RM21,760.00 Budi bicara mahkamah
4. Nafkah anak hasil rogol	<i>Hukūmah @ Ta'zīr</i>	< RM21,760.00 Budi bicara mahkamah
Kehilangan potensi diri ²⁶²	<i>Ta'zīr</i>	Budi bicara mahkamah

Berdasarkan Jadual 6.1 yang ditunjukkan sebelum ini, ia telah membuktikan bahawa kadar dinar dan dirham semasa wajar dijadikan kayu ukur dalam setiap penilaian pampasan kecederaan mangsa sesuatu jenayah. Manakala Jadual 6.2 pula turut membuktikan bahawa setiap kecederaan yang dialami mangsa akibat dirogol boleh diberikan pampasan. Kecederaan-kecederaan yang disenaraikan itu merupakan kecederaan yang biasa ditemui sama ada pada anggota fizikal mangsa maupun dalam bentuk-bentuk kecederaan yang lain. Aspek-aspek penilaian dan penentuan kecederaan di dalam Jadual 5.2 itu sebenarnya menepati aspek-aspek yang tersenarai di dalam jadual pampasan kecederaan jenayah yang ada di United

²⁶² Jumlah pampasan dikira berdasarkan amalan sedia ada di negara ini menerusi undang-undang tort.

Kingdom.²⁶³ Apapun juga jenis kecederaan itu, ia secara automatiknya melayakkan mangsa menuntut pampasan tersebut.

6.7 Sumber Kewangan Pampasan Mangsa Rogol Di Malaysia

Dalam usaha merealisasikan hasrat untuk mewujudkan sistem pampasan mangsa robol di negara ini, perhatian perlu diberi kepada isu sumber kewangan yang akan digunakan untuk membuat pembayaran pampasan kepada mangsa robol. Sumber pertama sudah tentu daripada harta atau wang yang dimiliki oleh perogol berkenaan. Jika perogol adalah daripada golongan orang yang berharta, maka tidak wujud sebarang masalah dalam menjelaskan pampasan itu. Tetapi, masalah akan timbul sekiranya perogol terdiri daripada golongan yang tidak berkemampuan atau tidak mempunyai pendapatan.²⁶⁴ Dari segi jangka panjangnya pula, perlu ditegaskan di sini bahawa kewajiban atau liabiliti utama masih perlu diletakkan kepada perogol meskipun mereka daripada golongan yang tidak berkemampuan. Maksudnya, walaupun perogol telah dikenakan hukuman penjara, dia dimestikan melakukan kerja di dalam penjara yang mana hasilnya diberikan kepada mangsa. Dengan kata lain, walaupun pada asalnya perogol tidak mampu, dia masih perlu mencari jalan untuk membayar pampasan kepada mangsa. Ini kerana, kita tidak mahu perogol lepas tangan apabila telah dihukum. Untuk memastikan keadilan terhadap mangsa direalisasikan dengan kadar segera,

²⁶³ Sebagaimana telah dibincangkan di dalam Bab 5 sebelum ini. Lihat jadual pampasan kecederaan jenayah di United Kingdom pada Jadual 5.1 di dalam Bab 4, ms. 100-102.

²⁶⁴ Kerana dalam kes-kes yang pernah dilaporkan, perogol adalah terdiri daripada penganggur atau yang tidak begitu berkemampuan.

peranan negara dan masyarakat negara ini yang terkenal dengan aspek keprihatinannya boleh membantu. Disebabkan faktor ini, maka satu alternatif lain terhadap sumber kewangan pampasan ini perlu didaptasikan. Untuk itu, satu tabung khas perlu diwujudkan khusus bagi menyediakan satu alternatif berkenaan pampasan mangsa rogol negara ini. Sumber-sumber bagi tabung berkenaan boleh diambil daripada bayaran denda, saman dan kompaun yang dibayar oleh pesalah sesuatu peraturan atau undang-undang. Jika difikirkan secara logiknya, bayaran daripada item-item tersebut boleh menghasilkan satu jumlah yang besar. Jika diamati secara mendalam, kita akan terfikir ke mana perginya wang-wang tersebut?²⁶⁵ Jadi, melalui pemerhatian yang dijalankan, tiada jawapan yang dapat menjawab persoalan itu dengan jelas, malahan tidak dapat diketahui ke mana pengalirannya. Namun demikian, jika melalui pengetahuan dan pertimbangan yang wajar, eloklah jika bayaran-bayaran tersebut dijadikan sebagai sumber bagi penyediaan pampasan untuk mangsa-mangsa rogol di negara ini, terutamanya dalam kes-kes di mana perogol yang tidak berkemampuan.

Secara umumnya juga, langkah mewujudkan tabung pampasan ini adalah bersesuaian dan selari dengan amalan di Amerika Syarikat yang menjadikan bayaran-bayaran daripada item-item berkenaan sebagai sumber kewangan utama

²⁶⁵ Namun, dalam usaha mendapatkan jawapan kepada persoalan ini, penulis menghadapi masalah untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak-pihak berkenaan dengan alasan penulis bergerak secara individu dan bukannya dari pertubuhan-pertubuhan tertentu.

tabung mangsa kecederaan jenayah. Ini termasuklah juga kecederaan akibat dirogol. Dari segi hukum pula, perkara ini sama sekali tidak bercanggah dengan peruntukan syariah. Ini kerana, Islam sememangnya akan mengakui serta mengiktiraf sesuatu perkara yang akan membawa manfaat dan kebaikan kepada umat manusia, khususnya umat Islam sendiri. Perkara ini juga adalah selaras dengan *maqāsid al-shārī`ah*, iaitu menjaga dan memelihara kehormatan diri dan keluarga. Jika kehormatan itu dicerobohi, maka wajarlah ia diberikan pampasan sebagai bayaran gantirugi di atas jenayah yang dilakukan ke atas mangsa. Atas dasar inilah, maka Islam mensyariatkan bayaran-bayaran dalam bentuk *diyat*, *arsh*, *hukūmah* serta *ta`zīr* dalam melaksanakan keadilan kepada manusia secara keseluruhan.

6.8 Pihak-pihak Yang Boleh Menuntut Pampasan Dalam Kes-kes Rogol

Berdasarkan dalil-dalil yang dinyatakan di awal Bab ini, terdapat beberapa pihak yang boleh menuntut pampasan dalam kes-kes jenayah termasuk jenayah rogol. Antaranya adalah mangsa sendiri atau ahli keluarganya. Dalam kes-kes yang melibatkan mangsa yang bukan di bawah umur, mangsa boleh menuntut pampasan bagi pihaknya sendiri. Sementara dalam keadaan-keadaan tertentu, tuntutan berkenaan juga boleh dibuat sama ada oleh ahli keluarga atau melalui peguam yang dilantik. Ini boleh berlaku jika keadaan diri mangsa tidak

mengizinkan mereka membawa tuntutannya sendiri²⁶⁶ dan memerlukan pihak lain mewakilinya.

6.9 Kesimpulan

Perbincangan di dalam bab ini menjelaskan bahawa Islam memang mengiktiraf perbuatan rogol sebagai jenayah, bukan sahaja terhadap Allah s.w.t malahan terhadap mangsa itu sendiri. Bukan hanya mengiktiraf perbuatan itu, tetapi Islam juga turut menyediakan peruntukan-peruntukan yang jelas mengenai pampasan kepada mangsa rogol. Peruntukan yang telah tersedia di dalam perundangan Islam sejak lebih seribu empat ratus tahun ini secara dasarnya mempunyai persamaan dengan amalan yang sedang diamalkan di negara-negara Barat. Keunggulan dan kedinamikan undang-undang Islam ini sememangnya nyata. Islam tidak menolak, malahan turut mengiktiraf apa sahaja perkara yang akan mendatangkan manfaat kepada manusia. Kesyumulan dan kefleksibelitian agama Islam juga menjadikan ia boleh diadaptasikan dalam semua keadaan, semua kaum dan budaya, walau berada pada zaman mana sekalipun. Bab ini telah membuktikan bahawa undang-undang pampasan di Malaysia pada masa hadapan boleh menggunakan asas-asas yang telah tersedia di dalam peruntukan undang-undang Islam. Oleh yang demikian, tidak mustahil pada masa akan datang,

²⁶⁶ Misalnya dalam kes-kes di mana mangsa mengalami trauma, tidak berupaya membawa tuntutan secara sendiri seperti mangsa masih di bawah umur (termasuk kes-kes rogol statutori) atau mangsa meninggal dunia dalam insiden berkenaan.

mangsa-mangsa rogol di negara ini akan mendapat pembelaan yang lebih baik dalam erti kata mendapat keadilan yang sebenarnya.

BAB 7

KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

7.1 Kesimpulan dan Analisis Umum Kajian Ini

Setiap wanita yang dilahirkan di dunia ini begitu istimewa dari pelbagai aspek. Golongan ini mempunyai martabatnya tersendiri. Meskipun kelahirannya pernah dibenci pada zaman Nabi Musa a.s, martabat wanita kembali diangkat ke tahap yang tinggi dan mulia, seperti mana yang diceritakan di dalam beberapa ayat suci al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w. Faktor ini seharusnya menjadikan maruah dan kehormatan setiap wanita perlu dijaga serta dihormati. Namun realiti kehidupan mereka berbeza daripada kenyataan tersebut. Di mana-mana sahaja wanita berada, mereka sentiasa berasa tidak selamat lantaran menanggung risiko berhadapan dengan bahaya serangan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Malahan dalam sesetengah kes tiada berperikemanusiaan. Ini kerana, dari segi hakikatnya jenayah rogol boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada di dalam ataupun di luar rumah. Paling membimbangkan apabila dalam kes-kes yang pernah berlaku, perogol terdiri daripada saudara mara atau kenalan mangsa, termasuk jiran. Jenayah ini pula boleh berlaku tanpa diduga bila, di mana dan siapa yang bakal bertindak sedemikian. Tindakan perogol merupakan tindakan yang amat zalim kerana melakukan jenayah berkenaan tanpa memikirkan perasaan dan kesan yang bakal dialami mangsa. Ini dibuktikan

daripada kes-kes yang pernah berlaku di mana jenayah rogol telah meninggalkan banyak impak negatif terhadap fizikal dan mental mangsa. Ini menjadikan mangsa hidup dalam pelbagai imej yang tidak baik. Padahal, kejadian tersebut sama sekali tidak diingini oleh mereka. Walaupun realiti di negara ini telah mempunyai satu sistem pengurusan mangsa rogol, tetapi mangsa sebenarnya memerlukan lebih daripada itu. Mereka terbukti memerlukan satu lagi bentuk pembelaan iaitu dari segi kewangan. Aspek pembelaan ini penting dalam membantu mereka terutamanya bagi mengurangkan kesedihan, seterusnya membolehkan mereka memulakan kehidupan yang baru.

Dalam perkara ini, walaupun undang-undang di Malaysia ada menyediakan peruntukan mengenai pampasan yang perlu dibayar oleh penjenayah (termasuk perogol), tetapi peruntukan di dalam Kanun Prosedur Jenayah berkenaan jarang dikemukakan dalam kes-kes rogol. Sebaliknya, semua pihak sering bertegas tentang perihal hukuman terhadap perogol. Malah, pihak-pihak ini sangat kurang dalam menyuarakan isu bayaran gantirugi atau pampasan kepada mangsa rogol. Walaupun dari satu sudut, tidak boleh dinafikan bahawa ada suara-suara yang menyentuh isu ini, tetapi suara-suara ini hanya terhenti pada peringkat yang paling awal. Suara-suara tersebut hanya sekadar menyuarakan pandangan dan terhenti setakat cadangan sahaja. Malangnya, idea yang bernilai itu tidak dikaji dan diteliti secara lebih mendalam. Sedangkan kajian dan penjelasan berkaitannya begitu penting untuk diperhalusi supaya prinsip serta konsepnya

jelas kepada semua pihak. Ini kerana aspek inilah yang akan mencetuskan reformasi terhadap fahaman semua pihak berkenaan idea murni ini. Rentetan daripada perubahan pemikiran inilah yang selanjutnya akan membawa kepada penerimaan yang positif terhadap cadangan pampasan ini. Dengan demikian, negara ini boleh mewujudkan sistem pampasan terhadap mangsa rogol sebagaimana yang sepatutnya.

Sementara dari segi perlaksanaannya, Malaysia boleh mencontohi beberapa buah negara Barat yang sememangnya berpengalaman dalam penggubalan serta perlaksanaan mengenainya. Negara-negara berkenaan telah sekian lama mewujudkan sistem ini, dan terbukti telah membawa suatu sinar baru ke dalam diri mangsa. Ia terbukti apabila setiap tuntutan yang dibawa ke muka pengadilan, akan memperoleh pampasan. Apa yang ada di negara-negara tersebut patut diberi perhatian sama ada dari segi peruntukan, prosedur, sumber kewangan dan beberapa aspek yang lain. Tetapi, dalam mencontohi apa yang tersedia di negara-negara berkenaan, perlu diingat bahawa bukan semua yang dijadikan amalan di negara-negara itu boleh diambil secara "bulat-bulat". Sebaliknya ia memerlukan penelitian yang mendalam dari pelbagai aspek. Ini adalah supaya ianya dapat disesuaikan dengan situasi dan lokaliti negara ini. Dengan kata lain, amalan pampasan mangsa rogol di negara-negara berkenaan boleh dicontohi secara umum manakala isinya pula perlu diadakan penambahbaikan agar kena dengan

masyarakat negara ini, yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam.

Berdasarkan faktor tersebut, maka negara ini memerlukan lebih daripada panduan umum atau secara luaran semata-mata. Malahan, ia memerlukan contoh dan panduan secara menyeluruh termasuk pelbagai aspek yang berkaitan. Justeru, selain mengambil iktibar daripada amalan-amalan positif di negara-negara Barat, negara ini memerlukan panduan daripada sistem pampasan yang lebih sesuai daripada amalan-amalan sistem perundangan lain. Apa yang membanggakan dalam perkara ini ialah terdapat satu lagi sistem pampasan yang sudah diamalkan sejak lebih empat belas abad yang lalu. Itulah sistem pampasan yang terkandung di dalam sistem perundangan Islam. Dari aspek ini, sebagai agama yang mementingkan prinsip keadilan, Islam mengajar umatnya supaya menghormati dan melindungi golongan wanita dalam semua keadaan. Sama ada mereka dari kalangan ahli keluarga, saudara mara, rakyat negara ini, warga asing, wanita Islam mahupun bukan Islam. Kehormatan dan kesucian mereka tidak sepatutnya diganggu gugat, apatah lagi dirampas secara zalim. Jika wanita itu dizalimi, maka orang yang melakukan kezaliman itu tidak akan terlepas dari hukuman, sama ada hukuman dunia mahupun akhirat. Perogol yang melakukan jenayah itu bukan sahaja menzalimi hak mangsa sebagai individu yang terlibat, tetapi turut melakukan kezaliman terhadap hak Allah s.w.t. Perkara ini boleh dilihat dari aspek perogol itu sendiri, di mana jenayah rogol menyamai jenayah zina iaitu

melibatkan persetubuhan di luar pernikahan yang sah, yang menyebabkannya dihukum sebagaimana *had* zina. Inilah bentuk hukuman ke atasnya yang telah melanggar hak Allah s.w.t. Manakala dari aspek mangsa pula, mereka adalah "mangsa" yang tidak berdosa kerana persetubuhan yang berlaku itu adalah di luar kemahuan mereka. Dengan demikian, perogol telah menyalimi hak-hak mangsa di mana telah menyebabkan kecederaan sama ada dari aspek fizikal, mental ataupun harta benda mereka. Kekerasan terhadap mangsa ini juga tertakluk di bawah peruntukan "*jirāh*" yang sedia diperuntukkan di bawah undang-undang Tort Islam. Oleh itu, maka terbuktilah bahawa Islam bukan sahaja mengiktiraf pampasan kepada mangsa rogol, bahkan turut menyediakan remedii sivil kepada mereka sebagai pampasan akibat perlanggaran ke atas hak-haknya serta kecederaan-kecederaan yang dialaminya.

Berdasarkan prinsip-prinsip jenayah dan sivil yang juga terpakai dalam kes-kes rogol menurut perundangan Islam, maka tepat pada masanya perkara ini diketengahkan dalam amalan undang-undang jenayah dan sivil di negara ini. Amalan menghukum perogol dengan hukuman denda, sebat atau penjara sebelum ini belum cukup untuk mencerminkan slogan 'Negara Prihatin' terhadap mangsa-mangsa rogol di negara ini. Oleh yang demikian, negara amat memerlukan medium alternatif dalam mencapai objektif memberi keadilan kepada mangsa jenayah ini, selaras membuktikan keprihatinan negara yang hakiki. Dengan mengambil asas dan panduan yang disediakan di dalam sistem

perundangan Islam, maka pampasan kepada mangsa rogol khususnya di negara ini adalah paling relevan. Walaupun ia beracuan syariah yang lebih berkaitan dengan orang Islam, tetapi tidak semestinya tidak boleh dimanfaatkan untuk mangsa yang bukan Islam. Sebagai agama yang bersifat syumul, Islam menyediakan sesuatu hukum itu bukan hanya untuk kebaikan dan keadilan kepada umat Islam semata-mata, malah faktor fleksibilitinya membolehkan sistem perundangan Islam dijadikan alternatif paling tepat dalam merealisasikan keadilan kepada seluruh manusia. Ketepatan memilih asas dan panduan Islam dalam isu pampasan terhadap mangsa rogol di negara ini sebenarnya telah selari dengan beberapa pendapat dan cadangan yang pernah dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu sebelum ini. Namun, ketiadaan asas dan panduan yang benar-benar tepat untuk mewujudkan sistem pampasan itu menjadikan asas dan panduan yang ada di dalam sistem pampasan Islam ini diketengahkan. Ia diketengahkan bertujuan agar dapat dicontohi serta diadaptasikan dalam mewujudkan sistem pampasan mangsa rogol yang tersendiri di negara ini.

Dalam perkara berkaitan juga, kewujudan peruntukan mengenai pampasan di negara ini sebenarnya boleh dijadikan titik tolak kepada apa sahaja isu berkaitan pampasan. Meskipun kewujudan peruntukan itu disedari, namun ia kurang diaplikasikan. Hakikatnya, jenayah rogol yang juga merupakan salah satu daripada kategori kesalahan (tort) serang sentuh, jarang diberi perhatian yang serius. Apatah lagi mengenai penyediaan pampasan kepada mangsa yang terlibat.

Hasil kajian ini telah berjaya menerangkan bahawa peruntukan undang-undang mengenai pengenaan pampasan kepada mangsa-mangsa jenayah yang sedia ada di negara ini boleh dijadikan asas kepada penyediaan satu sistem berkenaan pampasan terhadap mangsa rogol. Ini dibuktikan dalam setiap perbicaraan jenayah, pesalah yang disabitkan itu boleh diperintahkan membayar pampasan tersebut. Perintah ini adalah di bawah kuasa mahkamah jenayah yang mendengar kes berkenaan. Walau bagaimanapun, mangsa juga tidak dihalang daripada membuat tuntutan di mahkamah sivil dalam usaha mendapatkan pampasan yang lebih baik. Tetapi, dalam kes-kes jenayah ini tidak semua mangsa berjaya mendapatkan pampasan yang diminta. Ada yang hanya berjaya memperoleh perintah mahkamah dan ada pula yang tidak berbaloi dengan kecederaan yang dialami. Terdapat juga kes-kes di mana pihak penjenayah itu enggan atau gagal atas sebab-sebab tertentu untuk melunaskan bayaran pampasan yang diperintahkan dibayar kepada mangsa.

Atas alasan inilah, sistem *'āqilah* yang ada di dalam sistem pampasan Islam boleh diterima pakai sebagai alternatif untuk mendapatkan pampasan daripada pihak-pihak yang berkenaan selain perogol itu sendiri.²⁶⁷ Prinsip *'āqilah* ini yang diubahsuaikan mengikut situasi hari ini adalah melalui konsep ijtihad. Pemakaian ijtihad dalam isu *'āqilah* ini membolehkan prinsip ini beralih

²⁶⁷ Lihat perbincangan lanjut mengenai prinsip *'āqilah'* moden di dalam Siti Zubaidah Ismail, (2005), Kecuaian dan Pampasan Terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-undang Tort Islam, Tesis PhD, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, m.s. 213-233.

pertanggungjawabannya ke atas pihak-pihak selain daripada ahli waris atau Baitulmal dalam konsep *Diwān* yang asal. Tuntutan keadilan terhadap mangsa ro gol pada hari ini memerlukan badan-badan tertentu bertindak sebagai ‘āqilah kepada perogol, dalam kapasitinya sebagai *diwān* yang baru kepada perogol yang memegang polisinya mahupun dalam membawa peranan menjaga kebijakan perogol sebagai ahli di dalam pertubuhannya. Walaupun secara dasarnya, prinsip ‘āqilah hanya boleh dipakai dalam kes-kes yang melibatkan jenayah yang tidak disengajakan, namun dalam situasi hari ini yang amat memerlukan medium lain sebagai sumber pampasan, tidak salah jika prinsip ini diadaptasikan dengan sedikit perubahan terhadap konsep dan dasarnya yang asal. Kenyataan ini adalah benar dengan mengambil iktibar daripada prinsip *maqāsid al-syārī`ah* yang paling penting untuk dijaga. Dalam membawa prinsip *maqāsid al-syārī`ah* ini, maka perubahan dasar yang dahulunya mungkin tidak dibolehkan sebaliknya telah dibolehkan kini melalui penerapan kaedah *ijtihād* terhadap isu ‘āqilah semasa ini. Kerana segala tindakan atau hukum yang dikaitkan dalam apa ju a perkara adalah berlandaskan tujuan yang sama, iaitu menjaga kepentingan aspek-aspek yang terkandung di dalam prinsip *maqāsid al-syārī`ah* itu.

Tetapi, harus diingatkan bahawa prinsip ‘āqilah yang diubahsuai ini bukan untuk mengenepikan tanggungjawab sebenar yang terpikul di bahu perogol. Sebaliknya, prinsip ini hanya boleh terpakai dalam kes-kes yang melibatkan perogol yang tidak mempunyai sumber kewangan yang cukup bagi melunaskan

bayaran pampasan terhadap mangsa. Sebaliknya, jika perogol sudah memiliki keupayaan dan sememangnya mampu untuk membayar keseluruhan jumlah pampasan berkenaan, maka peranan *'āqilah* di sini tidak perlu. Alasan yang membolehkan tanggungjawab membayar pampasan itu berpindah kepada *'āqilah*, sama ada membayar secara bersama dengan perogol mahupun secara keseluruhannya, adalah mengambil kira kepentinganya dalam menjelaskan keseluruhan pampasan kepada mangsa. Oleh yang demikian, maka keadilan yang sebenarnya dapat direalisasikan ke atas mangsa. Perkara ini sudah tentu berbeza dengan keadaan sebelum penguatkuasaan sistem pampasan ini. Kerana sebelum ini mereka hanya dapat memperolehi perintah mahkamah terhadap pampasan itu, tetapi bayaran pampasan itu belum tentu dapat diperolehi secara hakikinya.

7.2 Cadangan

Selain daripada fokus utama kajian ini yang lebih mengetengahkan isu dan cadangan terhadap penyediaan pampasan dalam bentuk kewangan kepada mangsa-mangsa rogol, kajian ini juga mendapati ada beberapa pembaharuan perlu dilakukan. Ia bertujuan memasukkan elemen-elemen penambahbaikan terhadap segala kemudahan yang disediakan di dalam sistem pengurusan rogol itu sendiri.

1. Untuk memastikan mangsa rogol benar-benar mendapat pembelaan sewaktu menjalani pemeriksaan dan sesi rawatan di hospital, adalah disarankan supaya

pihak hospital menyediakan rawatan percuma untuk semua jenis kecederaan kepada mereka. Kecederaan yang dimaksudkan adalah kecederaan yang diakibatkan oleh jenayah berkenaan rogol. Walau bagaimanapun, untuk memastikan keadilan benar-benar realistik ke atas mangsa, maka pihak hospital berkenaan perlulah memberikan rawatan percuma di atas setiap rawatan yang diterima mangsa. Seterusnya juga, pihak hospital seharusnya menyimpan rekod berkenaan setiap rawatan dan memantau perkembangan mangsa dari semasa ke semasa untuk tempoh masa yang panjang.

2. Kaunseling terhadap mangsa serta keluarga mereka perlu dipertingkatkan lagi. Ini bertujuan supaya mereka tidak berterusan berada di dalam trauma dan kesedihan. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan dan intensif terutamanya bagi mereka yang mengalami trauma di tahap yang teruk, sehingga tidak mampu lagi untuk meneruskan kehidupan seperti sedia kala.

3. Rumah-rumah atau tempat-tempat-tempat perlindungan perlu lebih terbuka menerima dan ‘merawat’ mangsa yang memerlukan tempat perlindungan tersebut tanpa mengira usia. Perlindungan ini juga mestilah dalam tempoh yang lebih panjang, di samping memberi peluang pekerjaan kepada mangsa yang sudah menunjukkan peningkatan psikologi terhadap perkara yang menimpanya. Dalam perkara ini, mangsa berkenaan juga patut diberi kesempatan bekerja di tempat-tempat perlindungan yang melindungi mereka, di samping tempat-tempat

perlindungan yang lain. Jika ini berlaku, pihak rumah perlindungan dapat memantau perkembangan mangsa dari semasa ke semasa.

4. Masyarakat negara ini juga perlu memberi sokongan dan bantuan kepada mangsa-mangsa rogol. Sebaliknya jangan pula memandang serong, lebih-lebih lagi menyalahkan mangsa di atas jenayah berkenaan. Ini kerana mereka adalah mangsa yang tidak berdosa, dan perkara yang berlaku bukan di atas kehendak mereka sendiri. Jika masyarakat boleh bersikap terbuka menerima mangsa rogol tanpa prejudis, ini sudah tentu boleh membantu mangsa meningkatkan tahap keyakinan diri mereka. Oleh yang demikian, pastinya semua mangsa jenayah ini dapat menerima nasib malang yang menimpa diri tanpa perlu merasa tersisih dari masyarakat sekeliling. Dengan itu juga mangsa boleh bersikap lebih positif dan terbuka terhadap diri sendiri, walaupun selepas kejadian yang meninggalkan kesan seumur hidup mereka.

5. Masyarakat termasuk mangsa sendiri perlu memperluaskan pemahaman dan kesedaran mereka secara keseluruhannya mengenai peruntukan pampasan sedia ada berkaitan pampasan mangsa rogol. Jika semua lapisan masyarakat sedar mengenai hak mangsa ini, sudah tentulah pembelaan sebenar tehadap mangsa-mangsa ini dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin.

6. Adalah menjadi keperluan untuk mewujudkan satu penetapan dalam bentuk prosedur-prosedur tertentu mengenai tuntutan pampasan ke atas kes-kes rogol, sama ada sebelum, semasa dan selepas tuntutan pampasan berkenaan dibuat atau diterima. Perkara ini bolehlah dirujuk kepada amalan-amalan pampasan ini di negara-negara yang telah lama mengamalkannya, lebih-lebih lagi di dalam sistem perundangan Islam sendiri.
7. Apa yang dikutip daripada peruntukan dan pengalaman negara-negara barat perlulah diharmonikan dengan undang-undang syariah supaya ianya tidak bertentangan dengan syarak. Sementara peruntukan mengenai pampasan kepada mangsa rogol yang ada di dalam perundangan syariah pula perlulah diadaptasikan sebaik mungkin sejajar dengan usaha untuk mewujudkan sistem pampasan tersendiri negara ini.
8. Perluasan tafsiran terhadap golongan *al-ghārimīn* di dalam asnaf-asnaf yang layak menerima zakat adalah perlu. Perluasan ini perlu supaya ia dapat merangkumi penjenayah yang tidak mampu membayar pampasan kerana ia juga dianggap sebagai penghutang. Ini memerlukan *ijtihād* sebagaimana keperluan *ijtihād* itu terhadap prinsip *`āqilah* zaman moden dan sebagainya.
9. Penggunaan nilai mata wang yang berasaskan nilai semasa emas dan perak perlu diaplikasikan sebagaimana amalan perundangan Islam itu sendiri.

Kaedah penilaian ini mampu membuka jalan kepada segala kekusutan berkenaan sumber rujukan paling sesuai mengenai penilaian pampasan ini. Justeru itu, kaedah yang digambarkan melalui model kuantum pampasan berdasarkan nilai semasa emas dan perak sebelum ini paling tepat dalam menyelesaikan kecaburan tentang kaedah berkenaan.

7.3 Arah Tuju Kajian Masa Hadapan

1. Pihak-pihak tertentu khususnya yang terlibat dengan kajian merealisasikan sistem pampasan ini perlu menjalankan kajian mendalam dan meluas di negara-negara barat dalam usaha memperoleh input berdasarkan pengalaman negara-negara tersebut terhadap amalan pampasan ini. Amalan-amalan di negara-negara ini secara dasarnya tidak bertentangan dengan undang-undang Islam kerana ia adalah untuk manfaat dan kemaslahatan mangsa.

2. Seterusnya, kajian lebih terperinci juga perlu dijalankan terhadap fokus perogol sebagai golongan *al-ghārimīn* yang membolehkan mereka memperoleh sumber kewangan daripada wang zakat, yang terkandung di dalam peruntukan asnaf lapan. Walau bagaimanapun, wang zakat tersebut tidak akan diberi kepada perogol, sebaliknya akan terus diberikan kepada mangsa rogol. Dengan kata lain, perogol yang asalnya sebagai penerima primer tidak akan memperoleh wang tersebut, tetapi wang itu akan digunakan sebagai bayaran pampasan kepada mangsa, iaitu sebagai penerima sekunder yang lebih berhak ke atasnya. Perkara

ini hanya akan berlaku dalam kes-kes di mana perogol tidak mempunyai sumber kewangan bagi melunaskan bayaran pampasan terhadap mangsa. Sedangkan jenayah berkenaan telahpun berlaku ke atas mangsa, dan bayaran pampasan perlu dilaksanakan segera bagi mengelakkan mangsa terus menunggu dalam tempoh yang lama untuk mendapatkan keadilan.

3. Kajian mendalam juga adalah perlu untuk mengkaji pengaliran bayaran-bayaran denda, saman dan kompaun yang dibayar di mahkamah. Ini adalah penting bagi memastikan sumber-sumber berkenaan dapat dimanfaatkan ke arah menyediakan dana bagi tujuan bayaran pampasan kepada mangsa rogol.

7.4 Penutup

Mangsa rogol yang tidak bersalah tidak patut dipersalahkan atas kejadian yang sama sekali tidak diingini mereka. Sebaliknya, mereka perlu dibantu dan diberi sokongan moral agar lebih tabah menghadapi hari-hari mendatang. Lebih dari sekadar itu, mereka berhak memperoleh pampasan di atas jenayah yang dilakukan ke atas maruah dan diri mereka. Secara realitinya, rasional pampasan yang dituntut oleh mangsa bukan semata-mata bertujuan mengembalikan maruah diri mereka yang dirampas, tetapi lebih bermanfaat untuk digunakan dalam hal-hal berkaitan pembelaan yang lebih memberi keadilan kepada mereka. Bertitik tolak daripada perkara inilah, maka reformasi yang amat diperlukan dalam sejarah sistem pampasan negara ini dilihat sebagai amat tepat dalam

membuktikan konsep negara prihatin. Ini seiring dengan usaha merealisasikan keadilan kepada seluruh rakyat Malaysia. Dengan ini, kebijakan setiap masyarakat khususnya mangsa yang terlibat terjamin. Justeru, adalah diharapkan agar kajian ini telah dapat memberi input berguna serta mampu membuka mata semua pihak terutamanya mangsa itu sendiri, bahawa undang-undang negara ini telah menyediakan satu saluran yang begitu bernilai untuk mereka menuntut keadilan secara personal. Faktor inilah yang membuktikan bahawa mereka sememangnya mempunyai hak di sisi undang-undang negara ini untuk memperoleh sejumlah gantirugi atau pampasan setimpal di atas nasib malang yang menimpa diri dan keluarga mereka. Sementara bagi pihak-pihak yang terlibat dalam menggubal reformasi ini, diharapkan agar usaha mereka dapat merealisasikan cita-cita dalam usaha mewujudkan satu sistem pampasan mangsa yang tersendiri dan adil kepada semua mangsa serta pihak-pihak yang terlibat.

BIBLIOGRAFI

Buku-buku Bahasa Melayu

Abd. Aziz Hussin, (1990), *Undang-undang Kesalahan Terhadap Diri: Aspek-aspek Terpilih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kumpulan Petugas Jaringan Pusat Krisis Wanita, (2002), *Bekerjasama Dengan Survivor Rogol: Buku Panduan*, Pusat Kesedaran Wanita Pulau Pinang.

Mahfodz Mohamad, (1987), *Jenayah Dalam Undang-undang Islam: Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-Hukum Hudud*. Cet. Ke-2, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Mat Saad Abd. Rahman, (1989), *Undang-undang Jenayah Islam: Jenayah Qisas*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.

Muslehuddin, Muhammad, (1992), *Jenayah dan Doktrin Islam Dalam Tindakan Pencegahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Paizah Ismail, (1996), *Undang-undang Jenayah Islam*, cet. 2, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.

Rahmat Haroun, (1992), *Sifilis dan Penyakit Kelamin Lainnya*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti sdn. Bhd.

Shahrom Abd. Wahid, (1993), *Patologi Forensik*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Agil Syed Barakbah, “Kedudukan dan Perlaksanaan Undang-undang Jenayah di Pakistan”, dalam Abdul Monir Yaacob (Penyunting), *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*, K. Lumpur: Institut Kemajuan Islam Malaysia.

Buku-buku Bahasa Inggeris

Alina Rastam. (ed.) (2002), *The Rape Report: An Overview of Rape in Malaysia*. All Women's Action Society (AWAM).

Allison, Julie A. *et al.* (1993), *Rape: The Misunderstood Crime*. Newbury Park, CA.: Sage.

Burns, Peter T. (1992), *Criminal Injuries Compensation*. Edisi ke-2, Toronto: Butterworth.

Chappell, Duncan *et.al.* (1977), *Forcible Rape: The Crime, the Victim and the Offender*. New York: Columbia Universiti Press.

Cherry, John *et al.* (2000), *Guidelines for the Assessment of General Damages in Personal Injuries Cases*. London: Blackstone Press Ltd.

Holmes, Stephen T. (2002), *Sex Crimes: Patterns and Behaviour*. Thousand Oaks, Calif: Sage Publications.

Holmstrom, Lynda Lytle *et al.* (1978), *The Victim of Rape: Institutional Reactions*. New York: Wiley.

Jones, Michael A. (1995), *Limitation Periods in Personal Injury Actions*. London: Blackstone Press Ltd.

Mandal, Bibhat K. *et.al*, (2004), *Lecture Notes On Infectious Diseases*, Malden Mass.: Blackwell Publishing.

Lunney, Mark (2000), *Tort Law: Text & Materials*, New York: Oxford University Press.

McLay, W.D.S (1996), *Clinical Forensic Medicine*, Edisi ke-2, London: Greenwich Medical Media.

Miers, David R. (1990), *Compensation for Criminal Injuries*. London: Butterworth.

Mohd. Ma'sum Billah, (2003), *Shariah Standard of Quantum Damages in Insurance (Third Party Claim): A Handbook For Actuarise and Accountants*. Petaling Jaya, Selangor: Ilmiah Publishers.

Ratanlal, Ranchhoddas (2002), *The Law of Torts*, edisi ke-24, New Delhi: Wadhwa & Co.

Sayed Sikandar Shah Haneef (2000), *Homicide in Islam: Legal Structure and the Evidence Requirements*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Sharif, Muhammad (1972), *Crimes and Punishment in Islam*. Lahore: Institute of Islamic Culture.

Temkin, Jennifer (ed) (1995), *Rape and the Criminal Justice System*. Aldershot: Dartmouth.

Walker, Marcia J. et al. (1976), *Sexual Assault: The Victim and The Rapist*. London: Lexington Books.

Buku-buku Bahasa Arab

Abū Zahrah, Muḥammad (t.t.), *al-Jarīmah wa al-'Uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī*, jld.2, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.

Al-Jundī, Muḥammad al-Ṣahhāt (t.t), *Jarīmat Ightisab al-Ināth fī al-Fiqh al-Islāmī Muqāran bi al-Qānūn al-Waḍī'*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.

Al-Munzirī (1939), *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim*, edisi ke-2, Beirut: al-Maktabah al-Islami.

Al-Nawawī, Abū Zakaria Yahyā Ibn Sharif (t.t), *Rawdat al-Tālibīn*, juz. 7, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Shāfi'ī, Abū 'Abd Allah Muḥammad Ibn Idris (1993), *Al-'Umm*, juz. 6, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Zuhayli, Wahbah (1998), *Naẓariyyah al-Damān aw Aḥkām al-Mas'ūliyyah al-Madaniyyah wa al-Jinā'iyyah fī al-Fiqh al-Islāmī: Dirāsa Muqāranah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'assir.

Anas, Abū 'Abd Allāh Mālik (t.t). *Al-Mudawwanat al-Kubrā*. jld. 6, Beirut: Dar Sadir.

_____ (1951). *Al-Muwatta'*. Juz. 1, Kaherah: Matba'at Muṣṭafā al-Babi al-Halabi.

'Awdaḥ, Abd. Al-Qadir (1980), *Al-Tasyri` al-Jinā'i al-Islāmī*, juz. 2, cet. 4, Beirut: Dar Ihya'i al-Turath al-'Arabi.

Bahnasi, Ahmād Fāthī (1965), *al-Hudūd wa al-Ta'zir*, Kaherah: Maktabah al-Wa'y al-'Arabi.

_____ (1988), *al-Diyāt fī al-Syarī`ah al-Islāmiyyah*. edisi ke-4. Kaherah: Dar al-Shuruq.

Fayd Allāh, Muḥammad Fawzī (1983), *Nazariyyah al-Damān fī al-Fiqh al-Islāmī al-Ām*. Kuwait: al-Turath al-Islami.

Ibn Qudāmah, Abū `Abd Allāh Ibn Aḥmad ibn Muḥammad (1999), *Al-Mughnī*. juz.12, Riyad: Dar `Alam al-Kutub.

Artikel Bahasa Melayu

Nik Rahim Nik Wajis (1998), “Jenayah Rogol Di Dalam Undang-undang Islam”, *Jurnal Syariah*, Jld.6, 780.

_____ , “ Taubat dan Kesannya Terhadap Hukuman Jenayah di Dalam Islam”, *Jurnal Syariah*, Jld.4, Bil.2, 250-256.

Paizah Hj. Ismail, “Asas Perbezaan Kadar Diyat Antara Lelaki dan Wanita Menurut Undang-undang Islam”, *Jurnal Syariah*, Jld.5, Bil. 2, 229-237.

Sulaiman Daud (2001), “Kesalahan-kesalahan Syariah di Bawah Bidang Kuasa Semasa”, *Jurnal Hukum*, 14.1,13-20.

Ahmad Zulkharnain Musa *et.al* (2002), ‘Rape: A Comparative Study’, [2002] *Law Majalla* 143.

Artikel Bahasa Inggeris

Ahmad Zulkarnain Musa (2002), “Rape: A Comparative Study”, *Law Majalla*, Vol. 1, m.s.143-168.

Clarkson, C.M.V., “Rape: Emasculation of the Penal Code: PP v. Zainal Abidin b. Hj. Ismail & Others”, (1998) 1 *MLJ* cxiii-cxx.

How, Kock Cheng, “Personal Injury: Citator”, (2001) *MLJ*

Mohd Ismail Hj. Mohd Yunus, “Gender Reassignment: A Legal Perspective on Rape, (2000) 4 *MLJ*, cIxxiv-cIxxxii.

_____, “The Legal Status of Consent to Sexual Intercourse: An Islamic Dimension”, *Law Majalla*, (2002), vol.1, 253-264.

_____, “The Essentiality of Physical Resistance in Rape: A Comparative Legal Dimension”, *INSAF*, (2002), 31:3, 62-76.

Nelson, G.F., “Compensation Under Malaysian Criminal and the Principle of ‘Diyat’ in Shariah Law: A Case Note”, (1992) 3 *MCLJ* iii-vii.

Ong, Ying Ping (1987), ‘A History of Misnomers in The Torts of Battery: A Casenote on Wilson v. Pringle, 8 *Sing LR* 97

Roosniza Mohd Shariff, “Penalties and Attitudes in Preventing Rape”, (2005) 1 *MLJ* ivii-ixvii.

Tesis

Siti Zubaidah Ismail, (2005), *Kecuaian dan Pampasan Terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-undang Tort Islam*, Jabatan Syariah Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Latihan Ilmiah

Hamidah Hassan, (1999), *Laporan Praktikum di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, Sabah: Aplikasi Teori Jenayah Dalam Kendalikan Kes Kaunseling (Khasnya Rogol)*.

Zarina Muhd Taha, (1996), *Diyat Dalam Pembunuhan Tidak sengaja: Hukuman dan Pampasan*.

Halijah Othman, *Kajian Mengenai Kes-kes Rogol Dari aspek Sosial dan Undang-undang di Malaysia*.

Wan Mohd Zawawi Wan Abd. Rahman, *Jenis-jenis Pampasan dan hukuman Dalam Undang-undang Jenayah, Tort dan Kontrak Yang Berlaku Di Malaysia: Perbandingan Dengan Undang-undang Islam*.

Kertas Kerja Seminar/Persidangan

Astrid H. Heger, “Medical Evaluation of Sexually Abused Child” Persidangan Kebangsaan Penderaan dan Pengabaian Kanak-kanak yang berlangsung di Institut Pediatrik, Hospital Kuala Lumpur pada 24-25 Jun 1995.

Keyworth, Anne, (1995), “The Effects of Rape, National Conference on Child Abuse and Neglect.”

Siti Zubaidah Ismail, (2005), “Bringing Justice to Women: Proposing Compensation for Rape and Incest Victims in Malaysia,” kertas kerja ini telah dibentangkan di Social-Legal Studies Association (UK) Annual Conference 2005 di Universiti Liverpool, Liverpool, United Kingdom pada 31 Mac 2005.

Ward, Collen (1984), “The Trauma of Sexual Assault: Psychological Stress and Coping in Adolescent Victims (Singapore),” Asian Workshop on Child and Adolescents Development, 9-14 April 1984.

Zainal Azam Abd. Rahman (2000), “Konsep Pampasan di Dalam Undang-undang Islam dan Prospek Pelaksanaannya di Malaysia,” kertas kerja ini telah dibentangkan di dalam Seminar Kebangsaan Undang-undang Jenayah Islam: Pendakwaan dan Pelaksanaan pada 14-15 November 2000 di Kuantan, Pahang.

Rujukan Akhbar

Harian Metro, “Kes-kes Rogol dan Bunuh Membabitkan Kanak-kanak,” 23 Disember 2004

New Straits Time, “Evening Jog Ends in Tragedy: Woman Abducted, Raped and Slash To Death” 16 Januari 2006.

Sinar Harian, “Jenazah Hanafi Dikebumikan di Kg Kubur Datu,” 21 Disember 2008, m.s. 12.

Sinar Harian, “Pembunuhan Digantung, Penantian Lapan Tahun Berakhir,” 21 Disember 2008, m.s. 12.

Utusan Malaysia, “Wanita Ditemui Separuh Bogel” bertarikh 16 Januari 2006

Utusan Malaysia, “Kisah Mangsa Rogol Di Pakistan Dibukukan” bertarikh 16 Januari 2006.

Utusan Malaysia, "Diskriminasi Undang-undang Rogol: Wanita Pakistan Terus Menderita" bertarikh 4 Oktober 2006.

Bahan-bahan Daripada Internet

Advice for Victims of Rape

<http://www.met.police.uk/sapphire/advice.htm> akses pada 14 Julai 2007

After Rape: Putting the Pieces Back Together

http://www.healthyplace.com/Communities/Abuse/list/treatment_rape.htm akses pada 01 Julai 2008

An Act Relating To Criminal Injuries Compensation,

<http://www.vilin.state.vi.us/publicLaws/law97/law97317.htm>, 5 Januari 2008.

Criminal Justice Act 1988 chapter 33 (Northen Ireland, UK),

http://www.legislation.hm80.gov.uk/acts/acts1988/ukpga_19880033_en_8.htm, 5 Januari 2008.

Criminal Injury Compensation Act [RSBC 1996] chapter 85 (British Columbia, Canada), http://www.qp.ov.bc.ca/statreg/stat/C/96085_01.htm, 5 January 2008.

"Compensation in Northen Ireland",

http://europa.eu.int/comm/justice_home/ejn/wmp_crime_victim_mir_er.htm, 5 Januari 2007

"Hak Anda Sebagai Seorang Mangsa"

<http://www.e-awam.com/1malay/rogol/hak.htm>, 23 Disember 2008

"Her Honor: An Islamic Critique of the Rape Laws of Pakistan from a Woman-Sensitive Perspective",

http://www.crescentlife.com/articles/social%20issues/rape_laws.htm, 27 Disember 2008

Guilt and Shame

http://www.healthyplace.com/Communities/Abuse/list/guilt_shame.htm akses pada 01 Julai 2007

"Memorandum on Laws Related to Rape: Proposals For Amendments",

<http://www.wccpenang.org/RapeMemo%20Sept03.doc>, 13 Januari 2008.

Memorandum To The Special Select Committee On Penal Code (Amendment) 2004 And Criminal Procedure Code (Amendment) 2007
<http://www.wccpenang.org/SelComm%20MEMO.doc> akses pada 14 Julai 2008

“North Carolina Coalition Against Sexual Assault: Victims Compensation Information”, <http://www.nccasa.org/Resources/victimscompensation.html>, 3 January 2007.

“Pengurusan Rogol”

<http://e-awam.com/1malay/rogol/pengurusan.htm>, 23 Disember 2008

Physical Effects of Being Raped or Sexually Assaulted

http://www.healthyplace.com/Communities/Abuse/list/effects_rape.htm akses pada 01 Julai 2007

Quraishi, Asifa, Her Honour: An Islamic Critique of the Rape Provisions in Pakistan Ordinance on Zina. <http://www.karamah.org/karamah> akses pada 30 Mei 2008

“Rape/Sexual Assault Crisis Centers, Crisis Centers and State Coalitions”, <http://www.smcm.edu/nsm/chemistry/Darlene/SAVIN/SAVIN-home.htm>, 3 January 2007

Rape: The Hospital Examination

http://www.wccpenang.org/r_rape_03.htm akses pada 06 Julai 2007

Rape & Incest: Islamic Prospective

By Uzma Mazhar

http://www.muslimaccess.com/articles/Women/rape_in_islam.asp akses pada 01 Julai 2007

Rape/ Sexual Assault: Overcoming A personal Crisis

<http://www.concentric.net/~Vap1/rape.htm> akses pada 14 Julai 2007

Rape Victims Need Support and Better Laws

<http://www.wccpenang.org/Rape%20Victims%20need%20support.doc> akses pada 01 Julai 2008.

Rape Victim Refused Compensation Because Of Prostitution, Wins Her Appeal
<http://www.allwomencount.net/EWC%20Sex%20Workers/compensationpr.htm>
akses pada 14 Julai 2008

“Setempat: Edisi Utara: Keluarga Syazwani Terima Pampasan Daripada Takaful”,
http://www.emedia.com.my/current_News/HM/Friday/setempat/20041231101607_13_Januari_2007

Suhakam: Make Rapist Pay Victims
<http://www.google.com.my/search?q=suhakam&hl=en&lr=&start=50&sa=N>
akses pada 11 Julai 2007

Supporting Someone Who Has Been Raped or Sexually Assaulted
http://www.healthyplace.com/Communities/Abuse/list/family_friends.htm akses pada 01 Julai 2008

The Independent UK (Wednesday 15 June 2007)
http://www.truthout.org/issues_05/061505WA.shtml akses pada 14 Julai 2007

The Physical Trauma of Rape
http://www.healthyplace.com/Communities/Abuse/list/treatment_physical.htm
akses pada 01 Julai 2007

“TNB harap keluarga Nurul terima sumbangan Ikhlas”,
http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?y=2004&dt=0201&pub=utusan_malaysia&sec=muka_hadapan&pg=mh_07.htm, 13 Januari 2007

UK Criminal Injury Compensation Scheme Nationwide Claims
http://www.accident-compensation-information.co.uk/html/criminal_injuries_compensation_scheme.html akses pada 01 Julai 2007

UK Criminal Injuries Compensation Authority Claims Advice (CICA)
<http://www.uksecuritydirectory.info/index.shtml> akses pada 01 Julai 2007

UK Criminal Injury Compensation UK Basic Guide
<http://www.uksecuritydirectory.info/search.shtml> akses pada 01 Julai 2007

UK Victim Support Confidential Assistance
http://www.accident-compensation-information.co.uk/html/victim_support_link.html akses pada 01 Julai 2007

Winning Compensation: What Further Evidence Do They Need?
<http://www.womenagainstrape.net/Victories/Victories.htm> akses pada 01 Julai 2008

Women's Rights in Pakistan: The Woman Who Dared to Cry Rape
By Jan McGirk

“Your Right As A Victim of Crime”,
http://crime.about.com/od/victims/qt/victims_ny.htm, 5 Januari 2008.

Temubual

P/ASP Suraini bt. Hussain, ASP di Jabatan Siasatan Khas (D9B), Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman. Temubual pada 22 Mac 2006.

Prof Madya Datin Noor Aziah Awal, Pensyarah Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Temubual pada 16 Oktober 2008

En Rahman b. Mokri, *Medical Social Worker (MSW)* di Jabatan Kebajikan Perubatan, Hospital Selayang. Temubual pada 24 Februari 2006.

Pn Ros Aniza bt. Zakaria, *Medical Social Worker (MSW)* di Jabatan Kebajikan Perubatan, Hospital Selayang. Temubual pada 24 Februari 2006.

L

A

M

P

I

R

A

N